



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

| | | |
|---|----------|------|
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman | 1) |
| RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT | (Halaman | 17) |
| RANG UNDANG-UNDANG | | |
| Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009 | (Halaman | 18) |
| <u>Jawatankuasa:-</u> | | |
| <u>Jadual:-</u> | | |
| Maksud B.6 dan B.7 | (Halaman | 37) |
| Maksud B.11 dan B.12 | (Halaman | 77) |
| Maksud B.13 | (Halaman | 81) |
| Maksud B.27 | (Halaman | 83) |
| Maksud B.28 | (Halaman | 88) |
| Maksud B.41 | (Halaman | 105) |
| USUL-USUL: | | |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman | 18) |
| Usul Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008 | (Halaman | 18) |
| <u>Jawatankuasa:-</u> | | |
| Maksud P.6 | (Halaman | 37) |
| Maksud P.10 | (Halaman | 77) |
| Maksud P.20 | (Halaman | 82) |
| Maksud P.21 | (Halaman | 82) |
| Maksud P.23 | (Halaman | 82) |
| Maksud P.24 | (Halaman | 82) |
| Maksud P.27 | (Halaman | 83) |
| Maksud P.28 | (Halaman | 88) |
| Maksud P.29 | (Halaman | 91) |
| Maksud P.30 | (Halaman | 104) |
| Maksud P.41 | (Halaman | 105) |

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia, S.U.M.W., P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Syed Hamid Albar, S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. ” Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. ” Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
16. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) –PBB
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
25. ” Menteri Penerangan, Dato’ Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) –UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Amirsham A. Aziz – *Senator*
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRs
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
8. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
12. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
21. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
24. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
25. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
29. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
35. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
36. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
6. “ Dato' Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
8. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
19. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
20. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS

21. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
22. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
23. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
24. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
25. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
26. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
27. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
28. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
29. “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
30. “ Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
31. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
32. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
33. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
34. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
36. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
37. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
38. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
39. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
40. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
41. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
42. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrums Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
44. “ Dato’ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
45. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
46. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
47. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
48. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
49. “ Dato’ Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
50. “ Dato’ Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
51. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
52. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB

53. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
54. “ Dato’ Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
56. “ Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
57. “ Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
58. “ Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
59. “ Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
60. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
61. “ Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
63. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
64. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasar Salak) – UMNO
65. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
66. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
67. “ Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
68. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
69. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
70. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
71. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
72. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
73. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
74. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Datuk Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
9. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)

10. Yang Berhormat Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
16. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
17. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
18. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
19. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
20. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
21. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
22. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
23. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
24. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
25. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
26. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato’ Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)

15. Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Haji Roslan Shahrarum (Bukit Gantang)
19. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
20. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
21. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
22. “ Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)

23. Yang Berhormat Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
2. " Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
3. " Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri
Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi
Sukmawati binti Abdul Rahman
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Nurul Fariah binti Mohd. Isa
Nordiyana binti Kamal Ariff
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 18 Mac 2009****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ahmad Maslan [Pontian]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, kesan positif atau negatif terhadap import dan eksport produk dan perkhidmatan di negara ini dalam situasi ekonomi dunia kini dan menyatakan langkah-langkah baru galakan industri bagi meningkatkan eksport serta nyatakan pasaran terkini negara baru yang diteroka.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]: Selamat pagi dan salam hormat Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengalu-alukan kedatangan pelajar sekolah dari Sekolah Menengah Seng Hwa. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian di atas soalan pertama pagi ini.

Sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa, sektor perdagangan Malaysia secara tidak langsung juga mengalami kesan kelembapan ekonomi dunia akibat daripada krisis kewangan global. Kesan ini dapat dilihat daripada penurunan jumlah eksport sebanyak 7.4 peratus dan import sebanyak 12.3 peratus pada suku keempat 2008 berbanding pada suku keempat setahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, jumlah dagangan keseluruhan Malaysia pada tahun lalu masih meningkat sebanyak 6.8 peratus kepada RM1.185 trilion. Eksport pula berkembang sebanyak 9.6 peratus kepada RM663.5 bilion manakala import meningkat 3.3 peratus kepada RM521.5 bilion.

Di antara pasaran-pasaran utama yang mencatatkan pertumbuhan eksport yang positif pada tahun lalu adalah Jepun dengan peningkatan sebanyak 30 peratus, India – 22.4 peratus; Australia – 19.7 peratus; China – 19.2 peratus; dan Korea Selatan – 12.4 peratus. Sungguhpun demikian Tuan Yang di-Pertua, eksport ke pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan Eropah menyusut sebanyak 12.5 peratus dan 3.8 peratus masing-masing disebabkan oleh penurunan permintaan terutamanya bagi barangan elektrik dan elektronik. Manakala eksport ke pasaran-pasaran baru meningkat pada tahun 2008 iaitu Ukraine sebanyak 126.7 peratus; Rusia – 47 peratus; Mesir – 45.8 peratus; Arab Saudi – 42.6 peratus; Mexico – 33.7 peratus; Emiriah Arab Bersatu – 24 peratus; Brazil – 23.8 peratus; dan Iran – 15.3 peratus.

Di antara sektor-sektor utama yang merekodkan pertumbuhan eksport yang positif adalah gas asli, meningkat sebanyak 55.7 peratus, minyak sawit – 46.3 peratus, minyak mentah – 31.5 peratus serta kimia dan produk-produk kimia – 10.4 peratus. Peningkatan eksport ini akan merangsang industri-industri berasaskan minyak sawit, kayu dan peralatan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah diambil untuk meningkatkan eksport adalah:

- (i) menganjurkan program khusus untuk mempromosikan sektor perkhidmatan di Timur Tengah iaitu satu pasaran baru bagi Malaysia melalui Pameran Perkhidmatan Malaysia dengan izin, *Malaysia Services Exhibition* di Emiriah Arab Bersatu;
- (ii) mempelbagaikan aktiviti promosi yang dirancang untuk tahun ini ditujukan kepada pasaran di Asia dan Timur Tengah supaya pengeksport Malaysia tidak terlalu bergantung kepada pasaran di Amerika Syarikat dan Eropah;
- (iii) memberi geran pembangunan pasaran dan dana eksport perkhidmatan bagi mempromosi dan memperluas eksport produk dan perkhidmatan ke pasaran-pasaran baru;
- (iv) memberi pengecualian cukai dari 30 peratus sehingga 100 peratus ke atas nilai penambahan eksport bagi syarikat tempatan dalam sektor perkilangan utama dalam menembusi pasaran baru;
- (v) memberi insentif untuk pelaksanaan *roset.net* iaitu sistem elektronik bagi menghubungkan pengeksport dengan rangkaian pembekalan;
- (vi) memberi potongan cukai potongan berganda untuk premium insurans kredit eksport; dan
- (vii) meningkatkan program *outreach* Tuan Yang di-Pertua kepada komuniti pengeksport tempatan untuk meraih manfaat keutamaan tarif di bawah Perjanjian-perjanjian Perdagangan Bebas ataupun *Free Trade Agreement* (FTA) dengan izin yang telah ditandatangani oleh Malaysia.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah setakat manakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh kementerian bagi menambah produk import gantian ataupun import *substitution*, dengan izin khasnya produk-produk makanan yang masih banyak diimport dan apakah perkembangan dan contoh-contoh produk yang kita eksport ke negara-negara Timur Tengah dan negara-negara OIC? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian di atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya memberi perhatian utama kepada proses makanan gantian yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

■1010

Seperti Yang Berhormat sedia maklum di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (*Industry Master Plan III*), industri memproses makanan merupakan salah satu daripada industri yang telah pun diberi perhatian oleh kerajaan untuk terus dibangunkan. Industri tersebut ialah industri *convenient foods*, *functional foods*, *food ingredients* dan juga makanan halal. Salah satu teras utama di bawah IMP3 ialah memastikan sumber bahan mentah tempatan yang mencukupi bagi menampung keperluan industri makanan yang mana ia akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada import bahan-bahan berasaskan makanan.

Yang Berhormat Pontian, langkah-langkah yang sedang diambil di bawah IMP3 adalah termasuk menggalakkan aktiviti pertanian moden dan juga meneruskan dasar membenarkan pengimportan bahan mentah secara *duty free*. Bagi menggalakkan perkembangan industri memproses makanan tempatan dan juga menggalakkan sektor swasta termasuk GLC berkaitan pertanian untuk membuat pelaburan keluar negara di negara-negara yang berpotensi untuk menjamin kestabilan bekalan bahan mentah yang diperlukan oleh industri makanan tempatan.

Selain daripada itu, langkah yang digariskan di bawah IMP3, kerajaan juga sentiasa menggalakkan aktiviti pelaburan terutamanya di kalangan SME dalam industri makanan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, salah satu sebab yang kita tidak dapat bersaing baik dengan negara yang lain tentang produk kita dalam sektor pembuatan ialah tentang kos pembuatan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian bercadang mengkaji semula tentang *sales tax* iaitu cukai jualan atas bahan-bahan atau *raw material* yang diperlukan untuk sektor pembuatan? Saya difahamkan bahawa sekarang pengecualian *sales tax* ini had limitnya hanya RM100,000 iaitu sudah berpuluh tahun tidak berubah. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memansuhkan *sales tax* ini ataupun menaikkan limitnya hingga RM300 juta seperti dalam sektor perkhidmatan. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih, Yang Berhormat Kota Melaka. Objektif MITI dalam masa yang kritikal ini ialah memastikan negara kita dapat mengekalkan kedudukan dalam pasaran global dan juga memastikan pengilang tempatan dan juga pengeksport terus berada dalam keadaan kompetitif. Mengenai soalan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka, pihak kementerian akan menimbang cadangan tersebut. Terima kasih.

2. Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah] minta Menteri Kewangan menyatakan, mengenai jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan serta peratusannya kepada syarikat-syarikat korporat berbanding dengan pinjaman secara individu dari tahun 2005 hingga 2008.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pinjaman terkumpul yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan kepada peminjam pada tahun 2005 adalah sebanyak RM558.1 bilion. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM225.6 bilion ataupun 40.4 peratus telah diberikan kepada sektor perniagaan tempatan dan sebanyak RM304.4 bilion atau 54.5 peratus kepada sektor individu. Manakala jumlah pinjaman yang dikeluarkan pada tahun 2006 adalah sebanyak RM593 bilion iaitu RM236.9 bilion atau 39.9 peratus diberi kepada sektor perniagaan tempatan dan RM331 bilion atau 55.8 peratus kepada sektor individu.

Pada tahun 2007 pula, jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan adalah sebanyak RM644.2 bilion. Di mana sebanyak RM261.2 bilion atau 40.6 peratus diberi kepada sektor perniagaan tempatan dan sebanyak RM355.5 bilion atau 55.2 peratus kepada sektor individu. Untuk tahun 2008, jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan adalah sebanyak RM726.5 bilion iaitu RM295.7 bilion atau 4.7 peratus diberi kepada sektor perniagaan tempatan dan sebanyak RM387.9 bilion atau 53.4 peratus kepada sektor individu. Pada keseluruhannya, jumlah pinjaman terkumpul oleh bank-bank tempatan kepada semua pinjaman dari tahun 2005 hingga tahun 2008 telah menunjukkan peningkatan pada kadar purata sebanyak 900 setahun. Sekian.

Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Berdasarkan kepada jawapan yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dapati hampir seimbang antara pinjaman yang dikeluarkan kepada individu dan juga kepada syarikat-syarikat perniagaan tempatan. Apa yang ingin saya simpulkan di sini ialah kadang-kadang syarikat-syarikat korporat ataupun syarikat-syarikat tempatan itu gagal untuk membayar balik pinjaman. Akan tetapi pihak kerajaan menyediakan *bail out* ataupun NPL kepada syarikat-syarikat tertentu terutamanya syarikat-syarikat yang begitu dekat dengan pihak pemerintah. Berbanding dengan individu apabila gagal untuk membayar pinjaman dikejar sehingga ke lubang cacing dan akhirnya diisytiharkan mufli.

Ini adalah antara fenomena yang berlaku hari ini luahan daripada rakyat khususnya di kalangan peminjam-peminjam individu yang memohon supaya pihak kerajaan menyediakan satu polisi dan dasar yang...[*Disampuk*] Sabar sekejap! Ini soalan untuk rakyat bukan untuk Kuala Kedah sahaja tetapi untuk keseluruhan rakyat Malaysia. Peminjam-peminjam individu termasuk juga daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah]: Apa yang ingin saya sebutkan perkara yang sebaliknya ialah apabila individu memberikan pinjaman kepada bank dalam bentuk *fixed deposit*, caj yang dikenakan hanyalah sekitar 2 peratus. Ini memberikan keuntungan yang cukup sedikit berbanding dengan pihak bank mengenakan caj antara 6 peratus hingga 15 peratus, tambah lagi BLR dan sebagainya. Jadi, soalan tambahan saya ialah adakah polisi kerajaan dibuat untuk mengatasi masalah pinjaman yang diberikan oleh pihak bank ini khususnya kepada individu menjaga hal ehwal ataupun menjaga kepentingan mereka dan sebagainya, ataupun dalam erti kata yang lain lebih berhemah berbanding dengan layanan pihak kerajaan kepada syarikat-syarikat besar korporat dan sebagainya berbanding dengan individu. Jadi, adakah polisi itu diwujudkan oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bank-bank perniagaan ataupun bank-bank perdagangan di negara kita menjalankan urusan niaga mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Tuduhan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan kerajaan melakukan *bail out* kepada pihak-pihak yang tertentu itu tidak bertanggungjawab sama sekali.

■1020

Di dalam sistem perbankan negara kita, kalau syarikat tidak mampu membayar balik pinjaman, jadi bank-bank ada prosedur yang tertentu untuk menjalankan tindakan ke atas syarikat-syarikat itu juga. Sama juga dengan pinjaman individu, tetapi pinjaman individu itu kebanyakannya adalah pinjaman-pinjaman membeli rumah, pinjaman membeli kereta, *credit card loan* dan sebagainya. Jadi kalau individu mengalami masalah juga dengan pembayaran balik pinjaman kepada bank, jadi Bank Negara Malaysia ada satu agensi dipanggil BNM Link atau BNM Tele-link yang boleh berunding di antara pihak peminjam dan pihak bank supaya mereka dapat menstrukturkan semula pinjaman itu. Itu juga sama untuk syarikat. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit, sedikit penjelasan tadi... [Disampuk] Timbalan Menteri kata kerajaan tidak *bail out*, ini *statement* dasar kerajaan, tidak ada *bail out*.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini sesi soal jawab lisan.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Sedangkan MAS...

Tuan Yang di-Pertua: ...Tidak ada penjelasan dibenarkan.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak *bail out*.

Tuan Yang di-Pertua: Lipis, soalan tambahan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa yang kita lihat biasanya ada peminjam-peminjam individu yang berniaga secara individu biasa sangat susah untuk mendapat pinjaman daripada bank. Ini kesan daripada pelbagai birokrasi dan sebagainya termasuklah Bank Pembangunan sendiri, saya rasa. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada puratanya jumlah kelulusan pinjaman dari bank iaitu jumlah permohonan dan jumlah kelulusan itu pada puratanya adalah 60.8 peratus untuk tahun 2008. Jadi ini bermakna bukan semua permohonan pinjaman itu diluluskan. Hanya 60.8 peratus sahaja diluluskan dan untuk syarikat itu adalah 58.9 peratus dan untuk individu adalah 62.2 peratus. Mungkin pada masa sekarang oleh kerana krisis ekonomi, bank-bank sendiri mungkin mempunyai *risk management* yang lebih ketat, tetapi ini juga oleh kerana bank-bank sekarang tidak mahu menanggung risiko yang terlalu tinggi dan kita juga faham bahawa bank-bank perniagaan juga adalah *business entity* dan KPI mereka perlu dicapai dan mereka juga adalah *in the business of making money*, dengan izin. Jadi itu kita semua perlu faham. Sekian, terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, minta soalan tambahan. Ini penting Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya berbangga dengan Tuan Yang di-Pertua. Soalan Nombor 3... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu pokok pangkal apa yang saya ditahniah ini. Walau bagaimanapun, terima kasihlah... *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Pertahanan menyatakan dengan negara asing manakah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengadakan latihan bersama.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Sri Gading yang bertanya soalan Nombor 3 ini. Untuk jawapannya, Angkatan Tentera Malaysia menjalani pelbagai bentuk latihan gabungan dan juga latihan tunggal dengan angkatan tentera dari luar negara. Setakat ini sebanyak 10 negara asing yang terlibat iaitu negara-negara jiran serantau yang merangkumi Indonesia, Thailand, Singapore, Brunei dan Filipina.

Kedua, negara-negara di bawah Five Power Defense Arrangements (FPDA) iaitu Singapore, New Zealand, Australia, United Kingdom, Amerika dan Pakistan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan. Pertanyaan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, apa faedahnya ini? Tidakkah dengan latihan bersama ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mendedahkan rahsia pertahanan negara kita? Tidakkah rahsia pertahanan negara kita semua celah kelangkang, celah ketiak pertahanan negara kita diketahui oleh negara lain? Pertahanan adalah sesuatu yang amat penting kepada sesebuah negara. Jadi kalau rahsia pertahanan kita diketahui oleh negara asing, tidakkah itu membahayakan negara kita. Itu satu.

Yang kedua, apakah ada jaminan bahawa negara-negara yang berlatih bersama dengan negara kita tidak menyerang negara kita, apakah ada jaminan? Saya harap dapat jawapan yang jelas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Sri Gading. Dalam latihan yang dilaksanakan oleh ATM kita, ianya melibatkan dalam latihan secara gabungan ataupun secara latihan di antara satu perkhidmatan dalam ATM kita dengan satu perkhidmatan negara luar yang berkaitan. Dalam latihan ini, umpamanya dalam latihan di mana kita melibatkan pada peringkat pelaksanaan *tactical* atau peperangan misi operasi. Jadi tiap-tiap tentera ada mempunyai cara masing-masing. Jadi oleh kerana itu bahawa kita di antara satu dengan lain akan dapat pendedahan dan juga dapat meningkatkan kemahiran dan ada perkara-perkara, cara-cara yang baik daripada negara rakan dalam latihan kita, maka sama-sama akan dapat keuntungannya. Jadi saya rasa ianya memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Begitu juga dari segi kerahsiaan bahawa matlamat apa yang perlu dijalankan berkaitan dengan latihan bersama ini, bahawa ianya memberi manfaat di mana ianya mewujudkan landasan diplomasi dari aspek ketenteraan dan di antara negara-negara yang terlibat dalam latihan dan juga meningkatkan kebolehan kerjasama dalam perancangan dan pelaksanaan operasi ketenteraan secara bersama dengan negara yang terlibat dan juga membuka ruang dalam aspek *confidence building measure* yang bertujuan untuk memperkukuhkan perhubungan dua hala dan keyakinan di antara negara yang terlibat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jaminan negara kita tidak diserang oleh negara yang mengambil bahagian dalam latihan bersama. Belum dapat jawapan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, matlamat kita dalam latihan, di mana kita dapat mewujudkan jalinan diplomasi di antara negara kita dengan negara yang terlibat dalam latihan. Jadi, perhubungan kita itu akan bertambah rapat lagi. Ini akan memberikan keyakinan di antara satu dengan lain, di mana tidak ada masalah perhubungan di antara kedua-dua belah pihak.

■ 1030

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Kuala Krai. Dia berdiri terlalu awal. Tidak apalah. Sila, sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta maaf. Terlajak tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah. Tahniahlah.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak tahu hujung pangkal.

Tuan Yang di-Pertua: Ini akan jadi ikutan, tahanlah. Selepas tahan terpaksa saya layanlah. Orang berbudi kita terpaksa berbahasa tetapi untuk hari ini saja.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Jadi sekali lagi terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau di Korea, Korea Selatan mengadakan latihan bersama dengan Amerika Syarikat kerana Korea Selatan memerlukan Amerika Syarikat untuk melindunginya daripada musuhnya di Korea Utara dan Amerika Selatan mempunyai *base* di Korea Selatan. Bagi kita, apa munasabahnya kita mengadakan latihan dengan Amerika Syarikat yang tidak ada naungan. Kita tidak bernaung dengan Amerika Syarikat dan tidakkah ini menimbulkan kegusaran rakan-rakan, jiran-jiran dan juga rakan se Asia seperti Negara China apabila kita mengadakan latihan tersebut.

Apa pula munasabahnya kita mengadakan latihan dengan Pakistan. Kita bukan bersempadan dengan Pakistan dan kita bukan dalam satu *region*. Jadi kalau sekadar jiran...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Dengan Iran pula. Jadi soalnya, apa munasabahnya latihan bersama ini dengan negara-negara yang saya sebutkan melainkan kalau ada niat contohnya untuk mendapatkan model-model terbaru senjata daripada Amerika Syarikat yang baik untuk Malaysia. Adakah itu antara tujuannya? Terima kasih dan tahniah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Tujuan kita mengadakan latihan bersama, seperti mana yang telah saya nyatakan tadi adalah hendak mengujudkan landasan diplomasi di antara satu negara dengan satu negara yang lain. Selain itu ia adalah untuk membuka ruang dalam pasukan ATM kita di mana anggotanya dapat meningkatkan aspek dalam *confident building*. Jadi pendedahan itu sangat baik sekalilah. Umpamanya latihan yang kita ada di antara anggota Tentera Udara Amerika Syarikat dengan Tentera Udara Malaysia di mana di sini kita ada menumpukan kepada penglibatan pelaksanaan taktikal dan juga melibatkan perancangan misi operasi.

Jadi dalam kita melaksanakan latihan ini, maka kita dapat pengajaran daripada apa yang kita lihat yang dilakukan oleh anggota-anggota juruterbang Amerika. Jadi ini satu pendedahan yang baik kepada kita. Inilah yang dikatakan kita tidak boleh menafikan bahawa ada manfaatnya berkaitan dengan latihan-latihan ini.

[Soalan No.4 – YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang) tidak hadir]

[Soalan No.5 – YB Tuan William Nyallau (Lubok Antu) tidak hadir]

6. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah rasional penubuhan Syarikat Felda Global Ventures Holdings Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab dalam pelaburan luar negara yang dijalankan FELDA, disebutkan aktiviti atau jenis pelaburannya, prospek pelaburan dan implikasi kewangan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Hasan bin Malek]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Machang, Felda Global Ventures Holdings Sdn. Bhd. ataupun pendeknya FGVH telah ditubuhkan pada 19 Disember 2007 bertujuan menguruskan pelaburan FELDA di luar negara dan melancarkan urusan pentadbiran, operasi serta pematuhan kepada keperluan perundangan. Di samping itu juga, FGVH ditubuhkan untuk mengurangkan pendedahan FELDA terhadap sebarang risiko tuntutan perundangan dengan memberikan satu lapisan perlindungan tambahan daripada terdedah kepada liabiliti perundangan secara langsung.

FGVH mempunyai tiga buah anak syarikat yang menguruskan pelaburan-pelaburan FELDA di luar negara iaitu:

- (i) Felda Global Ventures North Amerika Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat induk bagi pelaburan di dalam kumpulan Twin Rivers Technologies ataupun TRT di Amerika Utara. Yang terlibat dalam pemprosesan *fatty acid* dan gliserin di Quincy dan pengeluaran bio diesel, *olestra*, *sefose* dan Omega-3 di Cincinnati iaitu di Amerika...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Haji Hasan bin Malek:

...Cincinnati. Di samping itu, TRT juga terlibat dalam pembinaan kilang memproses *oil seed crushing* dan penapisan minyak sayuran di *Bécancour*, Quebec, Kanada.

- (ii) Felda Global Ventures Indonesia Sdn. Bhd. yang ditubuhkan untuk melaksanakan pelaburan di dalam bidang perladangan kelapa sawit dan aktiviti yang bersesuaian di Indonesia; dan
- (iii) Felda Global Ventures Middle East Sdn. Bhd. yang ditubuhkan untuk melaksanakan pelaburan FELDA di Timur Tengah termasuk pajakan bertanah di Arab Saudi.

Secara keseluruhannya, pelaburan luar negara yang sedang dilaksanakan oleh FELDA melalui FGVH ini merupakan pelaburan jangka panjang. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih jawapan sahabat saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sempat meneliti laporan tahunan FELDA berhubung dengan Felda Global Ventures yang melibatkan aspek pengambilalihan syarikat-syarikat di negara yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya dapati bahawa tanggungan liabilitinya jauh lebih besar daripada aset. Bagaimanakah masalah ini hendak diatasi walaupun ia merupakan asas pelaburan jangka panjang?

Pada masa yang sama, saya juga mohon jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan kepada Dewan rasional kenapakah Felda Holding membuat keputusan untuk menjual dua daripada tujuh kilang tapisan minyak sawitnya kepada Syarikat Alana Group, Mumbai India. Pada masa yang sama juga syarikat ini menikmati diskaun belian minyak sawit mentah sebanyak USD20 per metrik tan sedangkan FELDA ada dia punya anak syarikat sendiri iaitu Felda Vegetable Oil Product yang cuma diberi subsidi sebanyak RM20 per metrik tan. Dua komponen itu mohon jawapan.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Machang. Sukacita saya maklumkan bahawa yang pertama saya hendak sebutkan FELDA ini telah melebarkan sayapnya ke peringkat global ini oleh kerana untuk mempelbagaikan aktiviti di mana dalam negara kita telah berada dalam keadaan mantap lalu kita keluar ke luar negara.

Pengambilalihan ini adalah bagi membolehkan FELDA terlibat dalam pembangunan minyak sawit seperti oleokimia, bahan asli dan pemakan selain daripada bio diesel. Selain itu juga, pengambilalihan ini merupakan usaha baru FELDA untuk mempelbagaikan aktiviti di peringkat global apatah lagi FELDA adalah pengeluar utama kelapa sawit negara.

Jadi melalui cara ini, hasil sawit FELDA dapat menyusuk masuk ke segenap barang penggunaan ataupun *consumer product* seperti dalam bidang pemakanan, kosmetik, perubatan, getah dan tekstil. Ini secara umumnya. Oleh kerana itu, disebut tadi soal liabiliti dan sebagainya. Ini saya ingat ia merupakan satu soalan yang cukup spesifik yang melibatkan angka-angka dan sebagainya. Untuk tujuan ini, saya perlukan masa sedikit untuk jawab dan saya akan beri maklumat ini kepada sahabat saya Yang Berhormat Machang. Yakinlah bahawa apa saja pelaburan yang kita buat baik dalam negara apatah lagi di luar negara yang bersifat global ini dengan jaguh-jaguh besar seperti di TRT di Amerika ini. Kita berkeyakinan bahawa pelaburan yang kita buat ini *insya-Allah* akan memberikan pulangan yang sangat baik.

Kira-kira penyata kewangannya pun pada waktu ini sedang diaudit dan oleh kerana itu, saya tidak dapat berhasrat untuk mengeluarkan secara *detail* hasil daripada pengauditan ini.

■1040

Ini pun sahabat saya daripada Machang boleh saya berikan sebab kita telus. Apa yang pentingnya pelabur yang kita buat ini, kita buat setelah beberapa kajian atau pun market *survey* dan sebagainya yang kita buat dan kita yakin ia membawa keuntungan kepada FELDA. Satu lagi memang baguslah, kalau tidak bagus apa guna kita pergi ke luar negara. Jadi, soal yang satu tadi berkenaan Mumbai, ini di luar pengetahuan saya Yang Berhormat. Saya minta maaf kerana ini merupakan satu perkara yang baru dan juga merupakan satu soalan yang cukup spesifik. Ini pun saya minta izin akan saya beri jawapannya kepada Yang Berhormat dalam keadaan yang cukup tertib, dalam bentuk tulisan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tahniah! Tahniah!

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dapat nasihat daripada Yang Berhormat Shah Alam. Strategi Yang Berhormat Kuala Krai. Soalan saya pendek sahaja. Pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, untung kah tidak untung pelaburan di luar negara ini bagi syarikat luar negara di FELDA. Mengikut laporan walaupun sudah jawab saya ingat minta pandangan sekarang ini untung kah tidak untung. Adakah kajian, semakan akan dibuat untuk pelaburan di luar negara? Terima kasih.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Siapa yang berniaga, kalau dia tahu rugi.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Haji Hasan bin Malek: Kita berniaga ini hendak untung. Daripada kajian yang kita buat bukan sahaja oleh pengurusan tertinggi FELDA melalui anak syarikat ini, kita juga mempunyai pakar-pakar runding, ia bersifat antarabangsa yang juga membuat kajian tersebut. Semua kajian-kajian ini telah menunjukkan bahawa FELDA akan mendapat keuntungan daripada pelaburan di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi baik di Amerika, di Kanada atau pun Indonesia. Jadi, jawapannya untung Yang Berhormat. Terima kasih.

7. Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa panggilan kecemasan 999 bantuan bomba di Sarawak kini dilencongkan (*divert*) ke Kuala Lumpur sebelum arahan dikeluarkan untuk bomba Sarawak bertindak; dan
- (b) jika benar, apakah tindakan untuk membaik pulih keadaan.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tanjong Manis, pelancaran Satu Nombor Satu Negara 999 telah pun dilancarkan pada Oktober tahun 2008. Pusat panggilan kecemasan (DPK) dikendalikan sepenuhnya oleh Telekom Malaysia Berhad dengan kerjasama empat agensi utama iaitu Polis Diraja Malaysia, Bomba, Jabatan Pertahanan Awam dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sehingga kini, panggilan kecemasan yang dibuat oleh pemanggil Sarawak dan Sabah akan dihantar ke pusat panggilan kecemasan 999 bertempat di Melaka, kemudiannya disambungkan ke agensi-agensi perkhidmatan kecemasan yang berkaitan. Penghantaran panggilan kepada Melaka tidak menjejaskan perkhidmatan kecemasan kerana masih tertakluk kepada piawaian bagi perkhidmatan kecemasan.

Projek *Malaysia Emergency Response System* atau (MERS) 999 telah menetapkan bahawa semua panggilan kecemasan wajib dijawab dalam masa 10 saat atau empat kali deringan.

Namun begitu, pelan penambahbaikan telah pun dilaksanakan di mana bermula pada esok iaitu 19 Mac 2009, panggilan Sarawak dan Sabah akan disalurkan terus ke pusat panggilan kecemasan 999 yang bertempat di Kuching. Dalam memastikan semua panggilan disambung dan dijawab, panggilan kecemasan akan dilencongkan ke Pusat Panggilan Kecemasan Kuala Lumpur atau Melaka sekiranya semua talian di Pusat Panggilan Kecemasan di Kuching sibuk pada waktu tersebut. Terima kasih.

Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas keprihatinan Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi kerana pernah berlaku di Sarawak *response* nya agak lambat dan terbakar suatu bangunan. Dengan keadaan yang baru yang bermula pada esok, *alhamdulillah* saya mengucapkan terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat atas penghargaan yang diberi kepada perkhidmatan kementerian. Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung Pusat Panggilan Kecemasan 999 ini. Kita ada rancangan di negeri Selangor untuk mengadakan Pusat Panggilan Telefon Bersepadu yang telah pun dilaksanakan di MPSJ. Namun, masalah kita hadapi ialah Pusat Panggilan Telefon Bersepadu ini setakat hari ini hanya melibatkan PBT dan pihak polis.

Apakah kementerian bersetuju untuk memasukkan Pusat Panggilan Kecemasan termasuk 999 ini ke dalam Pusat Panggilan Bersepadu supaya ia dapat diselaraskan sekiranya berlaku kecemasan?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Tuan Yang di-Pertua, Pusat Panggilan Bersepadu yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, saya pun tidak berapa tahu berkenaan dengan projek tersebut. Sekiranya ia akan menguntungkan negara, saya fikir kita boleh bincangkan dan boleh runding bagaimana ia boleh disepadukan dengan MERS 999 yang telah saya katakan tadi.

Saya percaya dengan adanya MERS 999 yang baru sahaja dilancarkan lebih-lebih lagi Lembah Klang mungkin tidak mengehendaki perkhidmatan yang lain. Oleh sebab dalam projek ini semua panggilan dan semua perkhidmatannya di Lembah Klang adalah kendalikan dengan *computer assisted dispatch* atau (CAD) dengan izin atau pet, Map dia pun semua digital kerana Lembah Klang ada digital map dan semua panggilan adalah akan nampak dalam skrin. Dari mana datangnya panggilan dan di manakah hospital, balai polis atau balai bomba yang terdekat misalnya semua nampak dalam skrin yang *computer assisted*. Terima kasih.

8. Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, adakah kerajaan memberi galakan yang wajar dalam usaha menambah keluasan tanaman getah klon balak.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/ G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memberikan galakan dalam usaha untuk menambah keluasan tanaman getah klon balak.

Antara inisiatif yang disediakan oleh kementerian ialah bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman mudah di bawah Program Penanaman Ladang Hutan yang disalurkan melalui *Forest Plantation Development Sdn. Bhd.* Melalui program ini, pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuk memiliki keluasan kira-kira 2,500 hektar bagi semenanjung dan 15,000 hektar bagi Sabah dan Sarawak boleh mengemukakan permohonan pembiayaan kepada FPDSB.

Selain itu, khidmat nasihat teknikal boleh diperolehi melalui Lembaga Getah Malaysia. Sehingga kini, seluas 29,436 hektar bagi Projek Ladang Getah Hutan Klon Balak telah diluluskan di bawah Program Penanaman Ladang Hutan ini. Sekian.

Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan berhasrat untuk menyediakan benih getah klon balak secara percuma kepada semua petani-petani yang berniat untuk menggantikan ladang-ladang getah mereka dengan getah klon balak ini?

■1050

Tuan A. Kohilan Pillay a/ G. Appu: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak menyediakan benih secara percuma tetapi benih dapat dibekalkan oleh Lembaga Getah Malaysia di mana kita mempunyai klon-klon dan memang kita memberi *soft loan* kepada yang layak. Kalau kita lihat, kita ada dua kategori yang utama iaitu *latex timber clone* dengan *timber clone*. *Latex timber clone* ini ialah untuk susu getah dan juga untuk kayu. Jadi, kalau kita lihat melalui program seperti ini iaitu dengan menanam *latex timber clone* ini memang pekebun-pekebun ataupun penanam-penanam kita boleh menikmati faedah di mana selepas lapan tahun, mereka mula boleh memulakan kerja-kerja menoreh getah. Akan tetapi kalau kita ambil *timber clone* sahaja, maka *yield* lateks itu memang rendah. Jadi kita tidak menggalakkan kalau mereka ingin memerlukan dua-dua iaitu *latex* dengan *timber*. Sekian.

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di negeri Sarawak, Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang susah kita nak dapat benih klon yang berlateks dan juga untuk kayu balak. Ini adalah satu permasalahan. Keduanya, apakah perbezaan dari segi *genetic improvement* di antara klon yang sedia ada sekarang dan *latex timber clone* kerana untuk kayu balak sahaja kita boleh tanam sahaja dari segi amalan termasuk *pruning* semasa dia berusia tiga empat tahun supaya batang dia lebih tinggi.

Ini adalah satu permasalahan kalau kurang benih. Bolehkah kementerian buat satu *road show* dan menjelaskan kepada pekebun-pekebun getah agar kalau kurang benih, buatlah *management practice* di mana *pruning* harusnya dibuat pada usia-usia tanaman tersebut. Terima kasih.

Tuan A. Kohilan Pillay a/ G. Appu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, di negeri Sarawak sahaja kita boleh lihat permohonan untuk 14,000 hektar dan kita telah pun luluskan sebanyak 11,500. Saya akan ambil perhatian mengenai kekurangan benih di kawasan situ dan saya akan hubungi LGM. Kalau kita lihat mengenai klon-klon, sebenarnya kita boleh bahagikan kepada dua kategori. Satu, kumpulan pertama dan kumpulan kedua di mana kumpulan pertama adalah tidak terhad. Maksudnya boleh ditanam di mana-mana sahaja dan melibatkan tanah yang luas di mana ia telah diuji bahawa ia sesuai tanpa sebarang penyakit dan sebagainya.

Antaranya ialah klon seperti RRIM 908, 911, 921, 928, 929 dan 936. Begitu juga PB260 dan 350. Ini klon-klon yang tidak terhad. Maksudnya boleh ditanam secara besar-besaran tetapi ada juga klon-klon yang dikatakan terhad yang hanya boleh ditanam secara kecil-kecilan. Maknanya ia tidak sesuai, mungkin ia sesuai di satu tempat tetapi tidak sesuai di tempat yang lain seperti RRIM 2000, RRIM 2001, 2002, 2007, 2009 dan 2015. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

9. Dato' Ismail Kasim [Arau] minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah usaha kerajaan untuk menjamin kestabilan bursa saham kita dalam keadaan merudumnya ekonomi dunia, terutamanya kepercayaan pihak kerajaan untuk memupuk kepercayaan dan keyakinan kedua-dua pengguna dan pembekal modal dan seterusnya memartabatkan lagi pasaran kewangan dan saham kita.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha memperkenalkan dan melaksanakan strategi dan inisiatif-inisiatif bagi mempertingkatkan pasaran modal kita. Bursa Malaysia juga telah melaksanakan projek Bursa Trade dalam usaha menjadikan pasaran tempatan sejajar dengan paradigma baru pasaran. Sehubungan itu, Bursa Malaysia telah melancarkan platform dagangan bagi pasaran ekuiti pada 1 Disember 2008. Platform dagangan ini selain memberi lebih akses kepada pelabur tempatan dan asing, ia juga menjadikan dagangan lebih efisien dan tulus.

Di samping itu, Bursa Malaysia bersama syarikat-syarikat broker melancarkan *market check* iaitu Kembara Taklimat Berseri bagi pelabur runcit bermula dari Oktober 2008 hingga Februari 2009. Ia bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pelabur dan juga bagi mempromosi produk dan perkhidmatan di pasaran ekuiti dan *derivative* dan sejumlah lebih kurang 50 *roadshows* diadakan.

Dari sudut aktiviti penjana dana, dapat dilihat dalam tahun 2008, SC telah meluluskan sebanyak 31 permohonan terbitan awal awam atau IPO berbanding 26 permohonan yang diluluskan pada tahun 2007. Ini menunjukkan pasaran modal Malaysia terus menarik minat syarikat serta institusi yang ingin menjana dana pada tahun 2008 meskipun dalam keadaan krisis kredit yang meruncing yang mana ia telah memberi kesan kepada IPO dalam pasaran dunia.

Pasaran bon Malaysia juga kekal sebagai salah satu sumber kemudahan kewangan yang berdaya saing. Ini dapat dilihat pada tahun 2008, sebanyak RM57.3 bilion sekuriti hutang swasta telah dikeluarkan berbanding RM45.5 bilion pada tahun 2007. Bagi memperkukuhkan dan memartabatkan lagi pasaran modal kerajaan, kerajaan dalam mengumumkan bajet mini baru-baru ini telah memperuntukkan sejumlah RM10 bilion untuk pelaburan ekuiti dan RM15 bilion untuk suntikan fiskal. Justeru itu, Suruhanjaya Sekuriti atau SC akan melaksanakan langkah-langkah tambahan untuk mengurangkan masa ke pasaran atau *time to market* bagi membantu syarikat untuk menjana dana dengan lebih efisien dan *cost effective*. Sejumlah enam langkah akan dilaksanakan untuk tujuan ini dan di antara langkah-langkah penting akan merangkumi perkara seperti berikut:

- (i) memudahkan kelulusan untuk penjana dana melalui cadangan terbitan hak atau *right issue* oleh syarikat tersenarai tidak lagi memerlukan kelulusan SC;
- (ii) untuk memudahkan syarikat melaksanakan penstrukturan dan pengambilalihan dan percantuman, *stick over and merger*;
- (iii) Kod Pengambilan dan Percantuman Malaysia 1998 tidak lagi terpakai kepada syarikat-syarikat Sdn. Bhd. dan bon boleh tukar ataupun *convertible and exchangeable bon* adalah dikecualikan daripada penarafan mandatori ataupun *mandatory rating*.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua aktiviti dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan akan terus memupuk kepercayaan dan keyakinan pengguna dan pembekal modal dalam pasaran modal negara. Sekian.

■ 1100

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam keadaan yang tidak menentu dan indeks yang semakin menjunam pada tiap-tiap hari, kadang-kadang suntikan dana ataupun *bail out* bukanlah satu langkah yang praktikal.

Apa yang penting sekarang bagaimana kerajaan dapat mengawal sentimen yang agak bercelaru, kerana yang mendorong para pelabur kecil ataupun besar yang banyak menjual untuk margin walaupun mereka menghadapi kerugian di saat ini. Apa tindakan yang dibuat oleh kerajaan dalam memastikan sentimen ini tidak bercampur-campur sepanjang masa.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pasaran BSKL ini, kalau kita bandingkan *performance* BSKL dengan bursa-bursa yang lain di seluruh dunia ini, jadi mulai dari 1 Januari 2009 hingga sekarang, BSKL mengalami kejatuhan hanya 4 peratus sahaja. Jadi berbanding dengan Dow Jones di Amerika Syarikat, di mana kejatuhannya adalah 17.8 peratus dan pasaran-pasaran yang lain seperti di Jepun kejatuhannya adalah lebih dari 10 peratus. Ini juga adalah sama dengan pasaran di Perancis, Jerman, United Kingdom dan sebagainya.

Jadi kerajaan memang sentiasa prihatin dan mengambil berat tentang *performance* BSKL negara kita dan sentiasa mengadakan polisi dan cara-cara yang tertentu untuk menjamin, bahawa pelaburan yang dibuat oleh sektor swasta ataupun pelabur itu terjamin. Jadi sentimen ini untuk saya adalah sentimen keseluruhan keadaan ekonomi seluruh dunia. Kalau kita kata sentimen di dalam negara kita sahaja, mungkin walaupun keadaan ekonomi bukan begitu teruk, tetapi sentimen mungkin dari segi politik dan juga keyakinan mungkin menjejaskan pelaburan di dalam Bursa Saham Malaysia.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bertanya soalan tambahan. Memandangkan krisis kewangan negara kita, kerajaan telah menyuntik sebanyak RM5 bilion dari KWSP atau ValueCap. Saya ingin tahu sejauh mana dana yang disuntik kepada syarikat-syarikat GLC yang disenaraikan di KLSE di Kuala Lumpur ini, sejauh mana akan mengukuhkan bursa saham KLSE memandangkan setiap wang yang disuntikkan kepada pasaran ini dan nampaknya hanya komposit indeks dari RM800 hingga RM900 sahaja berbanding tahun yang lalu RM1,300 hingga RM1,400 komposit indeks. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam usaha untuk menjamin kestabilan pasaran dan keyakinan pelabur, kerajaan telah menyuntik RM5 bilion ke dalam ValueCap Sdn. Bhd. ValueCap adalah sebuah agensi kerajaan pada 21 Oktober 2008 untuk memaksimumkan port folio pelaburan dalam membeli saham ukuran nilai ataupun *under value counters* di dalam bursa tempatan bagi mengukuhkan pasaran saham.

Selain daripada itu, kerajaan telah menyediakan kemudahan akses yang lebih besar kepada kemudahan kewangan melalui pasaran yang disenaraikan, *model circa* dan ekuiti swasta. Jadi apa yang disebutkan, bahawa mungkin walaupun kerajaan telah pun menyuntik wang sebanyak RM5 bilion dan sebagainya dalam bursa Malaysia, tetapi bursa Malaysia itu tidak naik lagi. Ini adalah kerana keyakinan pelabur, sebelum pengumuman suntikan wang ini ke dalam ValueCap. Oleh sebab pengumuman syarikat-syarikat yang tertentu, bahawa *performance* mereka ataupun keuntungan mereka jatuh. Itu juga menjejaskan *performance* BSKL di negara kita dan ini tidak berkaitan dengan suntikan RM5 bilion ValueCap ke dalam Bursa Saham Malaysia. Sekian, terima kasih.

10. Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, jumlah keperluan baja negara, jumlah baja yang diimport, jumlah pengeluaran baja tempatan dan apakah dasar yang diguna pakai bagi pengeluaran baja tempatan dan penggunaan baja kompos sebagai alternatif baja kimia.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, negara memerlukan kira-kira 5.5 juta metrik tan baja setahun. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 4.7 juta metrik tan adalah diimport dan pada tahun lalu 2008, nilai baja yang diimport ini ialah kira-kira RM5.8 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, baja digunakan sebahagian besar oleh sektor kelapa sawit dan getah iaitu kira-kira 90 peratus, ini merupakan pengguna paling besar baja negara kita sektor kelapa sawit dan getah merupakan 90 peratus daripada jumlah penggunaan baja.

Kalau kita tengok kepada penggunaan baja import dengan tempatan, kira-kira 10 peratus sahaja baja yang digunakan dalam negara merupakan baja organik dan baja-baja tempatan yang lain, yang dikeluarkan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan penggunaan baja organik termasuk kompos kerana di samping membekalkan nutrien kepada tanaman, ia juga bertindak sebagai perapi tanah ataupun *soil conditioner* untuk meningkatkan kualiti tanah dalam jangka masa panjang. Peranan ini tidak dapat dilakukan sepenuhnya oleh baja kimia. Oleh itu, negara akan perlu terus bergantung sebahagian besar kepada baja kimia dan sebahagian besar daripada baja kimia diimport khususnya fosfat dan *potash* umpamanya diimport dari negara seperti Mesir, Jordan, Kanada dan Rusia. Itu keadaan berkaitan dengan baja.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menggalakkan penggunaan baja kompos, ia tidak boleh menggantikan sepenuhnya penggunaan baja kimia kerana kandungan nutriennya adalah rendah berbanding dengan baja kimia. Ia diperlukan dalam kuantiti yang banyak bagi memenuhi keperluan tanaman. Oleh itu untuk mendapatkan keluaran hasil yang tinggi, penggunaan baja kompos ini perlu diintegrasikan dengan baja kimia. Keadaan ini lebih runcing lagi kerana dalam industri kelapa sawit dan getah, penggunaan baja kompos ini belum lagi berleluasa. Baja kompos ini digunakan dalam sayur-sayuran dan juga bunga-bunga. Ini antara sektor utama menggunakan baja kompos ini. Baja kompos ini datang daripada sisa ladang, tinja ayam, lembu dan kambing.

Akan tetapi apabila kerajaan berjaya dalam usaha untuk meningkatkan industri ternakan dalam negara kita. Maka akan bertambahlah tinja ayam, lembu dan kambing dan dengan itu kita jangka bahawa penggunaan baja kompos akan meningkat daripada 10 peratus daripada jumlah penggunaan hari ini kepada angka yang lebih tinggi. Pada masa ini, 90 peratus merupakan baja kimia dan 10 peratus merupakan baja kompos. Terima kasih.

■1110

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, kalau kita lihat daripada penggunaan baja yang diimport lebih daripada 90 peratus baja kita adalah import yang menelan belanja begitu tinggi. Ini satu perkara dari segi jangka panjang merugikan negara kita. Apakah usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan pengeluaran baja-baja daripada syarikat tempatan?

Begitu juga penggunaan baja sebatian yang lebih sesuai digunakan untuk kelapa sawit yang dibuat daripada bahan buangan pokok kelapa sawit itu sendiri. Sejauh mana perancangan pihak kementerian untuk menggalakkan baja-baja sebatian ini yang boleh mengurangkan kos operasi terutama dari segi pengeluaran baja ini. Saya ingin penjelasan juga tentang subsidi baja padi contohnya yang diedarkan kepada seluruh negara yang sekarang ini masih lagi dicap dengan cap daging. Saya kira ini satu perkara yang boleh mempolitikkan baja pula.

Jadi saya ingin penjelasan kenapa tidak dicapkan baja itu dengan cap lambang kerajaan Malaysia ataupun lambang pokok padi tapi dicap dengan cap daging. Ini duit bukan duit BN, bukan. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Daging itu adil.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, baja cap ini macam-macam caplah. Siapa yang tidak suka daging tak payah ambillah.... [Ketawa]

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ini duit negara.

Dato' Mustapa Mohamed: Akan tetapi realitinya kebanyakan rakyat menerima baik baja ini dan pada pengetahuan kita tidak ada masalah. Ini menunjukkan bahawa kerajaan begitu prihatin kepada petani itu sebabnya dicap begitu rupa. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Baja itu pun timbang tidak cukup. [Ketawa]

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan galakan untuk penggunaan baja organik kita memang menggalakkan. Seperti yang saya sebutkan tadi apabila industri ternakan berkembang lebih pesat lagi seperti ayam, kambing, lembu dan lain-lain maka ini akan meningkat. Pada masa ini cuma 10 peratus sahaja. Ada beberapa syarikat yang telah berjaya. Setiap negeri sebenarnya sudah ada syarikat yang berjaya mengeluarkan baja kompos yang terbesar ialah sebuah syarikat di Johor Baru, *All Compose* yang nilai jualannya kira-kira RM100 juta ataupun *turnover* nya.

Jadi kita menggalakkan dengan memberikan kursus MARDI dan Jabatan Pertanian dan ini bukan satu teknologi yang sukar sangat. Tinja sisa ladang ada, tinja ayam semua ada cuma yang diperlukan ialah kuantiti yang lebih. Teknologinya amat senang sekali dan Jabatan Pertanian dan MARDI bersedia untuk memberikan teknologi ini kepada sesiapa sahaja yang memerlukannya. Jadi kita hendak galakkan dan harapan kita satu hari nanti baja kompos ini akan melebihi 10 peratus penggunaannya dan dengan itu kita akan dapat mengurangkan import baja daripada luar negara.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri pada masa ini satu daripada masalah yang paling rumit dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil kita terutama sekali pekebun kelapa sawit ialah mengenai dengan harga baja yang begitu tinggi. Apakah langkah ataupun adakah usaha kerajaan untuk menurunkan harga baja ini supaya pekebun-pekebun kecil dapat memanfaatkan keuntungan yang lebih baik. Sekian.

Dato' Mustapa Mohamed: Kerajaan prihatin terhadap isu kenaikan harga baja yang mendadak tahun lepas. Ini ada kaitan dengan harga minyak petroleum dan juga urea yang naik dengan begitu tinggi. Maka tahun lepas baja naik kira-kira dua kali ganda. Akhir-akhir ini jika dibandingkan bulan Ogos tahun lepas dengan pada masa ini baja telah turun harganya kira-kira 40 peratus.

Kerajaan tidak boleh memaksa syarikat-syarikat untuk mengurangkan harga baja. Yang boleh kita lakukan ialah mengadakan perjumpaan dan menggesa mereka mengurangkan harga dan hari ini sudah 40 peratus secara puratanya kerana sebahagian besar daripada keperluan dibeli di luar negara daripada Mesir, Jordan, Christmas Island, Canada, Russia, fosfat dan juga 'poteceni'. Jadi apabila harga di pasaran antarabangsa meningkat kos dengan izin *raw material* ini juga bertambah dan dengan itu kos pengeluaran bertambah maka syarikat-syarikat baja tempatan menaikkan harga. Akan tetapi saya ingin beri jaminan bahawa kerajaan sentiasa mengadakan perundingan dengan syarikat-syarikat baja di negara kita dan kita akan pastikan selari dengan harga minyak petroleum yang sudah pun turun dan urea yang turun. Kita akan terus pastikan harga yang dijual kepada petani adalah munasabah dan berpatutan. Terima kasih.

11. Datuk Juslie Ajirol [Libaran] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, adakah penyediaan lampu jalan solar boleh diguna pakai terutama di jalan-jalan negeri terutama di Sabah dalam usaha untuk mengurangkan kes kemalangan maut di negara ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Libaran kerana prihatin kepada keselamatan jalan raya khususnya di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Kerja Raya melalui agensinya Jabatan Kerja Raya ingin memaklumkan bahawa pemasangan lampu solar hanya sesuai dipasang bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai bekalan elektrik atau kawasan yang kos penyediaan bekalan elektrik terlalu tinggi dan tidak sepadan dengan jumlah bekalan yang diperlukan. Pemasangan lampu solar memerlukan kos kapital yang tinggi iaitu lebih kurang RM14,000 setiap satu set termasuk kos pemasangan bagi lampu solar 60 watt sahaja. manakala bagi lampu HPSB yang berkadaran 250 watt adalah berharga RM2,500 hingga RM2,800 setiap satu set termasuk kos pemasangan.

Di samping itu lokasi pemasangan juga perlu bersesuaian agar cahaya matahari yang diperolehi di kawasan tersebut mencukupi untuk mengecaskan lampu solar berkenaan.

Setakat ini di pasaran lampu solar yang sedia ada adalah berkadaran 70 watt sehingga 150 watt dan kadaran ini adalah kurang cerah daripada lampu jalan yang biasa jenis HPSB 250 watt. Sistem lampu solar juga memerlukan penyelenggaraan yang lebih kerap dan vandalisme kerana bateri yang terdapat pada tiang-tiang lampu solar mudah dicuri.

Bagi mengurangkan kemalangan Jabatan Kerja Raya mengesyorkan harga pemasangan lampu jalan yang menggunakan kuasa elektrik dipasang. Namun begitu bagi kawasan-kawasan pedalaman tiada bekalan elektrik selain memasang lampu solar keselamatan jalan raya boleh dipertingkatkan dengan memasang papan tanda amaran *flashing amber light* dan komponen-komponen perabot jalan yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, kes kemalangan maut di negara ini bukan 100 peratus berpunca daripada ketiadaan lampu jalan tetapi juga di sumbang oleh kecuaiannya pemandu, tahap penyelenggaraan kenderaan yang tidak berkala dan lain-lain lagi.

Selain itu bagi kawasan-kawasan pedalaman khususnya di Sabah keadaan geometri jalan serta tiada pengawasan ke atas gangguan haiwan di atas jalan raya juga menjadi penyumbang kepada berlakunya kemalangan. Sekian, terima kasih.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih di atas jawapan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun pemasangannya agak mahal seperti jawapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tapi negara kita sudah mencapai kemajuan bukan sahaja di bandar-bandar tetapi di kampung-kampung. Saya percaya sebahagian daripada kemalangan kita di sumbang oleh jalan-jalan yang tidak berlampu.

Jadi saya memohon supaya Kementerian Kerja Raya mengambil perhatian yang serius kerana jalan-jalan kita menuju ke kampung-kampung yang mempunyai pekan-pekan kecil kebanyakan jalan-jalan kita tidak mempunyai lampu. Jadi walaupun mahal tetapi kepentingan nyawa rakyat Malaysia ini adalah amat penting.

■1120

Jadi soalan saya adakah kajian menyeluruh dibuat oleh kementerian dengan kerjasama Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia? Ini supaya lampu-lampu solar ini bukan sahaja dari segi keselamatan, dari segi gangguan oleh masyarakat yang tidak bertanggungjawab, tetapi dari segi harga kos pemasangannya. Sekian terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kajian telah dibuat. Oleh kerana itu, kebanyakan jalan-jalan raya di bawah kawal selia Kementerian Kerja Raya yang telah pun memasang lampu jalan di *intersection* ke semua tempat dan di mana tempatnya keselamatannya perlukan lampu isyarat. Ia telah pun dijalankan dan ia adalah satu usaha yang akan terus ditambah baik. Kalau ada peruntukan kita akan terus menambahkan lampu jalan di mana-mana tempat yang diperlukan. Seperti apa yang saya katakan tadi di *intersection* di mana ada masuk ke kampung semuanya ada. Kita ada cuba memastikannya lampu jalan dan setakat ini kementerian Kerja Raya membelanjakan RM32 juta untuk memasang lampu-lampu jalan di mana-mana tempat. Cadangan daripada Yang Berhormat Libaran kita akan juga ambil perhatian.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri. Memang kita akui kemalangan jalan raya bukan disebabkan oleh faktor jalan raya itu sahaja. Kalau kita lihat statistik di United Kingdom misalnya 70 juta rakyat dan 6,000 kematian. Di tempat kita Malaysia 27 juta rakyat dan 6,400 kematian. Jadi, saya ingin bertanya dari segi faktor geometri jalan contohnya biasanya jalan yang kita lalui di tempat *corner* misalnya. Kalau kita lihat Jalan Istana ke Sungai Besi itu tempat yang sering berlaku kemalangan dan biasanya berlaku apabila dipandu kelajuan yang lebih sedikit. Didapati geometri jalan itu sama dia tidak ada tinggi di *outer corner*. Sepatutnya apabila kita *corner* di sebelah luar itu mesti tinggi sedikit dari sebelah dalam. Inilah yang mungkin menyebabkan berlakunya kemalangan di tempat yang sering ada *corner* ataupun selekoh. Jadi saya harap apakah kementerian melihat faktor geometri jalan ini untuk memperbaiki terutamanya di tempat-tempat yang berlakunya tidak kesesuaian dari segi geometri jalan ini? Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat dan kita sentiasa akan mengambil berat apa yang dikatakan tadi di Sungai Besi, kita hendak lihat serupa *education* dia.

12. Tuan M. Manogaran [Telok Intan] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- (a) sejak bilakah Ijazah Perubatan dari Universiti Malaya (MBBS) tidak lagi diiktiraf oleh Kerajaan Britain sedangkan pada satu masa dahulu ianya diiktiraf; dan
- (b) apakah sebab-sebab ianya tidak lagi diiktiraf oleh Kerajaan Britain

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Telok Intan. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan anak-anak kita dari Multimedia Universiti pewaris masa hadapan negara... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama ialah menanyakan bilakah tarikh Ijazah Perubatan dari Universiti Malaya (MBBS) tidak lagi diiktiraf oleh Britain sedangkan pada masa dahulu ijazah ini diiktiraf. Untuk makluman Yang Berhormat, Ijazah Perubatan Universiti Malaya (MBBS) tidak lagi diiktiraf oleh Kesatuan Eropah bermula dari kemasukan pelajar pada tahun 1990. Sebelum itu pelajar-pelajar MBBS Universiti Malaya diiktiraf oleh kesatuan ini.

Pada soalan kedua Tuan Yang di-Pertua sebab-sebab mengapa ia tidak diiktiraf. Untuk makluman Yang Berhormat, Ijazah Perubatan (MBBS) Universiti Malaya tidak lagi diiktiraf oleh *General Medical Council of European Union* kerana *European Union* telah meletakkan MBBS mana-mana Ijazah Perubatan dari universiti-universiti di luar *Community European Union* tidak diterima berasaskan kepada *Medical Act 1983* yang digagaskan oleh *General Medical Council* yang meletakkan satu tajuk besar di bahawa perkara 21B iaitu semua mereka yang memiliki MBBS di luar Kesatuan Eropah ini *must satisfy the registrar condition*. Jadi boleh saya bacakan nanti. Kalau Yang Berhormat hendak senarai ini pun boleh saya berikan, tetapi kalau hendak dibacakan di sini ia agak panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat. Eh! Yang Berhormat Telok Intan sila.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Batu Pahat pergi kempenlah... [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tanya adakah ini juga terpakai pada universiti-universiti lain di negara kita seperti Universiti Malaya. Saya ingin menumpukan kepada United Kingdom selain dari undang-undang *European Union*. United Kingdom saya rasa pada tahun hujung 80-an tidak lagi mengiktiraf MBBS dari Universiti Malaya. Saya menumpukan pada Universiti Malaya sebab pada masa itu dan saya percaya sekarang Universiti Malaya adalah universiti yang terunggul dalam bidang MBBS. Jika MBBS Universiti Malaya tidak diiktiraf saya rasa universiti lain pun sama juga.

Walaupun ramai penuntut dari universiti-universiti kita jurusan MBBS amat terlatih dan bagus dalam bidang mereka. Akan tetapi kenapa ijazah dari universiti kita tidak lagi diiktiraf dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan status kita supaya *European Union* dan United Kingdom boleh mengiktirafkan ijazah-ijazah kita sekali lagi? Saya tengok pada 20 tahun yang lepas, banyak bukan sahaja MBBS dari jurusan kedokteran kepada bola sepak semua pun kehilangan *standard* kita *from medicine to football everything gone*. Kadang-kadang jawapan Menteri pun tidak bagus. Saya ingin tahu *what is the real standard going down in our country in all aspects of life?* Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan penghabisan *all aspects live* itu tidak payah jawablah. Itu pasal soal....

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak perlu menjawab *all aspects of question*lah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya menjadi kebimbangan kita juga. Kita ada sebenarnya ada sembilan universiti mengeluarkan ijazah perubatan dan kita semua maklum bahawa Universiti Malaya adalah antara Universiti Malaya yang paling baik mengeluarkan sarjana-sarjana perubatan. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, polisi yang digagaskan oleh Kesatuan Eropah ini merangkumi bukan sahaja negara Malaysia, tetapi juga negara-negara lain.

Di Singapura pun mereka mengeluarkan doktor-doktor yang terbaik tetapi tidak juga diiktiraf oleh Kesatuan Eropah termasuk Hong Kong. Apabila Hong Kong tidak lagi menjadi koloni United Kingdom hari ini Hong Kong tidak lagi diiktiraf pemegang-pemegang Ijazah Perubatan negara Hong Kong tidak lagi mengiktiraf New Zealand, Australia dan beberapa negara lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya beberapa gerak kerja yang dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi umpamanya mengadakan kerjasama dengan *Queen's University of Belfast* (QUB). Antaranya ialah dengan mengadakan pertukaran pelajar-pelajar perubatan dalam usaha untuk menggalakkan hubungan dua hala. Usaha menghantar pelajar dua hala ini adalah bagi tujuan pindaan kredit bagi menyumbang kepada pembukaan satu era baru untuk pengiktirafan sarjana-sarjana perubatan dari universiti tempatan.

■1130

Ini juga diiktiraf oleh beberapa universiti di kesatuan universiti yang juga telah mengadakan kerjasama di antara *General Medical Council* di Kesatuan Eropah dan juga di *Malaysian Medical Council*. Jadi usaha-usaha yang ada ini saya yakin menampakkan ada sesuatu yang baru bakal berlaku. Bagi Yang Berhormat Telok Intan, janganlah kita pandang semua perkara itu buruk. Bukankanlah sedikit pemikiran, ada yang baik dilakukan oleh kerajaan. Kami sentiasa menerima komen-komen Yang Berhormat sebagai satu yang membina. Jadi Yang Berhormat kenalah sama-sama membantu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Soalan lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nampak jam di...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Soalan ringkas.

Tuan Yang di-Pertua: ...Di dinding itu menunjukkan 11.31, jadi sesi soal jawab telah selesai Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasihlah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kepong doktor, bagi *chance* lah.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(PERBADANAN) (PENGESAHAN) 2009**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengesahkan tindakan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia memberikan pinjaman kepada perbadanan, syarikat dan orang bagi tempoh mulai 1 Januari 2006 hingga 21 Januari 2008; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.32 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam ini, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 19 Mac 2009.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapha Mohamed]: Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2008) 2009

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 2008

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion tiga ratus empat puluh satu juta enam ratus tujuh puluh tujuh ribu empat ratus ringgit (RM2,341,677,400) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2008, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2008 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2009 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.” **[17 Mac 2009]**

Tuan Yang di-Pertua: Sila Menteri Kewangan.

11.34 pg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada sebelas orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua (2008) 2009 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2008 di Dewan yang mulia ini.

Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberi terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dalam rang undang-undang tersebut. Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan termasuklah pelajaran, kesihatan, perkhidmatan, utiliti, kemudahan asas, perpaduan ekonomi dan sosial...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Rasuah tidak ada?

Dato' Kong Cho Ha: Saya akan cuba menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan yang menyentuh perbekalan tambahan yang dibangkitkan ini. Banyak juga perkara yang dibangkitkan adalah di luar dari Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Jadi bagi isu-isu khusus yang akan diberi perhatian oleh rakan-rakan saya semasa perbahasan di peringkat jawatankuasa kelak.

Jadi antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini adalah Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Tenggara dan Yang Berhormat Kota Melaka. Jadi untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur berkenaan dengan apakah peranan pencarum-pencarum EPF dalam menentukan keputusan pelaburan dan dasar masa depan EPF.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi pencarum boleh memainkan peranan secara tidak langsung untuk menentukan keputusan pelaburan dan dasar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja melalui wakil masing-masing yang menduduki Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Ahli-ahli Lembaga pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja terdiri daripada wakil pekerja, wakil majikan dan wakil profesional. Mereka mempunyai ruang untuk menyampaikan pandangan dan cadangan menerusi wakil masing-masing dalam Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Jadi berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Tumpat dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain berkenaan sejauh manakah keyakinan orang ramai terhadap keutuhan, kecekapan komitmen dan keyakinan terhadap kerajaan dan pakej rangsangan dapat ditingkatkan sedangkan indeks komposit di dapati tidak meningkat walau pakej rangsangan telah diperkenalkan semenjak 10 Mac yang lalu.

Jadi pakej rangsangan ekonomi kedua baru diumumkan pada 10 Mac dan wajar diberikan masa untuk menilai keberkesanan pelaksanaannya. Kerajaan percaya pakej ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan serta meningkatkan perbelanjaan domestik dan seterusnya menghindarkan ekonomi daripada terjerumus dalam kemelesetan yang serius...

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Alor Gajah. Sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan pakej kedua, saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri iaitu antara satu cadangan ialah menaikkan levi untuk pekerja-pekerja asing sama ada mereka sedang bekerja dan juga baru iaitu yang digaji levi dia dinaikkan dua kali ganda. Ini akan dipakai kepada semua pekerja-pekerja asing yang sedang berkhidmat.

Satu tujuan untuk melaksanakan pakej kedua ini ialah untuk memberi pertolongan dan bantuan kepada perniagaan khususnya kepada IKS untuk menolong mereka memperluaskan perniagaan mereka supaya mereka tidak akan jadi bankrap dalam keadaan sekarang. Satu kesan kenaikan levi ini ialah untuk menaikkan beban perniagaan-perniagaan seperti ini khususnya IKS.

Mereka ada pekerja-pekerja asing sama ada 20 orang dan mereka perlu dengan serta-merta membayar kenaikan levi dua kali ganda. Ini akan membebankan mereka, mereka sekarang menghadapi kerugian dan ini akan menaikkan kerugian mereka. Saya bersetuju dengan langkah untuk mengurangkan pekerja asing. Akan tetapi langkah tersebut kita perlu ambil masa, perlu ada perancangan memberi latihan kepada pekerja-pekerja tempatan, menggalakkan majikan untuk menaikkan automasi mereka.

■1140

Bolehkah Menteri terangkan, kita mesti kaji semula cadangan tersebut, di samping kita boleh memberi insentif kepada majikan seperti memberi pertolongan kepada mereka dari segi bayaran untuk EPF, supaya majikan boleh diberi bantuan untuk majikan pekerja tempatan. Jangan kita bebankan majikan-majikan dalam keadaan kesulitan sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, sikit saya hendak tambah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kong Cho Ha: Sama?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sama. Sebelum ini saya telah dihubungi oleh operator-operator kedai mamak di kawasan saya di Bukit Merah. Baru tadi saya bercakap dengannya, dia maklumkan kenaikan levi dari RM1,800 sehingga RM3,600 amat membebankannya, lebih-lebih lagi apabila dia mengambil 20 orang pekerja, 20 pekerja asing ini dan dia kata kalau berterusan dengan levi yang begitu teruk, yang rugi adalah pelanggannya. Sebab kemungkinan besar, kos ini akan dipindah kepada pelanggan. Jadi saya juga bersama dengan Yang Berhormat Alor Gajah, meminta agar pihak kementerian mengkaji semula, kalau boleh menangguhkannya buat sementara...

Dato' Kong Cho Ha: Sudah faham, sudah faham.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kata orang tempatan tidak berminat dengan kerja ini, jadi saya pohonlah, saya mesti sokong kalau apa yang betul, sehaluan.

Dato' Kong Cho Ha: Ya, ya. Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah, sebenarnya kerajaan juga melalui surat khabar telah dengar banyak masalah berikutan dengan kenaikan levi pekerja asing ini. Jadi saya juga harap mungkin kerajaan boleh tengok semula dasar ini, tetapi dasar ini memang bertujuan untuk menurunkan bilangan pekerja asing di negara kita, dan menggalakkan ataupun memaksa peniaga-peniaga untuk mengambil pekerja tempatan.

Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat berkenaan, iaitu kita perlu menyediakan lebih banyak lagi pusat latihan, ataupun program-program latihan untuk melatih pekerja-pekerja yang lebih mahir untuk bekerja, khasnya di dalam kilang dan sebagainya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Kong Cho Ha: Bersangkut paut ya?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Batu Gajahkah, Padang Serai?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Padang Serai, itu Batu Gajah.

Dato' Kong Cho Ha: Saya tahu. No, kalau dengan perkara yang sama, saya ingat satu jawapan sahaja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Isu sama, perkara berlainan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Kong Cho Ha: Saya dengar dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Timbalan Menteri, Timbalan Menteri ini rajin menjawab, rajin di dalam Dewan kerana Menteri selalu hilang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah macam itu Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Lebih baik Timbalan Menteri ini, naik jadi Menteri lah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu levi ini, kebanyakan majikan-majikan mengalihkan beban bayaran levi ini kepada pekerja. Kalau dulu mereka membayar RM1,800 dan kini mereka terpaksa membayar RM3,600.

Maka pekerja itulah yang akan menanggung beban kenaikan levi ini, dan apa yang sedang berlaku hari ini, jenayah yang banyak berlaku di negara ini, melibatkan pekerja-pekerja asing dan juga pendatang asing. Jadi... [Disampuk] Batu Pahat kalau mahu cagak bangun, kalau tidak duduk, nanti kempen UMNO tidak sempat.

Jadi Timbalan Menteri, apa yang berlaku adalah kita sedang membebankan pekerja-pekerja asing ini dan saya takut apabila mereka terpaksa membayar lebih ini, angka jenayah yang berlaku di negara ini akan berlipat ganda, kerana pendatang-pendatang asing ini mereka banyak melakukan kegiatan-kegiatan jenayah, kemudian melarikan diri.

Saya mintalah agar Kementerian Kewangan prihatin, sebab majikan-majikan juga yang terlibat dalam masalah ini, mereka menghadapi krisis yang besar di negara hari ini. Saya harap Timbalan Menteri akan sampaikan kepada Menteri Kewangan yang selalu tidak hadir, kalau boleh minta dia ganti sahaja.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh minta jalan juga. Isu yang berlainan.

Dato' Kong Cho Ha: Nanti, nanti, duduk dulu. Saya hendak mengingatkan Dewan yang mulia ini, bahawa apa yang kita bahaskan di sini adalah Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009. Wang ini semua telah pun dibelanjakan pada tahun 2008. Berkenaan dengan pandangan daripada Padang Serai, lebih kurang sama juga dengan Batu Gajah dan Alor Gajah. Jadi semua pandangan saya akan ambil maklum.

Berkenaan pandangan-pandangan ini dan yang saya kata tadi memang ini adalah pandangan dari banyak pihak, khasnya dari pihak majikan di negara kita.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu ada berlainan sedikit, minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tengah menjawab Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita semua sokong bersama-sama dengan kerajaan untuk mengurangkan pekerja asing, iaitu kita bergantung kepada pekerja asing.

Akan tetapi, dalam sektor pembuatan. Saya ingin memaklumkan bahawa pekerja asing yang mahir iaitu amat diperlukan untuk sektor pembuatan ini, jika kita mengambil tindakan untuk mengurangkan mereka, ini akan menjejaskan pengeluaran kilang-kilang pembuatan, terutama dalam sektor *machinery*. Sebab itu saya harap dengan mengurangkan pekerja asing yang *general worker* dalam sektor perkhidmatan, memang saya amat sokong tetapi dalam sektor pembuatan, pekerja mahir yang telah dilatih dan memang jadi *core technician* dalam sektor ini.

Bukan kita beri latihan kepada pekerja tempatan dengan serta-merta, sebab itu satu tempoh perlu dibenarkan untuk mereka, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Kota Melaka. Memang masalah ini berkenaan dengan pekerja asing mahir, tetapi pekerja tempatan tidak mahir. Mungkin bagi saya pekerja asing yang mula-mula datang tidak mahir juga, jadi kalau kita ambil pekerja tempatan dari mula...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Setuju, sebab itu saya minta tempoh.

Dato' Kong Cho Ha: Bermula dari sekarang kalau kita ambil pekerja tempatan, ini akan jadi satu kebaikan untuk melatih pekerja tempatan kita, tetapi pandangan Yang Berhormat Kota Melaka berkenaan dengan mungkin ada satu tempoh, itu saya akan ambil maklum, dan saya berharap Kementerian yang berkenaan juga akan mengambil maklum berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Kota Melaka. Jadi saya beralih kepada Yang Berhormat Pasir Mas, yang mendakwa bahawa ada..

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Pohon penjelasan Yang Berhormat, berkaitan dengan apa Yang Berhormat bercakap sebelum beralih tadi, iaitu berkaitan dengan pasaran saham. Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa...

Dato' Kong Cho Ha: Sudah lepas, pagi tadi pun sudah jawab dalam soalan lisan.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Ini amat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, tidak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Ini amat berkaitan..

Dato' Kong Cho Ha: Saya ingat tidak perlulah Yang Berhormat..

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Sebab apa yang saya sebut semalam, sebagaimana Yang Berhormat ingat ialah bagaimana Pengerusi Federal Reserve Amerika, Ben Bernanke mengatakan bahawa beliau yakin ekonomi Amerika akan mula kembali pulih pada tahun 2010.

Beliau bercakap 2010 akan pulih, beliau bercakap pada 10 Mac, 11 Mac, Wall Street melambung naik. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bercakap RM60 bilion akan dibelanjakan, esok saham Kuala Lumpur turun. Jadi saham ini bukan kata kita kena tunggu lama, tidak. Saham ini memberi gambaran sentimen rakyat dalam negara itu, dia yakin atau tidak matlamat akan dicapai.

■1150

Dato' Kong Cho Ha: Yang Berhormat saya sudah dengar. Sebenarnya itu bukan perkara Yang Berhormat yang bangkit itu bukan perkara baru. Sebenarnya semalam saya pun duduk sini dengar Yang Berhormat berbahas dengan perkara yang sama juga. Jadi itu menunjukkan bahawa yang saya kata tadi dari soalan lisan pagi tadi bahawa kerana sebelum kita mengumumkan Pakej Mini Bajet ini juga. Sebab ada banyak pengumuman dan unsur-unsur yang negatif yang baru keluar. Jadi bursa saham kita tidak naik itu adalah berikutan dengan reaksi kepada berita-berita yang buruk itu. Jadi saya ingin beralih kepada dakwaan dari Yang Berhormat Pasir Mas bahawa ada manipulasi tender bagi kes-kes di Bank Negara Malaysia iaitu pelantikan syarikat pencetak dalam tender pencetakan wang kertas RM50.00.

Pelantikan syarikat percetakan yang melibatkan percetakan wang kertas RM1.00 dan juga pelantikan konsultan dari Singapura terhadap keselamatan duit syiling Malaysia ini. Jadi tuduhan dan dakwaan Yang Berhormat Pasir Mas amatlah serius dan Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia telah ataupun akan mengambil berat tentang dakwaan dan tuduhan ini dan akan menyiasat dengan teliti dakwaan berkenaan. Sebab kita tidak ada apa-apa *information* berkenaan dengan perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Pasir Mas itu...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dato' Kong Cho Ha: Hendak ulang semula apa Yang Berhormat cakap semalam?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Saya buat dakwaan berdasarkan maklumat yang saya terima. Jadi saya berterima kasihlah kalau kerajaan akan mengkaji dan kalau betul mesti diambil tindakan tegas. Kalau tidak, tidak ada masalah. Kita hendak pastikan ianya bersih itu sahaja.

Dato' Kong Cho Ha: Saya memang faham bahawa Yang Berhormat Pasir Mas memang kerana semalam Yang Berhormat baca dengan panjang lebar berkenaan dengan dakwaan-dakwaan itu. Jadi adakah dakwaan itu benar atau tidak benar kita akan siasatlah. Jadi Yang Berhormat....

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat boleh atau tidak diserahkan kepada perkaranya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk menyiasat?

Dato' Kong Cho Ha: Pada masa sekarang kita tidak ada apa-apa *information* lagi. Jadi Yang Berhormat Tumpat membangkitkan bahawa Petronas mendiskriminasi negeri Kelantan dalam mewujudkan *supply base*. Jadi untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini Petronas tidak mempunyai perancangan untuk membina pangkalan-pangkalan ataupun *supply base* di Kelantan. Ini memandangkan bekalan logistik bagi menampung keperluan operasi dan aktiviti cari gali minyak dan gas di kawasan Pantai Timur Semenanjung dan juga kawasan pembangunan bersama Malaysia-Thailand boleh diperoleh dari perkhidmatan yang ditawarkan oleh pangkalan-pangkalan Kemaman. Oleh itu tidak timbul isu diskriminasi di negeri Kelantan. Yang Berhormat Tumpat...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Timbalan Menteri.

Dato' Kong Cho Ha: Saya ingat itulah jawapan sahaja tidak ada jawapan yang lain so saya tidak bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha: Saya akan, kalau....

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi bezanya berpuluh-puluh meter jauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha: Itu Shah Alam.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Kong Cho Ha: Akan tetapi kita perlu kaji tentang *viability*. Mewujudkan *supply base* itu bukan murah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia jawab berdasarkan kepada *viability* tidak apa tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi jawab dengan begitu sahaja.

Dato' Kong Cho Ha: Bukan begitu sahaja.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sedangkan alasan yang mengatakan bahawa tidak ada *viability* perlu dibuktikan. Di sini kita dapat lihat bahawa jaraknya sudah cukup jauh. Kita melihat bagaimana helikopter-helikopter yang membawa pekerja daripada Terengganu pergi ke pelantar-pelantar di Terengganu sendiri pun menghadapi masalah. Apatah lagi kalau daripada *supply base* ini di Kemaman hendak pergi ke pelantar-pelantar yang lebih jauh ke utara. Itu satu jawapan yang perlu mempunyai asas tidak boleh beri jawapan macam itu sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta maaf ya.

Dato' Kong Cho Ha: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Untuk soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat yang merayu berkenaan dengan projek Jambatan Sultan Ismail di Kota Bharu. Jadi untuk makluman Yang Berhormat kemajuan kerja semasa bagi Jambatan Sultan 'Ismail' Petra...

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *[Menyampuk]*

Dato' Kong Cho Ha: Yahaya Petra okey, *sorry!* Yahaya Petra, *yes...* Jadi untuk makluman Yang Berhormat kemajuan kerja semasa bagi Jambatan Sultan Yahaya Petra adalah sebanyak 22.9 peratus setakat ini. Berbanding dengan 19.8 peratus yang dijadualkan iaitu bersamaan dengan 39 hari lebih awal dengan mengambil kira lanjutan masa yang telah diberikan kepada kontraktor. Jadi kos projek adalah kekal sebagaimana asal iaitu RM150.32 juta dan projek ini dijangka siap bulan November 2010.

Yang Berhormat Tumpat juga membangkitkan berkenaan dengan Kementerian Luar enggan mengiktiraf parti Hamas sedangkan banyak negara-negara dunia barat yang telah ada perhubungan ataupun perjumpaan dengan Hamas dan sebagainya.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat pada 20 Februari 2006 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menerima kunjungan hormat dari seorang wakil Hamas iaitu Dr. Azam Tarmimi. Dalam pertemuan tersebut Malaysia mengulangi ucapan tahniah kepada kepimpinan Hamas di atas kemenangan mereka dan pemimpin biro politik Hamas, Khalis Masyair juga telah mengadakan lawatan ke Malaysia. Justeru persoalan Malaysia tidak mengiktiraf kerajaan Hamas tidak wujud sama sekali.

Yang Berhormat Tumpat juga membangkitkan berkenaan dengan *Selangor Raw Water Transfer Project*. Jadi untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan bahawa terdapat tiga penender ataupun *feeder* untuk projek ini. Jadi untuk projek pakej terowong pemindahan air bagi projek penyaluran...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri mohon penjelasan.

Dato' Kong Cho Ha: Saya belum jawab lagi.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tidak mengenai pengiktirafan Hamas tadi. Yang Berhormat Menteri saya ingin mohon penjelasan kerana dikatakan tadi kerajaan Malaysia mengiktiraf kerajaan Hamas tetapi yang kita lihat di media apa yang ditunjukkan oleh Kerajaan Malaysia membawa ke hulu ke hilir duta Palestin itu sehingga ke Kuala Terengganu itu hari. Kenapa wakil daripada Hamas juga tidak dibawa dan di manakah dana kerana yang dikumpul bantuan, aama ada ia disalurkan kepada Hamas kerana kita menerima aduan bahawa kelompok Hamas tidak mendapat bantuan seperti mana kelompok Fatah. Pohon penjelasan.

■1200

Dato' Kong Cho Ha: Saya tidak ada jawapan untuk adakan wang itu, ke mana ataupun adakah ia dimasukkan ke Hamas atau pun yang lain. Saya tidak ada jawapan.

Berkenaan dengan terowong pemindahan air ataupun *raw water transfer project* bagi projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor. Jadi, kerajaan belum buat keputusan ke atas mana-mana *petender* ataupun tawaran belum dibuat ke mana-mana pihak pada masa sekarang. Kerajaan masih meneliti dari aspek implikasi perundangan dan prosedur, pentadbiran kontrak sebelum sebarang tawaran diputuskan.

Yang Berhormat Tumpat dan juga beberapa Yang Berhormat yang lain, juga membangkitkan berkenaan dengan isu pelaksanaan PPSMI. Ini sudah banyak kali diterangkan dan di bahas dalam Dewan yang mulia ini dan juga banyak dibahaskan di media masa, media cetak dan sebagainya. Untuk jawapan yang sama juga, kerajaan akan membuat keputusan ke atas dasar PPSMI setelah kertas Jemaah Menteri dibentangkan di dalam mesyuarat Jemaah Menteri nanti.

Yang Berhormat Tumpat juga membangkitkan berkenaan dengan terminal LCCT dan adakah...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri. Pohon penjelasan sedikit pasal PPSMI.

Dato' Kong Cho Ha: PPSMI itu...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit sahaja. Difahami bahawa sejumlah besar digunakan untuk Program Pembelajaran Matematik Sains dalam Bahasa Inggeris. Soalan saya, berapa banyak dana digunakan oleh kerajaan untuk menyelamatkan bahasa Melayu? Untuk menyelamatkan bahasa Melayu tapi untuk mengurangkan pengaruh bahasa Melayu memang banyak. Apa caranya untuk menyelamatkan bahasa Melayu, berapa banyak diperuntukkan?

Dato' Kong Cho Ha: Saya juga tidak ada jawapan untuk soalan itu sebab itu tidak di bawah... [Disampuk]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Itulah panggil Menteri datang lagi baik.

Dato' Kong Cho Ha: Kepala itu tidak di bawah rang undang-undang kewangan tambahan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara yang spesifik Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha: Akan tetapi saya ingat mungkin Yang Berhormat boleh bangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa sebab itu khusus dan *specific*. Jadi berkenaan dengan LCCT dan adakah Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pilih kasih dan sebagainya. Untuk menjawab Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa kerajaan telah membuat penelitian dan seterusnya memutuskan supaya terminal LCCT tetap dibina di KLIA. Kerajaan tidak pernah mengamalkan pilih kasih terhadap mana-mana syarikat penerbangan. Semua perkhidmatan yang disediakan oleh MAHB terhadap syarikat penerbangan tempatan atau luar negara adalah sama dan tiada unsur diskriminasi atau pilih kasih. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan lebih banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan untuk mendarat di KLIA.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Ringkas sahaja Yang Berhormat berkaitan dengan LCCT itu. Baru-baru ini AirAsia telah melancarkan dan saya tidak ada saham dalam AirAsia atau apa-apa, melancarkan penerbangan sulungnya ke London Stansted Airport dan balik ke Kuala Lumpur. Dalam laporan yang kita baca, ada tokoh-tokoh tertentu mengiringi dan menaiki penerbangan pertama ini serta dari berita yang kita lihat, *Duke* anak raja United Kingdom menyambut penerbangan itu di London Stansted Airport. Bolehkan kita tahu sebagai menunjukkan bahawa Kementerian Pengangkutan dan kerajaan saksama dalam layanan dan sokongannya terhadap sama ada MAS ataupun AirAsia? Siapakah tokoh mewakili kerajaan atau Kementerian Pengangkutan dalam penerbangan pertama ke London dan balik oleh AirAsia itu? Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya tidak perlu jawab itu. Tidak ada jawapan pun... [Ketawa].

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Timbalan Menteri. Berhubung dengan LCCT ini, saya hendak tanya kos pembinaan itu. Mengapa yang hendak dibina di KLIA dikatakan akan menelan belanja sebanyak RM2 bilion? Sedangkan kita tahu bahawa kebanyakan daripada infra di KLIA itu semua sudah siap. Akan tetapi bila hendak buat di Labu dikatakan ia hanya RM1.6 bilion sedangkan kita tahu bahawa kelengkapan dan infra di Labu itu jauh ketinggalan. Mungkin mereka terpaksa *upgrade* dan memanjangkan *runaway* dan sebagainya. Di situ nampak macam tidak begitu rasional. Mengapa buat di KLIA lebih mahal sedangkan semua infra sudah ada? Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong jelaskan.

Dato' Kong Cho Ha: Kos itu saya ingat perlu mengikut apakah kemudahan yang akan diadakan dalam LCCT itu. Berkenaan dengan LCCT di Labu keputusan itu dibuat berikutan dengan kegagalan beberapa pihak rakan kongsi yang pada akhirnya tidak bersetuju untuk meneruskan projek itu. Tadi Yang Berhormat Tumpat juga..

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

Dato' Kong Cho Ha: Berkenaan dengan LCCT juga?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang MAHB. Sebenarnya di bawah maksud B.28, kita telah diperuntukkan sebanyak RM67.6 juta untuk penyaluran geran bagi pembangunan projek kilang *aircraft composite component assembly* kepada MAHB. Saya hendak tanya Timbalan Menteri sama ada ia ada hubung kait dengan CTRM, *composite technology* di Melaka. Ini kerana kalau kilang ini berlainan, kita sebenarnya tidak mengguna pakai CTRM yang mempunyai lebih kepakaran dalam bidang komposit. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya ada jawapan tetapi saya kena cari sebab itu saya ingat perlu dijawab di peringkat Jawatankuasa.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya yang mudah, sama ada kilang ini adakah berlainan dengan CTRM ataupun kilang yang sama. Itu sahaja.

Dato' Kong Cho Ha: Maklumat yang saya ada ini adalah *Aircraft Manufacturing* adalah satu syarikat *joint venture* berkenaan dengan *spirit aero system*. Geran yang kerajaan janji adalah RM153 juta jadi ini adalah baki kepada RM153 juta yang dijanjikan ini. Jadi, berkenaan dengan adakah ia sama dengan CTRM itu mungkin nanti Yang Berhormat bangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Minta penjelasan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu, adakah LCCT yang diurus tabir oleh MAHB. Tender sebanyak RM2 bilion ini adakah melalui tender terbuka atau tender perunding? Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Saya ingat itu saya perlu beri jawapan bertulis sebab saya tidak mahu bagi jawapan yang salah. Berkenaan dengan Yang Berhormat Tumpat yang membangkitkan bahawa MARA membelanjakan RM800 juta untuk membeli Kian Joo Canning Sdn Bhd dan dibiayai melalui pinjaman. Apakah peranan MARA atas pembelian tersebut? Jadi untuk menjawab Yang Berhormat, pembelian syarikat Kian Joo Group kerana hasrat untuk membela nasib vendor-vendor bumiputera yang bernaung dan berurus niaga dengan syarikat ini.

■1210

Jika syarikat ini tutup, ini akan membawa kesan negatif kepada ratusan syarikat vendor bumiputera yang bergantung hidup perniagaan mereka dengan syarikat ini. Pembelian syarikat ini dilakukan oleh anak syarikat MARA. Pinjaman dilakukan kerana anak syarikat MARA tidak mempunyai dana yang mencukupi. Pinjaman amat relevan demi membantu kelangsungan hidup syarikat-syarikat vendor bumiputera walaupun dalam keadaan ekonomi kurang memuaskan. Yang Berhormat...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak faham, kalau Kian Joo Canning ini tidak mempunyai satu jenis perniagaan yang boleh menjamin kesinambungannya dan dikatakan bahawa ia akan ditutup maka bagaimanakah dengan hanya sekadar membeli syarikat itu demi menentukan bahawa vendor-vendor bumiputera ini dapat *business* dengan Kian Joo boleh menyelamatkan syarikat itu. Ini kerana dia mesti ada kemampuan untuk berdikari dan untuk kelangsungan *business* Kian Joo itu sendiri. Bukan sekadar kita beli supaya syarikat-syarikat bumiputera yang lain boleh ber *business* dengan Kian Joo, kalau Kian Joo sudah hendak tutup, tiada *business*. Maknanya dia tiada daya saing dan tidak ada kemampuan untuk kesinambungannya. Macam mana dengan itu kita boleh menyelesaikan masalah?

Dato' Kong Cho Ha: Yang Berhormat Shah Alam, sebenarnya Syarikat Kian Joo Canning ini adalah sebuah syarikat yang baik. Bukan syarikat yang hendak tutup. Sebenarnya, untuk menjamin bahawa masa hadapan vendor-vendor itu.

Jadi MARA beli Syarikat Kian Joo atas bahawa Syarikat Kian Joo Canning ini adalah sebuah syarikat yang baik dan juga untuk menjamin bahawa anak-anak syarikat vendor itu juga mempunyai masa hadapan yang terjamin.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maknanya *business* Kian Joo ini bagus dan bila MARA beli dan ambil alih RM800 juta, *business* ini akan berkembang. Adakah dengan pembelian syarikat itu, dengan pengambilalihan pengurusan oleh pihak MARA, maka *business* yang sedia ada di Kian Joo itu dapat diteruskan dan dapat dipertahankan. Itu merupakan satu perkara yang penting juga kerana selama ini kejayaan mereka mungkin oleh sebab hubungan mereka dengan klien-klien yang tertentu yang boleh berakhir dengan adanya pengurusan dan pemilik yang baru.

Apakah tindakan dan syarat-syarat pembelian dan pengambilalihan yang dilakukan oleh MARA dengan Syarikat Kian Joo yang menjamin bahawa setelah dia beli, Kian Joo tidak akan menggunakan yang RM800 juta itu untuk memulakan satu *business* yang boleh menyaingi syarikat yang sedia ada dan menarik balik ataupun mengambil balik semua klien luar negara dan sebagainya yang memberikan keuntungan kepada mereka. Mengapa perlu beli dan ambil alih sekiranya ia boleh berterusan dan selama ini Kian Joo menyokong syarikat-syarikat bumiputera yang di bawah biayaan MARA? Tidak menjawab keraguan saya.

Dato' Kong Cho Ha: Anggapan saya adalah bahawa MARA melabur di dalam syarikat Kian Joo Canning ini mesti atas harapan bahawa masa hadapan syarikat itu adalah cerah dan juga ada potensi untuk syarikat itu berkembang lagi pada masa hadapan.

Jadi, untuk menjawab Yang Berhormat dari Pontian, berkenaan dengan cadangan kerjasama dan penubuhan rakan kongsi dalam perniagaan di antara berbilang kaum di masyarakat kita, misalnya perkongsian di antara Melayu dengan Cina, Melayu dengan India, India dengan Cina dan mungkin Melayu, India dan Cina semua satu kali. Jadi untuk saya, cadangan ini adalah satu cadangan yang baik dan juga telah lama dipromosikan dan digalakkan oleh kerajaan.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tawau berkenaan dengan sistem cukai pendapatan yang terlalu ketat dan tidak fleksibel sehingga syarikat terpaksa membuat penyesuaian anggaran hasil cukai pada Jun setiap tahun. Jadi untuk menjawab Yang Berhormat Tawau, memang itu adalah garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri di mana untuk pihak syarikat, borang CP 204A, perlu diisi. Kalau hendak buat pindaan berkenaan dengan anggaran hasil untuk satu tahun, borang CP 204A itu perlu dihantar dalam bulan yang keenam tahun taksiran dan juga dalam bulan sembilan, tahun taksiran. Untuk akaun individu, semua pertukaran ini perlu dipohon melalui borang yang tertentu sebelum 30 Jun.

Yang Berhormat Tawau juga membangkitkan berkenaan dengan levi keuntungan luar biasa ke atas kelapa sawit ataupun *windfall tax*. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini dalam mini bajet baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun mengumumkan kenaikan harga *threshold* dari RM2,000 setan CPO kepada RM2,500 setan bagi Semenanjung Malaysia dan RM3000 se tan bagi Sabah dan Sarawak. Bagi saya, ini adalah untuk meringankan beban kepada syarikat kelapa sawit. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan memang tidak mengenakan apa-apa *windfall tax* untuk pekebun kecil.

Yang Berhormat Tawau juga mencadangkan agar kementerian menjalankan pembangunan dan penyelidikan ke atas sawit secara berterusan untuk memastikan Malaysia sebagai pengusaha industri sawit berkelas dunia. Memang Malaysia adalah sebuah negara dari segi teknologi kelapa sawit adalah bertaraf dunia ataupun yang pertama di seluruh dunia. Kerajaan selama ini juga menggalakkan pelaburan dalam industri-industri *downstream* ataupun *downstream industry*. Banyak juga teknologi yang direka oleh saintis-saintis tempatan dalam sawit ini seperti pulpa dan kertas daripada tandan kosong kelapa sawit, tenaga diperbaharui ataupun dari *biomas energy*, baja kompos, *particle board*, *plywood*, *activated carbon* dan juga khasnya sekarang adalah biodiesel dan juga bahan-bahan farmaseutikal serta *healthcare product* seperti vitamin 'E', vitamin 'A' dan sebagainya dari kelapa sawit.

Yang Berhormat Tawau juga membangkitkan bahawa polisi Kabotaj dapat dikeluarkan secara langsung untuk memberi kesempatan kepada rakyat Sabah. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, dasar Kabotaj telah dikuatkuasakan pada tahun 1980 untuk menggalakkan perkembangan industri perkapalan tempatan dan mengurangkan penggunaan kapal-kapal asing.

■1220

Dasar ini telah berjaya mewujudkan banyak syarikat perkapalan tempatan termasuk di Sabah dan Sarawak. Di samping itu industri-industri sokongan seperti syarikat pembinaan dan pembaikan kapal, agensi-agensi perkapalan, syarikat pembekalan dan lain-lain telah berkembang dengan pesatnya terutama di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sedang meneliti semula pelaksanaan dasar ini di mana kepentingan semua pihak akan turut diberi perhatian.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin berkenaan dengan kelengkapan logistik dan pakaian anggota keselamatan Polis Diraja Malaysia adalah substandard dan tidak berkualiti, dan meminta kementerian mengkaji supaya pembekal mematuhi spesifikasi perbekalan dan sebagainya. Kementerian sentiasa memberi perhatian untuk memastikan segala bekalan dan yang berkaitan pakaian seragam Polis Diraja Malaysia termasuk kasut dan sebagainya adalah sesuai, berkualiti dan mematuhi kehendak spesifikasi yang ditetapkan. Oleh itu bekalan pakaian tersebut adalah dirujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Kimia bagi memenuhi kehendak spesifikasi bekalan yang berkenaan.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin juga berkenaan dengan operasi dan peranan TLDM dalam Operasi Fajar di Teluk Aden, Yaman yang bukan sahaja telah menyelamatkan kapal milik syarikat Malaysia malah juga beberapa buah negara yang lain. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, KD Lekir dan KD Seri Inderapura telah digerakkan melalui inisiatif direktif Operasi Fajar 1 bagi operasi membebaskan kapal MISC Bunga Melati 2 dan Bunga Melati 5. Operasi Fajar 1 bermula pada 29 Ogos 2008 dan dibubarkan pada 5 Oktober 2008 setelah kedua-dua kapal MISC dibebaskan oleh lanun di perairan Somalia.

KD Lekir dan KD Seri Inderapura kembali ke Malaysia pada 23 Oktober 2008. KD Mahawangsa telah digerakkan melalui *initiating directive* Operasi Fajar 2 bagi operasi menentukan keselamatan kapal MISC semasa belayar di perairan Teluk Aden. Operasi Fajar 2 bermula 7 September 2008 dan KD Mahawangsa telah kembali ke Malaysia pada 27 Disember 2008. KD Seri Inderasakti telah digerakkan melalui *initiating directive* Operasi Fajar 3 bagi operasi menentukan keselamatan kapal MISC semasa belayar di perairan Teluk Aden.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada menyelamatkan kapal-kapal MISC, Operasi Fajar 1, Fajar 2 dan Fajar 3 ini juga dapat menyelamatkan kapal-kapal dagang negara yang lain seperti negara India dan negara China. Baru-baru ini saya mengikuti salah satu rombongan di negeri China, Menteri Pengangkutan negeri China sendiri mengucapkan terima kasih kepada Tentera Laut Diraja Malaysia kerana menyelamatkan kapal dagang negara China. Saya ingat operasi ini memang baik untuk perhubungan kedua-dua belah antara negara kita dengan pihak negara lain yang kita dapat menyelamatkan kapal-kapal mereka. Yang Berhormat, Batu. Oh bukan, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kita di sini dengan bekalan tambahan, kita minta diluluskan hampir RM700 juta untuk Operasi Fajar ini. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan dalam Dewan yang mulia ini berapakah perbelanjaan untuk Operasi Fajar ini setiap tahun. Setakat ini sudah sampai Fajar 3, berapa buah kapal yang sudah diselamatkan dan berapa buah kapal yang tidak diselamatkan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada hubungan dengan yang tadi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Jasin?

Dato' Kong Cho Ha: Sebenarnya operasi Fajar ini bukan tiap-tiap tahun ada. Ia baru mula oleh kerana kegiatan lanun di Teluk Aden, Somalia di mana lanun Somalia ini telah mengancam banyak kapal. Jadi, semasa kapal negara kita berada di sana kita menjalankan tugas yang bertanggungjawab bukan sahaja menyelamatkan kapal milik negara kita sahaja. Pada masa yang sama operasi tentera laut negara lain juga beroperasi di tempat yang sama. Mereka juga menjaga kapal-kapal negara. Jadi, ini bagi saya adalah satu kerjasama yang baik di komuniti antarabangsa. Untuk perbelanjaan, oleh kerana itu bukan satu perbelanjaan yang telah dirancang oleh kerana ia tiba dengan tidak dijangka jadi kita perlukan tambahan perbelanjaan untuk operasi-operasi Fajar yang dijalankan...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]: Penjelasan satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat?

Dato' Kong Cho Ha: Saya ingat cukuplah untuk...

Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]: *Just* satu sahaja, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi, Yang Berhormat?

Dato' Kong Cho Ha: Berkenaan dengan apa?

Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]: Labuan, Yang Berhormat. Satu untuk Labuan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Berkenaan dengan yang sama juga.

Dato' Kong Cho Ha: Yang sama saya ingat tidak perlulah.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Ketawa] Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Kong Cho Ha: Yang sama tidak perlu, sebab saya ada banyak lagi. Tidak habis nanti. Yang Berhormat Jasin membangkitkan soalan di bawah kawalan penyakit iaitu di bawah Kementerian Kesihatan. Jadi, Kementerian Kesihatan sentiasa membuat pemantauan dan langkah kawalan serta pencegahan kepada semua kes chikungunya yang dikesan. Aktiviti yang dilakukan termasuk siasat kes rawatan di hospital, aktiviti pengasapan di kawasan-kawasan kediaman dan sebagainya. Jadi, keadaan terkawal pada masa kini dan pemantauan yang rapi terus berlaku.

Yang Berhormat Padang Terap membangkitkan berkenaan dengan bagaimana kerajaan memastikan keadilan kepada pekerja iaitu berkenaan dengan perjanjian antara majikan dan pekerja, penghormatan kepada pekerja, gaji, upah dan juga mewujudkan kesatuan pekerja. Jadi, kerajaan memang menjaga kebajikan pekerja berdasarkan kepada Akta Pekerja 1955.

■1230

Akta ini memberi perlindungan terhadap pekerja dari segi gaji adalah berdasarkan kepada *collective agreement* dan mengikut perjanjian yang sama atau ikut pasaran. Dari segi beban kerja, pekerja hanya melaksanakan tugas di mana pekerja itu dilantik dan ditetapkan. Dari segi penglibatan dalam kesatuan sekerja, setiap pekerja berhak menyertai kesatuan sekerja. Setiap kategori pekerja boleh tubuh kesatuan sendiri.

Yang Berhormat Padang Terap juga membangkitkan berkenaan dengan Rumah Mesra Rakyat berkenaan dengan kualiti dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan Rumah Mesra Rakyat adalah terbuka kepada semua rakyat yang berpendapatan rendah dan memenuhi syarat-syarat tertentu yang dinyatakan di dalam borang permohonan dan borang permohonan tersebut boleh didapati secara percuma di semua cawangan SPNB di seluruh negara. Syarat-syarat yang tertentu semua berada dalam borang permohonan itu.

Yang Berhormat Ledang juga bangkit berkenaan dengan isu disiplin murid dan pembangunan modal insan. Jadi pembangunan modal insan yang dihasratkan oleh kerajaan termasuklah usaha membentuk peribadi mulia di kalangan murid di mana semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing sama ada di peringkat sekolah, para ibu bapa serta pihak-pihak lain yang berkepentingan.

Yang Berhormat Ledang juga membangkitkan berkenaan dengan industri muzik dalam negara kita yang semakin merudum dan menyebabkan penularan masuk industri muzik luar negara yang membawa bersama budaya yang tidak selaras dengan budaya tempatan. Jadi setakat ini kerajaan belum merancang untuk membiayai sebahagian daripada kos pengeluaran dan pembiayaan album pemuzik-pemuzik bagi membantu pemuzik tempatan di samping mengelakkan remaja terpengaruh dengan muzik-muzik dari negara luar.

Yang Berhormat Ledang juga membangkitkan berkenaan dengan rebat minyak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan tempoh pemberian rebat tunai iaitu dari 1 April 2008 sehingga 31 Mac 2009 yang merupakan langkah sementara bagi mengurangkan beban rakyat akibat kenaikan harga minyak runcit dari RM1.92 seliter kepada RM2.70 seliter pada 5 Jun 2008. Walau bagaimanapun, harga minyak runcit telah dikurangkan sebanyak tujuh kali daripada RM2.70 seliter kepada RM1.80 seliter selaras dengan pengurangan harga minyak mentah dunia. Oleh itu keputusan kerajaan adalah tidak akan melanjutkan tempoh pemberian rebat tunai tersebut lagi.

Yang Berhormat Batu membangkitkan adakah pembelian peralatan oleh Kementerian Pertahanan adalah dengan cara *direct nego* adalah paling bijak dalam keadaan kegawatan ekonomi. Ahli Yang Berhormat telah diberi maklum dalam Dewan yang mulia ini bahawa hanya 100 perolehan daripada 477 perolehan ataupun 20.95 peratus sahaja telah dilaksanakan secara rundingan terus oleh Kementerian Pertahanan pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, jika dilihat dari segi nilai perolehan secara rundingan terus, ianya RM4.392 bilion berbanding dengan keseluruhan perolehan bernilai RM8.116 bilion. Mengenai perkhidmatan *catering*, sememangnya perkhidmatan ini dibenarkan dilaksanakan secara rundingan terus melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan 16 Tahun 2002.

Yang Berhormat Batu juga membangkitkan berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri mengambil langkah proaktif dalam memberi penerangan kepada negara-negara jiran mengenai is-isu serantau dan mencari formula melalui perbincangan dengan pemimpin negara-negara jiran bagaimana untuk meningkatkan daya perbelanjaan serantau di rantau ASEAN dan mengelakkan kebergantungan kepada Amerika Syarikat.

Memang negara-negara ASEAN dan rantau ini mempunyai *trade agreement* seperti AFTA dan dengan tarif yang rendah sekali dan selama ini kerjasama di antara negara-negara di rantau ASEAN ini adalah amat baik sekali dan boleh dikatakan bahawa angka perdagangan di antara negara-negara ASEAN itu telah pun menunjukkan kenaikan beberapa tahun kebelakangan ini.

Yang Berhormat Tenggara membangkitkan bahawa cukai kastam yang dikutip daripada negeri-negeri diberikan sebahagiannya kepada kerajaan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dikutip adalah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan sebagai hasil Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan memang memberi peruntukan kepada kerajaan negeri seperti geran per kapita, geran penyelenggaraan jalan dan sebagainya mengikut undang-undang yang sedia ada. Di samping itu Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peruntukan tertentu untuk melaksanakan projek pembangunan di negeri-negeri.

Yang Berhormat Tenggara dan beberapa Yang Berhormat yang lain telah...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin minta penjelasan berkaitan dengan geran peruntukan pembangunan untuk negeri-negeri. Jadi kita lihat di negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat, Jabatan Pembangunan Persekutuan diwujudkan dan ini kita lihat bagaimana kerjasama yang kurang baik, contohnya di Kelantan, apabila wujudnya pegawai-pegawai dari JPP ini yang kadang-kadang tidak datang apabila dijemput untuk mesyuarat bersama dengan Jabatan Pembangunan Negeri. Begitu juga dengan ketelusan dari segi pembahagian.

■1240

Banyak perkara apabila dirujuk meminta supaya peruntukan ini hanya mesti melalui, maknanya ketua pimpinan UMNO yang ada di sesebuah negeri. Jadi kenapa perkara ini wujud dan saya ingin penjelasan, apakah kerajaan bercadang untuk ketelusan, perkara ini dihapuskan terus. JPP ini dihapuskan terus dan *direct* kepada kerajaan negeri.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sebenarnya Kerajaan Persekutuan memang tidak kurang bayar kepada mana-mana negeri pun, kerana pembayaran seperti per kapita dan juga berkenaan dengan penyelenggaraan jalan dan lain-lain bayaran itu semua disalurkan mengikut akta yang ada. Namun, untuk projek-projek yang lain, walaupun mereka disalurkan kepada agensi-agensi persekutuan, tetapi projek itu juga dibuat dan dijalankan di negeri-negeri masing-masing. Jadi itu tidak ada kekurangan kepada mana-mana negeri pun.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Sikit lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kong Cho Ha: Saya ingat cukuplah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Sikit saja. Saya ingin tahu pemantauan terhadap projek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Tidak bagi.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Di dalam satu kes, kita dimaklumkan peruntukan yang diberi untuk negeri Kelantan sebagai contoh di bawah PBT sebanyak RM38 juta. Akan tetapi yang sampai sebenarnya hanya 1.6 peratus dari peruntukan. Ini didedahkan oleh pegawai yang terlibat. Jadi kenapa ini berlaku dan sejauh mana pemantauan dibuat?

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat, memang kerajaan mempunyai cara-cara yang tertentu ataupun *circular*, garis panduan yang tertentu berkenaan dengan mengawal selia dan pemantauan mana-mana projek yang dilaksanakan. Jadi semua pegawai dan pengawal mesti mematuhi garis panduan itu. Jadi, kalau berlaku penyelewengan, orang awam ataupun Yang Berhormat sendiri boleh buat laporan dan kita akan siasat tentang mana-mana projek yang dijalankan tidak mengikut cara yang ditetapkan ataupun garis panduan yang ada.

Untuk menjawab Yang Berhormat Tenggara dan beberapa Yang Berhormat yang lain berkenaan dengan pusat-pusat pemindahan banjir. Ini tepatlah dengan peruntukan tambahan ini, kerana banjir yang berlaku di negeri Johor dan negeri yang lain. Jadi kemudahan di pusat-pusat pemindahan banjir yang ditambah dan dinaiktarafkan meliputi pusat-pusat sedia ada yang telah dikenal pasti dan sesuai dijadikan sebagai pusat pemindahan banjir. Pusat-pusat ini meliputi sekolah, dewan orang ramai, dewan serba guna, pusat-pusat rukun tetangga dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan yang ditambah juga seperti perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat semalam, bahawa kerja tambahan itu adalah untuk menaiktarafkan bilik air, tandas, bilik persalinan, tempat memasak, tempat mengambil wuduk dan tempat beribadah yang disesuaikan dengan bilangan mangsa banjir dan ditempatkan di pusat-pusat tersebut.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: [Bangun]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Kong Cho Ha: Peruntukan tambahan yang disediakan bagi kemudahan ini adalah tidak termasuk peruntukan membina dan penyelenggaraan jalan-jalan rosak akibat banjir. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan ini hanya adalah....

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Mohon laluan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kong Cho Ha: Adalah peruntukan tambahan sahaja. Jadi, mungkin angka sebenarnya adalah lebih besar. Apa yang kita tambah ialah untuk yang tidak mencukupi pada asalnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Tenggara.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memaklumkan kepada kita tentang tindakan yang akan diambil untuk menaik taraf pusat-pusat pemindahan ini. Saya harap kementerian faham dengan keperluan yang diperlukan oleh penghuni-penghuni, oleh mereka yang akan dipindahkan di pusat pemindahan. Bukan sahaja setakat menyediakan bilik air, bilik mandi, bilik persalinan, tempat memasak dan sebagainya. Akan tetapi perkara yang saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua, kadangkala bila mangsa-mangsa banjir ini dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan, mereka terpaksa beralaskan tikar atas bantuan jangka pendek yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Baring dan tidur atas simen beralaskan tikar. Siapkanlah platform untuk mereka sekali supaya apabila mereka pindah ke pusat-pusat pemindahan, mereka pindah dalam keadaan yang selesa. Bukannya pindah ke pusat pemindahan, pindah seperti seorang pelarian. Jadi saya harap kalau boleh, mungkinlah kementerian bijaksana yang dapat memikirkan apakah bentuk naik taraf yang perlu dilakukan di pusat-pusat pemindahan. Kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin dapatkan maklumat juga daripada kami, wakil-wakil rakyat yang boleh memaklumkan supaya kemudahan menaik taraf pusat-pusat pemindahan itu boleh ditambahkan dengan lebih elok lagi dengan keperluan-keperluan yang diperlukan oleh mangsa-mangsa yang dipindahkan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: Setuju, setuju.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya juga faham bahawa semua Ahli Yang Berhormat sendiri juga terlibat dalam kerja pada masa berlakunya banjir.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Kong Cho Ha: Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat. Akan tetapi, kita semua juga perlu faham bahawa pusat pemindahan banjir ini bukan *five star hotel* dan kerajaan perlu prihatin.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Minta maaf. Pohon laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kong Cho Ha: Saya belum.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Nanti. Saya hendak beritahu.

Dato' Kong Cho Ha: Saya belum habis lagi!

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tidak. Bukan. Jangan sebut *five star hotel*, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita faham pusat pemindahan ini. Yang kita minta adalah keselesaan. Saya bukan minta kemudahan seperti *five star hotel*. Tidak! Jadi, saya ingat ayat "pusat pemindahan sebagai *five star hotel*" itu tidak patut disebut. Minta maaf.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Dato' Kong Cho Ha: Ya, saya faham. Jadi saya kata saya belum habis lagi. Apa yang saya hendak cakap ialah kemudahan asas seperti bilik air, tempat masak, tempat tidur dan peralatan. Semua perlu lengkap.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Dato' Kong Cho Ha: Itu untuk saya adalah penting dan yang lebih penting adalah macam mana kita dapat ataupun kita boleh mengelakkan kejadian banjir itu berlaku sekali lagi. Itu untuk saya adalah lebih penting.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit. Batu Pahat sedikit saja.

Dato' Kong Cho Ha: Saya mahu habis sebelum pukul satu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah, Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Batu Pahat. Pengalaman Batu Pahat ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya berdiri sudah lama sangat.

Dato' Kong Cho Ha: Saya faham. Saya faham. Tentang kejadian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Duduklah, ya.

Dato' Kong Cho Ha: Kejadian-kejadian banjir pada bulan Disember tahun 2007 saya ingat.

Beberapa Ahli: 2006, 2006.

Dato' Kong Cho Ha: 2006.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Dato' Kong Cho Ha: Saya tahu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya ada cadangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi pula. Teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya ingin memberi cadangan. Katalah dalam tempoh dua bulan ini berlaku banjir, saya ingin memberi cadangan. Kalau boleh, kita sediakan pusat pemindahan yang tetap sebab masalah banjir ini sering berlaku berulang setiap tahun. Jadi kalau kita ada pusat pemindahan tetap, maka kita boleh gunakan. Kalau ada kebakaran pun, mereka boleh gunakan kerana kalau guna sekolah ini akan timbul masalah terutama kalau jadi penempatan atau pemindahan sementara untuk dua bulan. Sekolah terganggu. Itu satu.

Yang kedua, kadang-kadang yang berkeluarga ini. Ini yang timbul masalah. Kadang-kadang dia guna bawah tangga dan sebagainya sebab dia berkeluarga. Jadi, tempoh lama itu dia pun tidak tahan. Jadi sebab itu saya rasa wujudkan pusat pemindahan yang tetap supaya janganlah nanti kita terpaksa tarik tikar. Tikar pula kemudian dibuang dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan perkara tersebut.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [Bangun]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih. Cadangan Yang Berhormat kita ambil maklum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Kong Cho Ha: Saya tidak mahu bagi lagi kerana saya ada sedikit perkara lagi hendak habiskan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya hendak tanya sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri gulung.

Dato' Kong Cho Ha: Saya ingat saya tidak bagi. Saya tidak bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Duduklah, Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha: Yang Berhormat Tenggara juga membangkitkan berkenaan dengan macam mana kita mengadakan gaya hidup sihat untuk mengelakkan *life style disease* ataupun penyakit yang diakibatkan oleh gaya hidup yang tidak sihat.

■1250

Jadi, selama ini Kementerian Kesihatan Malaysia telah dan sedang melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk mencegah dan mengawal kejadian penyakit yang tidak berjangkit seperti obesiti, diabetes, darah tinggi dan sebagainya. Banyak aktiviti telah pun diadakan di peringkat Kementerian Kesihatan juga berusaha sama dengan Kementerian Pelajaran telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif supaya anak-anak murid kita di kantin sekolah tidak memakan makanan seperti *junk food*. *Junk food* itu dilarang sama sekali dari kantin sekolah dan pengajaran, pemasakan dan...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Ini berkaitan dengan perkara yang saya bangkitkan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Kong Cho Ha: Okey.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih. Saya ucapkan tahniahlah di atas tindakan yang diambil oleh kementerian. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri sebutkan bahawa menentukan makanan yang sihat dan sebagainya di kantin. Tiada penjualan *junk food* dan sebagainya. Sekarang ini, kebanyakan kita perhatikan penjualan *junk food* ini bukan dalam kantin sekolah, bukan di dalam premis sekolah tetapi di luar premis sekolah. Dekat pagar luar apabila budak balik sekolah, apabila budak hendak masuk ke sekolah dan sebagainya. Agaknya macam mana tindakan penyelesaian terhadap masalah itu. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit, saya sambung sedikit tentang...

Dato' Kong Cho Ha: Saya ingat sama.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tidak, tidak. Sedikit sahaja lagi tambah. Betul, betul.

Dato' Kong Cho Ha: Cukuplah, cukup. Itu sudah jelas. Sudah jelas berkenaan dengan masalahnya.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Satu ayat sahaja, satu ayat sahaja Yang Berhormat Menteri. Saya sudah bangun banyak kali ini. Tentang jualan *junk food* juga dalam bas sekolah. Dalam bas sekolah juga ada jualan *junk food*. Jadi, saya sebagai seorang doktor tidak boleh terima kalau kita tidak ambil apa-apa tindakan tentang perkara ini.

Dato' Kong Cho Ha: Okey. Terima kasih. Itu mungkin perkara baru. Akan tetapi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenggara itu, kita semua nampaklah bahawa walaupun *junk food* itu tidak dijual di dalam kantin tetapi ia dijual di luar pagar sekolah. Kali pertama saya mendengar bahawa *junk food* di jual di bas sekolah juga. Jadi, memang kita mengambil berat dan kita juga risau berkenaan dengan penjualan *junk food* yang berleluasa di merata tempat khususnya di sekitar sekolah dan sebagainya.

Untuk menangani masalah ini, perlu ada satu kerjasama atau pun usaha sama di antara pihak sekolah, PIBG, ibu bapa juga perlu dididik dan mempunyai kesedaran tentang keburukan makanan *junk food* dan sebagainya. Untuk penjualan *junk food* di atas bas itu, saya ingat itu juga perlu satu kawal seliaan dari kementerian yang memberi lesen kepada kenderaan perdagangan dan juga pendidikan dan kerjasama di antara pengusaha bas sekolah dan juga ibu bapa.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya hendak kepastian. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, kita hendak luluskan belanjawan yang telah pun dibelanjakan. Betul atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, memang itu pun Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha: Ya, memang betul.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey. Saya hendak tanya sebab kita gunakan dua hari. Semalam dan hari ini untuk meluluskan RM13.47 bilion, pembangunan bersama dengan pengurusan. Saya hendak tanya penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab ada kekeliruan dua kenyataan. Pertama daripada Menteri Kewangan semasa hendak meluluskan RM60 bilion mini bajet, kita terpaksa menggunakan tambahan ini kerana mengambil kira kenaikan dalam nilai-nilai termasuk dalam nilai-nilai aset.

Akan tetapi, Perdana Menteri dalam satu keadaan lain mengatakan kita mesti bersedia untuk *cushion* dengan izin penurunan aset bernilai 31 peratus. Yang mana satu betul ini? Ataupun kalau dua-dua ini kalau kita agak *confusing*, soalan saya ada juga jumlah yang kita hendak luluskan pada hari ini yang belum lagi termasuk dalam bayaran yang didahulukan oleh kumpulan luar jangka. Bermakna kita juga akan mengeluarkan wang tambahan untuk membayar jumlah pembayaran atau pun aktiviti yang telah dibuat pada 2008. Yang mana satu perkara ini atau pun cukupkah atau tidak tambahan yang kita hendak buat ini dengan mengambil kira dua keadaan ini? Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Rang undang-undang ini adalah untuk meminda wang dari kumpulan wang yang disatukan dan juga untuk perbelanjaan yang telah pun dibelanjakan dalam tahun 2008 kepada yang tidak diperuntukkan pada tahun 2008. Jadi, akhir sekali saya ingin ke soalan Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Hendak jawab secara keseluruhankah atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup lah Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha: Saya ingat perkara ini juga banyak kali telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dalam perbahasan dasar Titah Diraja dan sebagainya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Jadi, tidak payah jawablah? Tidak payah jawab?

Seorang Ahli: Tidak tahu. Yang Berhormat Menteri tidak tahu jawab.

Dato' Kong Cho Ha: Jadi, Yang Berhormat Kota Melaka juga membangkitkan berkenaan dengan Program *Homestay* untuk Kampung Pangkalan Batu dan Kampung Portugis. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka, Kampung Pangkalan Batu dan Kampung Portugis itu tidak disenaraikan dalam Program *Homestay* atau pun bukan sebagai peserta Program *Homestay* di bawah Kementerian Pelancongan.

Ini adalah kerana kampung-kampung itu tidak memohon di daftar dalam Program Homestay Kementerian Pelancongan. Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh mengambil inisiatif untuk mendaftarkan kampung-kampung tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat itu sahaja perkara-perkara yang saya hendak jawab untuk perbahasan dalam peringkat dasar.

Dalam mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, suka saya maklumkan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diambil bagi menangani perkara-perkara itu. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian kerajaan khusus Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion tiga ratus empat puluh satu juta enam ratus tujuh puluh tujuh ribu empat ratus ringgit (RM2,341,677,400) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2008, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2008 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2009 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri kemukakan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM11,132,219,926 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2008 bagi Maksud-maksud Bekalan B.6, B.7, B.11, B.12, B.13, B.26, B.27, B.28, B.31, B.41, B.42, B.44, B.48, B.49, B.60, dan B.62 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual.

Wang sejumlah tidak lebih daripada RM2,341,677,400 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2008 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.6, P.10, P.20, P.21, P.23, P.24, P.26, P.27, P.28, P.29, P.30, P.41, P.43, P.44, P.46, dan P.48 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 tahun 2009 dan Kertas Perintah 2A tahun 2009 masing-masing dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2008 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Pertama 2008 telah pun dibentangkan terdahulu. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukan tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 2009 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua Tahun 2008 dan Kertas Perintah 2A Tahun 2009 bagi Anggaran Perbelanjaan Bangunan Tambahan Pertama 2008. Oleh itu, saya tidak berhasrat memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.6, B.7 [Jadual] -
Maksud P.6 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.6 dan B.7 dan Kepala Pembangunan P.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Permatang Pauh, sila mulakan petang nanti.

Majlis Mesyuarat berisidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] **mempengerusikan Mesyuarat]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Pengerusi (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh.

2.32 ptg.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. B.6 Butiran 01000 - JPM (Pentadbiran, Pengurusan, Perkhidmatan Sumber Manusia), 030000 – Unit Penyelarasan Pelaksanaan UPP; B.7 – JPA; B.6 dan B.8, B.7 dan mukadimahnyanya kini kita bahaskan dalam peringkat Jawatankuasa, lima jenis belanjawan yang diluluskan oleh kerajaan:

- (i) Belanjawan 2009, Usul pada 29 Ogos – RM208 bilion dengan peruntukan khas RM71 bilion;
- (ii) pada 4 November 2008 yang kelulusannya masih dipertikaikan; dan
- (iii) minggu lepas 10 Mac 2009, Menteri Kewangan membentangkan pakej rangsangan RM60 bilion.

Kalau ini diambil kira Tuan Yang di-Pertua, saya pohon supaya Menteri Kewangan dan kementerian membetulkan beberapa angka termasuk unjuran, pertumbuhan dan juga defisit.

Ini kerana jumlah defisit kalau kita mengambil kira semua ini, belanjawan tambahan pertama RM22.49 bilion, kedua RM12.9 bilion, Belanjawan 2008 mencecah sekarang RM212.35 bilion. Maknanya defisit tentunya meningkat daripada 3.1 peratus kepada 8.9 peratus KDNK 2007. Ini kerana mengambil kira RM6.29 bilion jumlah lebih daripada akaun hasil disatukan yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Ini dari unjuran yang kita ambil berdasarkan perkiraan yang telah dan akan dibentangkan dan saya percaya kalau ada keperluan, Menteri Kewangan boleh membetulkan dan ini ada kaitan dengan sekali lagi jumlah defisit.

Kerana perkara ini begitu mendesak, saya pohon penjelasan di peringkat Jawatankuasa ini isu yang berbangkit. Ini kerana sukar kita minta dipulihkan keyakinan kalau isu pokok seperti ini termasuk unjuran pertumbuhan itu dianggap tidak realistik dan unjuran defisit bercanggah dengan angka yang telah dikemukakan. Seperti mana yang saya sebut dalam perbahasan peringkat dasar, ini melibatkan soal krisis keyakinan. Ekonomi tidak boleh dipulihkan kalau keyakinan tidak dapat dikembalikan. Saya ingin rujuk juga tentang JPM tadi terutama dua perkara yang bagi saya sangat penting. Saya telah sambut jaminan kerajaan khususnya Menteri Kewangan bahawa kerajaan akan memberi kerjasama kepada semua pihak tanpa mengira mirip dan pendirian politik masing-masing. Akan tetapi saya nak kemukakan satu contoh pada hari ini yang sangat membimbangkan.

Saya minta Jabatan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara khususnya, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pentadbiran ICU, Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta Perdana Menteri untuk menjelaskan hal yang mengejutkan kita kerana bercanggah dengan prinsip perkhidmatan awam, bercanggah dengan etika dan nyata menjadikan Jabatan Perdana Menteri sebagai satu alat politik murahan. Saya di sini sepanjang saya membahaskan isu di Parlimen memilih untuk mempertahankan Perkhidmatan Awam kerana kita tidak mahu mengheret pegawai-pegawai kerajaan dalam kancha politik kepartian. Saya sering mengajak rakan-rakan dalam Pakatan Rakyat untuk memberi ruang kepada pegawai-pegawai menjalankan tugas mereka. Akan tetapi ada perkembangan membimbangkan dan ini kalau kita lihat dalam B.7 itu tentang Peruntukan Jabatan Perkhidmatan Awam sekarang ini.

Inilah menyebabkan maka bukan sahaja kewibawaan pimpinan politik negara ini terjejas tetapi sudah sampai ke tahap di mana kewibawaan pegawai kanan pegawai tertinggi juga dipertikai. Ini berbeza daripada pengalaman yang kita tahu dahulu di mana pegawai-pegawai perkhidmatan awam dipilih, diangkat berdasarkan kewibawaan mereka, integriti mereka dan tahap profesionalisme mereka. Saya hendak bawa contoh, Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Persekutuan Negeri (JKTPN) Selangor Darul Ehsan Bil.1/2009. Nama laporan ini Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Sri Gading, Pelaksanaan Program *People Centric* di Negeri Selangor oleh Pejabat Pembangunan Negeri Selangor bertarikh 26 Februari 2009 di bawah ICU diketuai oleh Tan Sri Khalid dan Menteri berkenaan ada di sini.

Program ini dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, tunjuk betapa jijik memihaknya sikap politik negara kita...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Astaghfirullah.*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *Astaghfirullah.* Benar-benar kalau kita faham *astaghfirullah* itu, tiga kali kena ulang Yang Berhormat Sri Gading kalau dengar penjelasan saya. Apa dia, mengapa yang saya bangkitkan hal ini hari ini? Apa yang disebut hala tuju jawatankuasa ini? Ini jawatankuasa JPM, ICU yang dilaksanakan di peringkat Negeri Selangor. Pengenal Program *People Centric*. Arahan dan keputusan Jemaah Menteri supaya program projek yang dijalankan lebih menurus kepada *people centric* atau mesra rakyat. Mafhum memang baik. Kedua, menetapkan matlamat keseluruhan, mengukuhkan persepsi tanggapan positif rakyat terhadap Kerajaan Persekutuan. Agak lemah tetapi boleh dipertahankan kerana jangan persepsi positif terhadap kerajaan, hanya Kerajaan Persekutuan

■1440

Ketiga, ini kenyataan biadab, tidak bertanggungjawab yang lari dari etika perkhidmatan awam. Apa dia? Meningkatkan sokongan rakyat pada Kerajaan Persekutuan dengan meningkatkan imej dan kredibiliti pemimpin dan sekali gus menjatuhkan imej dan kredibiliti pembangkang di negeri Selangor. Ini ICU JPM, kerja apa kalau macam ini, kalau dibuat dalam kerajaan macam ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sabar!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sabar, kalau tidak saya dah lempar kertas ini ke sebelah sana tetapi oleh sebab Tuan Pengerusi melihat, saya sabar. Okey, apa tujuan dia, matlamat ICU Jabatan Perdana Menteri, menteri dia ada, senator dengar betul-betul. Bukan menteri satu lagi, menteri senator, ini bawah dia. Apa matlamat dia? Memenangi pilihan raya umum ketiga belas dengan majoriti 2/3 di Parlimen, Barisan Nasional menawan kembali negeri Selangor daripada pembangkang. Ini kerja Jabatan Perkhidmatan Awam?

Saya nak pertahankan pegawai-pegawai kerajaan pada hari ini kerana saya tidak fikir pegawai-pegawai kerajaan umumnya akan diheret ke sini kalau tidak dengan arahan politik dan kerana sikap lembik, lemah pegawai tertinggi kerajaan termasuk apa yang saya sebut Ketua Pengarah ICU. Pernah jadi sahabat rapat saya, Tan Sri Khalid, saya nak penjelasan daripada beliau kenapa hal ini dibolehkan dalam kerajaan. Akhirnya untuk mengekalkan terus kesinambungan pemerintahan Kerajaan Persekutuan di bawah Barisan Nasional...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh, dia seorang yang berpengalaman. Soalan saya ringkas sahaja, salahkah kakitangan kerajaan melahirkan ketaatan, kesetiaan kepada kerajaan semasa? Sabarlah, saya rasa Yang Berhormat Permatang Pauh penuh dengan pengalaman, soalan saya salahkah? Itu sahaja, terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Saya jawab, tak salah. Tak salah pegawai Kerajaan Persekutuan memberi sokongan kepada Kerajaan Persekutuan, tak salah pegawai kerajaan negeri memberi sokongan kepada kerajaan negeri. Soalnya sekarang di sini menyokong Kerajaan Persekutuan menjatuhkan kerajaan negeri. Ini yang saya pertikaikan Yang Berhormat Sri Gading, bukan saya pertikai dia sokong Kerajaan Persekutuan... *[Disampuk]* Betul Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya baca ini berdasarkan kertas yang diedarkan.

Saya ulang yang dipertikaikan oleh Yang Berhormat Sri Gading Tuan Pengerusi iaitu apa dia tujuannya. Meningkatkan persepsi positif rakyat kepada Kerajaan Persekutuan, saya terima. Menjatuhkan imej dan kredibiliti Kerajaan Negeri Selangor, boleh? Pegawai kerajaan, saya tidak katakan Ketua UMNO Bahagian.

Baik satu lagi, memenangi pilihan raya umum ketiga belas dengan majoriti 2/3 di Parlimen, Barisan Nasional menawan kembali negeri Selangor daripada pembangkang. Ini dokumen ICU di Selangor. Yang Berhormat Sri Gading, terima kasih memberi ruang penjelasan saya.

Baik, kemudian program-program yang dilaksanakan. Saya tidak mahu pertikaikan kerana program ini hanya membantu wakil rakyat UMNO atau Barisan Nasional. Saya tidak bermasalah sangat, yang saya timbulkan ini nak jahanamkan orang lain yang sah dipilih, itu saya tidak setuju. Nak sokong wakil rakyat UMNO Barisan Nasional, sokonglah, lagilah sokong. Menyampaikan rasa simpati, prihatin kepada Kerajaan Persekutuan, menjatuhkan imej kerajaan negeri, itu dalam program.

Kemudian, dia tunjukkan contoh-contoh program dilaksanakan, saya tidak pertikai, buatlah. Nak bantu orang banjir dengan bawa menteri-menteri, tidak ada masalah, lawatan mesra rumah ke rumah, ini cara mereka. Okey, tetapi satu lagi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Belum habis Yang Berhormat Sri Gading, yang lebih menggemparkan, apa dia? Macam ini nak tengok perubahan dalam kerajaan, nak suruh kita debat apa Tuan Pengerusi? Tuan Pengerusi jangan senyum kerana ini bawa derita kepada rakyat...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya melihat jam Yang Berhormat, Jawatankuasa tidak boleh lama sangat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Ketawa]* Okey, okey, baik tetapi ini bahan baru yang menggemparkan negara. Okey, saya nak rumus. Baik, siapa dia *task force*?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gombak bangun, nak bagi jalan?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Gombak lambung, Yang Berhormat Permatang Pauh *smash*.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Sementara Yang Berhormat Permatang Pauh mencari satu lagi *point* yang akan menggemparkan Dewan pada petang ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Salah satu matlamat yang digariskan dalam program ini ialah meningkatkan imej dan kredibiliti pemimpin-pemimpin Kerajaan Persekutuan. Mengapa matlamat ini dimasukkan, apakah kerana imej dan kredibiliti pemimpin Persekutuan ini amat rosak?...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Astaghfirullah!*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Ketawa]* Sehingga terpaksa menggunakan ICU untuk menyelamatkan pemimpin UMNO yang berada di dalam ICU... *[Ketawa]* Imej dan kredibiliti yang sudah rosak yang bergelumang dengan rasuah, pembunuhan, *commission*, kapal selam, kapal terbang, maka ICU digunakan untuk menyelamatkan imej dan kredibiliti pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Boleh Yang Berhormat Permatang Pauh perelaskan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ringkas, memang keadaan pimpinan UMNO tenat dalam ICU. Sebab itulah mereka tidak boleh bergantung semata-mata kepada jentera politik UMNO, terpaksa mengarahkan pegawai-pegawai yang mempunyai imej yang baik dan profesional kerana di kalangan rakyat, pegawai kerajaan itu mendapat tempat dan penghormatan yang lebih dari pemimpin-pemimpin UMNO... *[Tepuk]* Sebab itu saya ingin mencelah di sini merayu kepada Tuan Pengerusi dan juga kepada pegawai-pegawai supaya faham semula tanggungjawab mereka kepada profesion mereka dan kepada negara kita. Satu hal yang saya nak tambah di sini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Permatang Pauh, apakah kenyataan itu cuba melaga-lagakan antara pegawai-pegawai kerajaan yang baik, yang memang taat, memang patuh dengan pemimpin-pemimpin kerajaan yang ada pada hari ini. Jadi seolah-olah macam suruh bergaduh antara kepimpinan yang ada ini dengan kakitangan kerajaan yang memang dia setia, taat dan memang baik. Jadi saya rasa, tak apalah Yang Berhormat Permatang Pauh, alihkan kepada yang lain pula.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih, betul saya akan alih. Cuma yang ajak pegawai bergaduh dengan kerajaan negeri ini ialah UMNO seperti mana berlaku di Perak.

Saya tidak ajak bahkan saya nak ulang apa yang saya sebut, pegawai kerajaan jalankan tanggungjawab ikut peraturan secara profesional. Sebagai pegawai Kerajaan Persekutuan, patuh arahan Kerajaan Persekutuan, saya tidak berbeza pendapat. Pegawai kerajaan negeri, patuh kepada arahan kerajaan negeri. Yang saya bangkitkan di sini ialah bila hal ini bercanggah dengan ketetapan yang telah diputuskan. Saya tidak mahu pegawai-pegawai yang tahap penghormatan di kalangan rakyat itu lebih baik diperalatkan oleh cara politik yang rakus dan rasuah.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang lebih menggemparkan, apa dia? Dalam jawatankuasa ini, pengerusi dari ICU, Pejabat Pembangunan Negeri, keahlian, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Penerangan Malaysia dan Jabatan Hal Ehwal Khas, okey, Jabatan Kemajuan Masyarakat, okey, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, ya lah, Suruhanjaya Pilihan Raya... *[Ketawa]* Apa kerja Suruhanjaya Pilihan Raya di sini? Untuk memperkuatkan Barisan Nasional, menjatuhkan Kerajaan Pakatan Rakyat, pembangkang...

Seorang Ahli: Jawab Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Kalau ini cara dan corak UMNO hendak teruskan di bawah Timbalan Perdana Menteri yang disebut sekarang ini saya rasa keadaannya parah. Saya hendak sambung tentang keselamatan Perdana Menteri di bawah B.6 ini...

■1450

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Permatang Pauh, salahkah jabatan-jabatan yang berkenaan menjadi anggota dalam jawatankuasa ini? Mungkin mereka ada fungsi mereka, peranan mereka sebagai kakitangan kerajaan ada perkara-perkara yang penting, yang patut dimainkan oleh jabatan-jabatan ini. Jadi apakah salah?

Macam SPR mungkin ada peranan-peranan tertentu yang boleh dimainkan oleh jabatan ini. Bukan maknanya dia mesti memihak kepada kerajaan dalam pilihan raya kalau tidak, tak akan lima negeri jatuh ke parti pembangkang. Yang Berhormat Permatang Pauh pun hebat, pilihan raya sekali cuba sahaja menang. Itu menunjukkan SPR bersih. Tidak tertakluk kepada arahan-arahan. Dia ialah tertakluk kepada apa yang telah digariskan untuk tindakannya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Soalan pertama awal tadi memang saya kata tidak salah. Soalan kedua yang terbaru ini, jawapannya memang salah. Suruhanjaya Pilihan Raya itu badan bebas. Termaktub Perlembagaan. Orang datang kena angkat sumpah untuk pertahankan kebebasan dan Perlembagaan. Dilantik dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong. Tujuannya jaga, jalin peraturan pilihan raya yang bebas tapi jawatankuasa ini ditubuhkan untuk memenangkan Barisan Nasional, mengalahkan Pakatan Rakyat. Apa hal Suruhanjaya Pilihan Raya di situ, sebab apa?... *[Ketawa]* Yang Berhormat Sri Gading sahabat saya, jangan ganggu dia lagi, okey.

Keduanya soal oleh kerana saya menang di Permatang Pauh dengan majoriti yang baik dan Pakatan Rakyat menang di lima negeri kemudian dirampas secara haram oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini menyebabkan Suruhanjaya Pilihan Raya dianggap bebas. Yang Berhormat Sri Gading percayalah kalau benar Suruhanjaya Pilihan Raya bebas, 8 Mac kita sudah duduk belah sana sekarang ini... *[Tepuk]*

Baik. Saya hendak sambung pada isu yang lain. *Sin Chew Jit Poh* hari ini dia cerita pasal...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baca juga surat khabar Cina ya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya baca, saya baca... "*Fu coh...*", dengan izin... *[Ketawa]* Maknanya bomoh di pejabat UMNO Malaysia. Saya terjemah. Saya tidak baca. Baca bahasa Cina boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya terjemah ya. Tuan Yang di-Pertua minta saya terjemah. Kalau tidak saya hendak baca Cina.

Dalam surat khabar hari ini dia sebut polis Dang Wangi mendapati 'fu coh', kerja bomoh di bawah meja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tingkat 39 Pejabat UMNO. Jadi saya bimbang dengan keselamatan Perdana Menteri hari ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, butiran mana Yang Berhormat?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Butirannya ialah saya ada baca tadi. Tuan Pengerusi pun ganggu saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak berkaitan Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya B.6, Jabatan Perdana Menteri Butiran 01000 - Pentadbiran.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat cakap itu Pejabat UMNO.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, ya pentadbiran kerana ini keselamatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan lari jauh sangat Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tak, tak jauh, tak jauh. Ini keselamatan Perdana Menteri. Baik, Tuan Yang di-Pertua, jangan bimbang. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak bersara keselamatan dia kita kena jaga.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tak hendak ikut peraturan butiran-butiran.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, terima kasih. Itu saya sudah baca butirannya tadi. Baik. Apa dia yang diperoleh? Polis kata di bawah meja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai selaku Presiden UMNO terdapat kerja bomoh dua keping kertas tulisan jawi yang polis tak faham apa maksudnya dan polis pun punya cerdik, dia hendak hantar ke makmal... [Ketawa] Tulisan jawi bomoh mana boleh hantar ke makmal. Hantarlah ke JAWI kah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Permatang Pauh, bukan hendak mengganggu. Bolehkah Yang Berhormat Permatang Pauh yang bijaksana mempercayai apa yang dilaporkan oleh akhbar? Lepas itu akhbar itu akhbar Cina. Cuba ulang apa perkataan bomoh dalam Cina tadi itu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: "Fu coh", bukan Puchong. Baik. Yang saya laporkan ini kenyataan polis Dang Wangi. Kebetulan surat khabar Cina berani lapor. *Utusan Malaysia* tak berani lapor. Itu bezanya. Apa dia kata, "Dua keping kertas dalam tulisan jawi yang dihantar ke makmal, kemudian kayu disalut dengan kain putih diletak di bawah meja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selaku Presiden UMNO." Saya cuma bimbang sahaja. Yang saya hairan ialah kertas ini hanya diletak di bawah meja Presiden, tidak di bawah meja Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan tidak juga di bawah meja Setiausaha Agung dan lain-lain.

Jadi saya harap perkara ini dapat penjelasan kerana ini melibatkan keselamatan dan cara yang memalukan kerana ia melibatkan kaedah politik yang begitu jelik iaitu bomoh meresap masuk ke Pejabat UMNO dan di bawah meja Presiden selaku Perdana Menteri...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Permatang Pauh, perkara-perkara tahyul, khurafat, adakah Yang Berhormat Permatang Pauh percaya? Kalau benarlah. Kalau benar pula, kalau itu hanya andaian, saya tidak pasti.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Memang tepat sebab saya tidak percaya. Sebab tahyullah maka ia membimbangkan kerana pimpinan UMNO terlibat dan tersangkut dengan cerita tahyul ini... [Tepuk]

Bagaimana mungkin Tuan Pengerusi, kerja tahyul ini boleh masuk menembusi semua sekuriti di Pejabat UMNO sampai ke bawah meja Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO. Selamatkanlah tahyul. Sekarang saya minta kawan-kawan *check* meja saya untuk menolak ketahayulan kalau ada. Jadi Yang Berhormat Sri Gading sebelum balik, *check* bawah meja...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Pengerusi, saya kira apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading itu adalah benar. Maksudnya tak akanlah kita hendak ambil kira kes-kes tahyul ini hendak bincang tentang bajet tetapi saya bimbang juga Yang Berhormat Sri Gading dan juga Yang Berhormat Permatang Pauh...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: ...Sebab kita ingat yang dahulu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: ...Panjangkah tahyul Yang Berhormat. Ia terkeluar daripada butiran.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit, sedikit sahaja. Baik, baik. Saya ingat arwah Dato' Mazlan dikerat 18, sebab itu saya bimbang, takut ia melarat sampai ke situ. Macam mana agaknya itu Yang Berhormat Permatang Pauh?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi, saya bangkitkan ini untuk mendedahkan kepada rakyat dalam butiran bawah JPM 01000 ini iaitu kalau faktor ini faktor keselamatan. Walaupun kita tolak ketahayulan tapi ini ialah faktor sekuriti. Maknanya boleh menembusi. Siapa yang mungkin menembusi sekuriti PWTC sampai ke bilik mesyuarat yang ketat pengawalannya itu dan hanya bawah meja Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO. Setakat itu sahaja tentang tajuk itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyebut di sini dalam Butiran B.6 bawah Pengurusan Perkhidmatan Sumber Manusia dan Pentadbiran tentang keperluan kita tingkatkan tahap kecekapan pegawai dan memastikan hal yang saya sebut dalam soal ICU ini tidak berulang.

Oleh kerana masalah ini saya ingat akan berpanjangan, saya tidak fikir ia boleh diselesaikan dengan satu jaminan biasa Menteri sehingga mereka mengambil keputusan membubarkan jawatankuasa yang nyata bercanggah dengan semangat Perlembagaan dan peraturan dan etika perkhidmatan awam negara kita. Ini hanya satu contoh kecil bagaimana pembaziran dan ketirisan kerajaan berlaku. Sepatutnya pegawai patut menjalankan tanggungjawab mereka menyiasat apa yang berlaku.

Negeri Selangor adalah negeri yang pertama yang berani berdepan yang mewajibkan Menteri Besar dan Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri mengisytiharkan pendapatan dan harta mereka kepada kerajaan. Saya belum tengok ada kesanggupan atau keberanian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri untuk melakukan hal yang sedemikian kerana ini satu cara kita memulihkan keyakinan. Kalau seorang Menteri dapat menjelaskan bahawa dia dapat kumpul ratus juta ringgit dalam akaun dalam negara dan luar negara maka rakyat akan mengetahui keadaan yang sebenarnya.

■1500

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Permatang Pauh bersetuju di mana ICU disalahgunakan, diberi tugas untuk jatuhkan kerajaan Pakatan Rakyat dan supaya pilihan besar ke-13 Barisan Nasional boleh menang dengan majoriti 2/3. Adakah bersetuju kita mahu tahu sama ada keputusan penglibatan penyalahgunaan kuasa ICU dibuat atas arahan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi, setakat maklumat yang saya peroleh daripada dokumen ini ia di bawah Unit Penyelarasan ICU Jabatan Perdana Menteri dan ada beberapa perjumpaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang membuat keputusan yang merujuk dengan cara bertindak terhadap kerajaan-kerajaan negeri Pakatan Rakyat. Setakat itu sahaja maklumat yang saya peroleh iaitu arahan yang datang dari mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Akan tetapi kalau kita tanya sebab mengapa mereka begitu keras untuk bertindak kepada kerajaan negeri ini seperti mana yang berlaku di Pulau Pinang, Perak sebelum ini dan di sini Selangor ialah kerana langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri yang belum bersedia diambil tindakan secara berkesan oleh Jabatan Perdana Menteri...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan....

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Umpamanya apa yang dilakukan sangat penting yang patut difahami oleh pegawai negeri dan Pegawai Kerajaan Persekutuan di bawah Butiran ini. Bagi pegawai apa yang patut mereka lakukan. Mereka harus faham, umpamanya kecurian pasir yang menyebabkan pendapatan negeri sekitar RM17 juta kini meningkat RM150 juta. Mengapa perkara ini boleh lonjakan pendapatan begini boleh berlaku di bawah pentadbiran kerajaan negeri yang ada berbeza dengan kerajaan negeri sebelumnya. Ini harus didedahkan, bukan untuk dengan maksud politik jahat untuk menjatuhkan orang. Bagaimana tentang isu tanah dan kecurian balak. Hal-hal ini yang menyebabkan kerugian berbilion ringgit dan sebab itu pada khidmat saya sikap beberapa tokoh Barisan Nasional yang begitu keras dan menggunakan pegawai kerajaan ialah justeru kerana tindakan kerajaan negeri membersihkan pentadbiran daripada penyalahgunaan kuasa.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya cuma hendak bertanya perkara yang ringkas, berkenaan dengan pegawai-pegawai kerajaan di ICU yang terlibat seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi. Semua pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik mesti mengangkat sumpah untuk menjalankan kerja tanpa berpihak ataupun *take side* dalam politik. Dalam kes ini tertakluk kepada *general order* ataupun perintah am, seorang pegawai kerajaan boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Disiplin diambil tindakan termasuk dikenakan beberapa tindakan keras termasuk dibuang atau digantung daripada tugas. Adakah perkara ini perlu disiasat dan perkara ini benar maka adakah perkara ini dicadangkan kepada suruhanjaya supaya diambil tindakan sekeras itu. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang ataupun mengusulkan tindakan diambil terhadap pegawai-pegawai. Akan tetapi saya ingin menyarankan supaya tindakan diambil supaya tokoh politik atau Menteri yang terlibat kerana pertamanya arahan itu mungkin muncul dari Kerajaan Persekutuan kemudian Jawatankuasa Kerajaan Kerja Tindakan Persekutuan Negeri Selangor yang bermesyuarat pada 26 Februari yang telah memutuskan jawatankuasa yang berkenaan ditubuhkan dan pelaksanaan sedemikian seperti mana yang saya sebut termasuklah tentang memenangkan Barisan Nasional dan menawan kembali Negeri Selangor daripada pembangkang. Ini dokumen yang sah diperakui dan minit ini tidak dipertikai...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak ada masa Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya mahu perkara ini diperbetulkan....

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta supaya Yang Berhormat gulunglah.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: ...Supaya tindakan segera diambil untuk menghalang kerana saya percaya kalau minit ini berlaku, saya percaya ini juga paten yang sama, jawatankuasa yang sama iaitu dipanggil Jawatankuasa Kerja Tindakan Persekutuan Negeri di Pulau Pinang di Kedah, di Kelantan di Perak.

la sementara ini digantung, tetapi ia juga di Selangor, dan dokumen ini membuktikan bahawa salah laku besar yang dilakukan oleh pegawai tinggi kerajaan atas arahan Menteri berkenaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habis Yang Berhormat?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak berucap?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bukan berucap, hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia sudah habis Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak berani pula?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau Yang Berhormat hendak berucap saya panggil Yang Berhormat untuk berucap.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bukan hendak berucap saya hendak minta penjelasan. Akan tetapi Yang Berhormat Permatang Pauh sudah tidak berani, tidak apalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat. Ada lagi yang hendak berucap? Saya jemput Yang Berhormat Kubang Kerian.

3.06 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya....

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian, saya ingin mengehendkan masa perbahasan Jawatankuasa bagi setiap Ahli Parlimen tidak melebihi 10 minit Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk bersama-sama membahaskan bajet tambahan ini bagi peringkat Jawatankuasa dan bermula dengan Butiran 050000 - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di mana ingin saya mendapat beberapa penjelasan tentang apa yang pernah saya bangkitkan dalam perbahasan yang terdahulu dan saya membuat penelitian yang mendalam bahawa ada jawapan-jawapan yang masih lagi tidak dapat memuaskan hasrat yang telah saya sebut. Dalam sesi yang lepas iaitu tentang bagaimana Jabatan Kemajuan Islam ataupun JAKIM ini berperanan dalam memperkayakan atau memperkasa peranan pegawai-pegawainya bagi menghadapi cabaran-cabaran terbaru.

Saya ingin menyebut di sini bahawa perkembangan terkini mengenai kes yang berlaku di Pulau Pinang minggu lepas, mengenai kes seorang yang telah berkahwin kemudian bercerai dan kembali kepada agama asalnya yang mana kita melihat Mahkamah Syariah Pulau Pinang telah membuat satu keputusan dan saya juga merujuk kes ini tentang apa yang berlaku kepada Nyonya Tahir dalam kes yang pernah berlaku dua tahun yang lalu di Negeri Sembilan dan keputusannya hampir sama.

Di sinilah saya melihat bagaimana kaedah-kaedah ataupun pendekatan-pendekatan yang lebih bersifat dengan izin, pendekatan sahsiah syariah perlu untuk diperjelaskan kepada masyarakat dalam isu-isu yang berkaitan dengan murtad. Saya ingin menyatakan dalam sekian kalinya dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya tidak mahu isu murtad ini dijadikan satu agenda untuk menempelak Islam. Jangan sesekali isu murtad ini dijadikan satu senjata di mana kita melihat orang-orang bukan Islam akan membuat satu *judgment*, dengan izin, satu penghakiman bahawa Islam agama yang ada toleransi, yang tidak memberikan hak dan kebebasan, memberikan remedi terhadap saksi-saksi dan pembuktian di mahkamah.

Oleh itu kita harus membezakan di sini tentang isu murtad. Pada zaman Natrah dahulu, pada zaman awal 50an dahulu iaitu isu Natrah ini adalah suatu kes ini mana seorang anak kecil yang dibela dan dipelihara oleh keluarga Islam telah menganut Islam komited dengan ajaran Islam, berkahwin dengan Mansor Adabi dan kemudiannya melalui sistem yang ada pada waktu itu satu perbicaraan yang diadakan di Singapura dengan undang-undang yang ada pada waktu itu, maka dia telah diambil secara paksa dan dimurtadkan dengan cara yang sedemikian.

Zaman telah berkembang dan kita perlu faham bahawa sebagaimana agama, sebagaimana masyarakat, sebagaimana undang-undang dan sebagaimana Perlembagaan itu adalah satu perkara yang dinamik. Ia tidak membeku, ia tidak duduk pada *status quo* sahaja. Maka kita melihat perkembangan mutakhir ini menyaksikan bagaimana berlakunya perkahwinan jalinan antara manusia khususnya yang melibatkan isu-isu percintaan remaja yang akhirnya membawa kepada perkahwinan.

Maka di sinilah saya melihat bahawa perlunya JAKIM untuk melihat isu ini daripada aspek bagaimana kita memberikan penjelasan supaya bakal-bakal..., mereka yang ingin memeluk agama Islam ini diberikan suatu kefahaman yang sebenarnya tentang Islam dan apabila mereka ini berkahwin yang semata-mata mungkin di atas dasar percintaan dan kemudian duduk dalam sebuah rumah tangga yang selepas itu berlakunya perceraian, ini akan mengakibatkan tentang harta sepencarian, nafkah, mengakibatkan anak-anak kecil yang ditinggalkan ataupun perkara-perkara lain yang timbul daripada suasana seperti ini.

■ 1510

Maka di sinilah saya ingin melihat dan menyaksikan, bahawa Jabatan Kemajuan Islam tidak hanya melihat tentang isu murtad ini dan bagaimana cara ingin memperjelaskan isu ini kepada masyarakat dan khususnya kepada orang-orang yang bukan Islam. Bagi saya sebahagian hukum fikah itu sendiri ianya adalah sesuatu yang boleh berubah dari segi pendekatannya.

Adakah bila bercerai sahaja kita mengambil suatu pendekatan bahawa, "Oh, dia tidak lagi Islam" dan kemudian kita memutuskan mereka tidak berhak untuk mendapat walau satu sen pun. Walhal anak-anak yang masih kecil, hutang piutang yang masih ditanggung oleh pasangan-pasangan yang seperti ini. Dalam isu yang melibatkan murtad pada hari ini, ia tidak sama lagi dengan isu Natrah. Sebagaimana yang menjadi cukup kontroversi pada suatu waktu dahulu. Maka isu yang mereka ingin kembali kepada agama asal ini telah datang, saya rasa ada ribuan kes dalam mahkamah khususnya Mahkamah Syariah dan juga Peguam-peguam Syarie yang kita lihat berlaku pada hari ini.

Jadi oleh itu saya ingin mendapat penjelasan bahawa perlu lebih banyak lagi diskusi, perlu lebih banyak lagi dikatakan forum-forum ataupun seminar-seminar untuk kita memperincikan tentang isu ini supaya kita melihat bahawa apa yang berlaku pada masa yang akan datang, Islam itu tidak dilihat sebagai agama yang sempit dan tidak memberikan hak kepada orang lain. Namun begitu saya mengucapkan syabas dan tahniah khususnya kepada para-para hakim yang ada di Mahkamah Syariah pada hari ini yang telah saya lihat membuat suatu pendekatan, memanggil ataupun yang saya rasa memberikan satu nafas baru terhadap perkembangan isu ini.

Ini kerana kalau dahulu dalam isu Moorty sebagai contoh, bila kes ini dibicarakan di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur, di mana semasa kes itu berlaku saksi-saksi, mereka yang ingin memberikan keterangan tidak diizinkan untuk hadir ke Mahkamah Syariah. Ini telah menimbulkan suatu *public outcry* di kalangan orang bukan Islam. Kenapa mereka tidak ada hak? Kenapa mereka tidak boleh berkata ataupun berhujah dalam Mahkamah Syariah.

Akan tetapi alhamdulillah dalam isu Nyonya Tahir dan isu yang berlaku di Pulau Pinang minggu lepas kita melihat orang bukan Islam diberikan hak mereka, diberikan ruang untuk mereka membuat pernyataan, hujah-hujah mereka supaya kita memperlihatkan suatu keadilan supaya perkara-perkara yang seperti ini tidak berlaku pada masa yang akan datang. Saya rasa Tuan Pengerusi, itu yang saya hendak sampaikan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

3.14 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dengan ringkasnya saya ingin merujuk kepada B.6. Sebanyak RM52 juta untuk membiayai projek-projek khas di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin tahu apakah yang dimaksudkan dengan RM52 juta untuk projek-projek khas di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan ini?

Apakah peruntukan untuk ahli-ahli Barisan Nasional setiap tahun? Setahu saya ia dilabelkan dengan peruntukan khas Ahli Parlimen Barisan Nasional. Apakah ia merangkumi di bawah RM52 juta ini? Selain itu Unit Penyelarasan Pelaksanaan juga di beri RM9.1 juta bagi membiayai penyusunan semula Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Setahu saya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan pada bulan Mac 2006, beliau ada membangkitkan bahawa beliau akan menggunakan Unit Penyelarasan Pelaksanaan untuk memantau projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan memastikan ia lancar dan licin.

Saya hendak tahu apakah hasilnya? Apakah kedudukan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini? Berapakah yang telah berjaya dilaksanakan? Kita tinggal setahun lagi 2010. Berapakah tertanggungnya, berapakah kes penyelewengannya? Itu tanggungjawab di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Saya pohon sebelum peruntukan ini diluluskan biar ahli-ahli dalam Dewan ini tahu sejauh mana impian atau objektif Yang Amat Berhormat untuk memastikan projek-projek RMK-9 ini berjaya. Saya rasa adalah wajar kami tahu kedudukan projek-projek tersebut. Di mana hari ini kita ada peluang untuk bertanya kerana Unit Penyelarasan Pelaksanaan yang diberi tanggungjawab itu.

Saya ingin rujuk kepada B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam ada kenaikan kadar biasiswa dalam dan luar negara, biasiswa JPA saya percaya. Saya hendak tahu apakah dasar, apakah ada perubahan berkenaan dasar di dalam pemberian biasiswa JPA ini. Sebelum ini hangat diperbahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Ada ahli yang membangkitkan bahawa tidak boleh mempersoalkan pemberian biasiswa, kerana ia di bawah Perkara 153. Ada yang berkata bahawa tidak boleh diteruskan kuota 55:45. Ada yang membangkitkan tidak puas hati 80-20. Ada yang mencadangkan mengikut populasi.

Memandangkan masalah kemelesetan ekonomi, saya hendak tahu sama ada JPA ada sebarang perubahan dasar atau akan mengekalkan dasar yang sedia ada 55-45. Setahu saya, saya pernah bertanya dalam Dewan ini lebih kurang 70-75 bumiputera dan 25 untuk bukan bumiputera setahu saya. Biasiswa oleh Petronas kebiasaannya ialah 80 peratus untuk bumiputera dan 20 peratus untuk bukan bumiputera. Saya ingin mohon penjelasan berkenaan perkara ini memandangkan kemelesetan ekonomi, apakah pihak kerajaan akan meningkatkan lagi pemberian, menambahkan lagi tempat pemberian JPA kepada pelajar-pelajar. Sebab kita dapat tahu keputusan SPM dan STPM pelajar cemerlang telah meningkat. Saya pohon penjelasan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

3.18 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa. Saya tidak akan bercakap panjang hanya merujuk kepada Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri, Butiran 01000 di bawah pentadbiran. Saya pergi kepada Tabung Haji, salah satu institusi di bawah kerajaan yang diamanahkan untuk menjaga kepentingan mereka yang hendak menunaikan Rukun Islam. Saya ingin bertanya kerana saya mendapat tahu bahawa Tabung Haji telah melibatkan diri dalam isu pembelian saham Ramunia Berhad pada pertengahan tahun 2008.

Saya difahamkan bahawa Tabung Haji telah membeli lebih daripada 167 juta saham atau 29 peratus kepentingan dalam Ramunia Berhad pada harga purata RM1.44 sesaham berjumlah lebih daripada RM240 juta.

Yang penting di sini harga saham Ramunia Berhad telah jatuh merudum sehingga RM0.25 sen apabila MISC Berhad iaitu Malaysia International Shipping Cooperation, anak syarikat Petronas Carigali Malaysia telah membatalkan pengambilan alih syarikat Ramunia dan akibatnya Tabung Haji mengalami kerugian lebih daripada RM198 juta.

■1520

Saya mempersoalkan kenapa Tabung Haji dibiarkan membeli sehingga 29 peratus daripada saham Ramunia Berhad. Bagaimanakah pengawalan pelaburan yang begitu longgar dibuat dalam pembelian saham ini dan bagaimanakah Lembaga Tabung Haji bersama dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri dapat menyelamatkan tabungan ahli Tabung Haji daripada kerugian yang besar ini?

Saya sedar bahawa Lembaga Tabung Haji melakukan segala usaha yang terdaya dari kenyataan CEOnya menyatakan mereka mahu menjaga kepentingan pemilik saham. Tambahan lagi dana yang dijana oleh lembaga tersebut digunakan untuk menghantar jemaah haji ke Tanah Suci sebanyak 26 ribu orang pada tahun lepas sahaja kerana kos untuk seorang jemaah itu adalah sebanyak RM11,500 seorang.

Lembaga Tabung Haji membantu untuk mengurangkannya kepada RM8973. Justeru mengapa dibiarkan pembeli saham Ramunia ini yang akhirnya melibatkan kerugian yang begitu besar. Saya harap dapat dijelaskan, kerana ini melibatkan kepentingan ramai umat Islam, jemaah haji yang ada hubungan kait dengan Tabung Haji. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

3.22 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada maksud B.6, Jabatan Perdana Menteri - 050000 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pengurusan Am dan Keurusetiaan, di mana saya merasakan bahawa dalam persoalan peranan Jabatan Kemajuan Islam ini.

Kita ingin melihat satu peranan yang lebih bermakna memandangkan banyak perkara yang berlaku, yang bercanggah dengan prinsip-prinsip keadilan, dan seperti mana yang kita tahu bahawa mengikut Al-Quran, tujuan di sebalik mana Islam itu diturunkan ataupun untuk diutus ialah untuk menentukan keadilan itu tertegak.

Kita juga mahu melihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ini, bersuara dalam kes-kes seperti penderaan dan penyeksaan orang dalam tahanan, seperti kes Kugan yang menyebabkan tahanan itu terbunuh di dalam tahanan. Kita mahu satu teguran dan satu pendirian yang jelas, yang boleh menyelamatkan umat Islam daripada menerima dan reda dengan keadaan seperti ini, memandangkan ia nya merupakan satu perkara yang berlaku, yang melibatkan kemungkinan orang Islam sendiri daripada 11 pegawai polis. Begitu juga dengan soal campur tangan pihak eksekutif di dalam *judiciary* dan sebagainya di mana kita inginkan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bersuara untuk melarang dan mengeluarkan satu sikap dan pendirian yang jelas berhubung dengan prinsip-prinsip keadilan yang semestinya dibela. Tidak boleh setelah mendapat bajet yang begitu besar mereka hanya mendiamkan diri dan tidak bersuara.

Kedua berhubung dengan B.11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan, di mana...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, B.11 belum masuk lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Oh! Belum masuk lagi, okey B.6 dulu ya?

3.24 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009 di peringkat jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Butiran 03000 - Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan UPP di bawah maksud B.6, Jabatan Perdana Menteri jumlah peruntukan RM154, 137, 650 ini terdapat RM30 juta adalah untuk menaik taraf pusat-pusat pemindahan banjir.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh masalah banjir kilat yang kerap berulang setahun di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tiada tahun yang di dalamnya tiada banjir kilat melanda Kuala Lumpur. Ini sudah menjadi satu fenomena Kuala Lumpur. Kejadian terakhir telah pada 4 Mac 2009, di mana sebahagian kawasan mudah dilanda banjir seperti Jalan Ipoh, Jalan Tiong Nam menyebabkan banyak harta benda seperti kenderaan dan barang-barang perniagaan rosak dan musnah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat termasuklah Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ada? Ada dalam ini peruntukan RM30 juta untuk pusat-pusat pemindahan banjir? Buka Buku 2, Kertas Perintah 1a(2009). Saya teruskan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Muka 2 mana satu Yang Berhormat?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Muka 2, Perintah 1a Tahun 2009, di dalam Perbelanjaan Perbekalan Jabatan Perdana Menteri B.6, sebanyak RM30 juta adalah untuk menaik taraf, pusat-pusat pemindahan banjir.

Tuan Pengerusi, saban tahun saya sentiasa membangkitkan isu banjir kilat yang melanda kawasan-kawasan rendah, di pusat bandar raya dan sekitarnya untuk meminta kerajaan mengambil langkah mencegah kawalan dan menyediakan pampasan bagi para peniaga dan orang ramai yang terjejas teruk akibat banjir ini. Nampaknya seruan saya itu, tidak mendapat tempat dan tindak balas. Banjir bukan sahaja melanda kawasan-kawasan Pantai Timur dan Barat Semenanjung, tetapi banjir lebih banyak berlaku di kawasan-kawasan bandar.

Saya tidak membantah langkah kerajaan menaik taraf pusat-pusat pemindahan banjir yang kebanyakan di luar bandar, dan menyokong langkah tersebut tetapi dalam masa yang sama, kita jangan lupa masalah yang dihadapi oleh mangsa banjir di kawasan bandar, seperti di Kuala Lumpur. Sebagai wakil rakyat, saya ada menerima aduan dan tuntutan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya rasa pusat banjir ini adalah Perbekalan Tambahan 2009.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Dalam *paper* ini ada, buku kuning ini, muka dua. Ini perbelanjaan Perbekalan maksud B, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tahun 2009, muka depan? Baik Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sering menerima aduan dari mangsa yang membuat tuntutan. Tuan Pengerusi, walaupun pihak DBKL telah menolak tuntutan pencarian mangsa seperti mereka tidak diberi bantuan dan walaupun terowong SMART sudah berfungsi, namun banjir kilat tetap melanda Kuala Lumpur. Kita berikan pelbagai alasan bagi mengelak untuk memikul tanggungjawab di atas kejadian banjir.

Pembangunan oleh tangan-tangan manusia yang tidak mesra alam, adalah punca utama. Kita rakus dengan pembangunan, tetapi kita tidak rakus untuk sama-sama memelihara alam sekitar. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan Tabung Bantuan Mangsa Banjir Kuala Lumpur supaya mangsa-mangsa banjir yang tulen dan terjejas teruk, boleh mendapat sedikit remedi untuk meringankan bebanan dan kerugian mereka.

Selama ini saya mendapati bahawa bantuan untuk mangsa banjir, disediakan secara terpilih. Ada mangsa yang memperoleh dan ada yang tidak. Dalam hal ini perlulah mewujudkan satu mekanisme untuk menilai pemberian bantuan kepada mangsa supaya bantuan itu benar-benar sampai kepada mangsa ini.

■1530

Saya ingin membuat teguran tentang pembiayaan projek-projek khas di bawah UPP, JPM yang mana sebanyak RM50 juta peruntukan diminta untuk disalurkan bagi projek-projek khas. Tuan Pengerusi, apa itu projek khas? Projek khas itu boleh di katakan sebagai projek-projek kilat dan diwujudkan untuk membantu golongan kontraktor yang hampir lemas yang kebanyakan terdiri dalam golongan parti UMNO. Projek yang dibina pula tidak menurut spesifikasi pihak DBKL iaitu tidak mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki ialah CF.

Ini boleh kita saksikan dengan pembinaan dewan-dewan orang ramai yang bertaburan dalam satu-satu kawasan perumahan. Seperti dalam satu kawasan taman perumahan ada enam dewan tetapi dewan-dewan tersebut tidak berfungsi, kosong dan tidak ada aktiviti dijalankan. Ini adalah satu pembaziran. Saya beri contoh di tanah kosong yang boleh dibangunkan dewan pada akhirnya dewan orang ramai ini digunakan oleh orang-orang Barisan Nasional sendiri sahaja. Ini adalah satu pembaziran ke atas rakyat. Saya percaya peruntukan yang sama RM50 juta ini akan digunakan untuk maksud yang sama iaitu dibina tetapi tidak diguna.

Kita akan menyaksikan satu lagi pembaziran ke atas peruntukan RM50 juta yang akan berlaku. Sepatutnya dewan-dewan orang ramai ini bebas digunakan oleh rakyat tanpa ada halangan dan sekatan. Jika tidak percaya apa yang saya kata ini, boleh semak dan siasat sendiri berapa dewan yang digunakan dan berapa yang tidak berfungsi. Pihak DBKL hendaklah membuat pemeriksaan ke atas dewan-dewan ini sama ada CF ada digunakan atau disalahgunakan. Saya minta Yang Berhormat dapat memberi penjelasan. Ada lebih baik kita sebahagian daripada peruntukan RM50 juta ini disalurkan kepada orang-orang miskin khususnya di Bandar Raya Kuala Lumpur. Dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

3.33 ptg.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja saya terus untuk membincangkan tentang perkara Maksud B.6 - Jabatan Perdana Menteri iaitu Perkara 4 di mana peruntukan sebanyak RM23 juta digunakan untuk geran penubuhan dengan izin, *International Multilateral Partnership Against Cyber-Terrorism (IMPACT)*. Sebenarnya penubuhan IMPACT ini cukup bertepatan sekali Tuan Pengerusi bagi kita dapat memastikan supaya kita dapat memantau semua sekali sistem komunikasi. Terutamanya yang ada hubung kait dengan keselamatan negara dan juga untuk kepentingan awam.

Walaupun pada ketika ini kita telah menubuhkan akta kita telah mewujudkan akta iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia, *Cyber Law* tetapi akta ini tidak begitu lengkap. Seharusnya dengan penubuhan IMPACT ini yang telah pun membangunkan sebuah bangunan di Cyberjaya untuk memulakan operasinya dengan masa yang sama. Kalau boleh dapat memantapkan lagi akta yang telah pun kita wujudkan iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia. Keduanya, kita mungkin berhadapan dengan beberapa masalah kerana pada ketika ini yang pertamanya terlalu banyak kementerian dan agensi yang sebenarnya menjalankan fungsi yang hampir-hampir sama.

Misalnya macam kementerian MOSTI, lepas itu keduanya *Cyber Security*, MIMOS, kementerian KTAK. Jadi kementerian-kementerian ini seharusnya dapat bekerjasama bagi memastikan supaya tidak ada pertindihan tentang apa juga penguatkuasaan yang bakal dijalankan. Seterusnya, kita berharap semoga dengan tertubuhnya IMPACT nanti dapat memastikan supaya apa juga usaha-usaha yang telah dibuat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Terutamanya dalam usaha penyebaran fitnah-fitnah yang sangat merugikan kerajaan seolah-olah kerajaan kita ini begitu teruk sekali. Seolah-olah pemimpin-pemimpin kerajaan kita ini begitu *corrupt* sekali.

Sebenarnya apa yang terjadi dalam Pilihan Raya Keduabelas adalah disebabkan oleh fitnah-fitnah yang disebarkan begitu meluas. Ini kerana tanpa dikawal jadi seharusnya dengan penubuhan IMPACT ini dapat kita memastikan semua sistem komunikasi dapat benar-benar dipantau oleh pihak kerajaan. Keduanya Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Jasin kalau benarkan saya buat penjelasan sedikit. Pendek sahaja. Saya mohon penjelasan adakah maksud Yang Berhormat Jasin itu bermaksud bahawa ruang untuk berbeza pendapat itu ialah dikatakan fitnah tadi tetapi saya berpendapat itu berbeza pendapat. Mahu dikawal dan ditutup bagi saya itu demokrasi itu bermaksud *right*, dengan izin, *right on the minority*, hak untuk berbeza pendapat. Mohon penjelasan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat tadi. Sebenarnya dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, demokrasi tidak bererti kita memberikan kebebasan seluas-luasnya. Kepada mereka yang menyebarkan fitnah yang boleh merosakkan bukan sahaja kepercayaan akidah dan kita takut. Kalau boleh terutamanya anak-anak muda kita akan terikut-ikut kerana selain daripada mereka ini kemungkinan menjadi orang yang *anti establishment*. Apabila mereka besar nanti, apabila mereka dewasa nanti kita tidak hendak mereka mendapat satu persepsi yang cukup silap.

Kalaulah benar negara ini betul-betul begitu korup sekali, pemimpin-pemimpin begitu korup sekali tidakkanlah negara kita telah mendapat kejayaan yang cukup cemerlang. Terutamanya dalam kita menghadapi masalah krisis ekonomi pada ketika ini kita dapat menunjukkan bahawa Malaysia pada ketika ini sebuah negara selain daripada ekonominya begitu *resilient* sekali. Ekonominya berada dalam keadaan yang cukup baik saya rasa apa yang telah dilakukan pada setakat ini sebenarnya adalah satu pembohongan yang cukup nyata.

Jadi yang keduanya saya pergi kepada Perkara 6, iaitu sebanyak RM6 juta untuk membiayai penyusunan semula Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, peruntukan RM6 juta ini cukup berpatutan dan kalau mereka memerlukan apa juga pertambahan seharusnya kita berikan pertimbangan. Dalam usaha kita untuk menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi dalam negara kita. Kita mahu menunjukkan supaya apa juga kesalahan-kesalahan yang ada hubung kait dengan keagamaan seharusnya dibuat pemantauan dengan rapi oleh pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat saya berhasrat untuk memanggil dua lagi dua orang Ahli Parlimen sahaja selepas itu saya minta Menteri menjawab. Saya minta jemput Yang Berhormat Machang.

3.38 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi terima kasih. Satu perkara sahaja yang saya hendak bangkitkan di bawah Butiran B.6 - Jabatan Perdana Menteri peruntukan RM6 juta untuk membiayai penyusunan semula Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Tuan Pengerusi, pada 9 Julai 2008 Permatang Pauh telah membuat satu aduan kepada JAWI berkenaan dengan satu fitnah yang dibuat oleh Saiful Bahari ke atasnya. Saya tidak berbicara berkenaan siasatan Mahkamah Sivil sebab kita juga ada Mahkamah Syariah yang kita minta tindakan diambil di bawah Undang-undang Syariah. Tuan Pengerusi, menuduh seseorang yang diketahui secara darurinya kebaikan dengan mengatakan si polan si polan telah melakukan zina dan liwat. Mengikut al-Quran dan juga mengikut Undang-undang Akta Kesalahan Jenayah Syariah yang diamalkan di Wilayah Persekutuan, seksyen 41, Yang tertuduh hendaklah mengemukakan empat orang saksi...

■1540

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya tidak hendak bagi amaran bahawa Yang Berhormat boleh menyentuh perkara yang *sub judice* dalam hal ni...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya ingin bertanya tentang status siasatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya bagi amaran Yang Berhormat, ya teruskan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Kalau *Civil Court* Tuan Pengerusi, dia telah pun tetap tarikh 1 Julai. Itu *Civil Court*, saya tidak hendak campur. Yang ini saya hendak bercakap di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, dan ini JAWI, di bawah JAWI. Seksyen pun jelas, seksyen 41, kuat kuasa oleh JAWI. Oleh kerana ianya akta, Parlimen yang memberi kuasa kepada JAWI untuk menguatkuasakan. Sekarang kita berbahas tentang peruntukan RM6 juta untuk JAWI. Tentulah saya fikir munasabah untuk saya mengambil peluang Parlimen ini supaya Menteri ...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak katakan Yang Berhormat tidak boleh tetapi saya *caution* kan Yang Berhormat agar ia tidak jatuh kepada perkara yang boleh dianggap sebagai *sub judice*.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan kepada butiran yang saya perlukan penerangan tentangnya: pertama, apakah status siasatan telah dibuat oleh Pegawai Penyiasat JAWI tentang kes ini; dan kedua, saya juga mahu melihat supaya Mahkamah Syariah tidak dilihat sebagai *inefficient* kerana lambat, lengah dan lebih teruk jika sekiranya kes itu telah diputuskan Mahkamah Sivil, Mahkamah Syariah masih belum lagi berbuat apa-apa tentang kes ini.

Kelihatannya kehebatan institusi Mahkamah Syariah ini tidak akan mencapai tahap yang kita perlukan. Sebab itu sesuai dengan bidang kuasa JAWI, pihak yang mengambil aduan saya mohon supaya perkara ini dapat diberikan sedikit maklum balas di medan Parlimen ini untuk mengetahui tentang kes itu sebab ini merupakan kes yang sangat mendapat perhatian apa lagi kerana fitnah yang semakin berleluasa kebelakangan ini termasuk sampai menggunakan institusi masjid yang tidak pernah berlaku dalam sejarah.

Fitnah itu disandarkan kepada institusi masjid dan ini berlaku zaman sekarang. Oleh kerana aktanya sudah jelas, sesuaiilah peruntukan RM6 juta bagi membiayai penyusunan semula Jabatan Agama ini. Kalau dia tak cukup pegawai penyiasat kita kena tambah. Kalau pegawai penyiasat tidak cukup kompeten, kita kena hantar *training*. Biar siasatan dibuat secara terbuka oleh kerana pengadu tidak mendapat sebarang maklum balas, biarlah...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Mohon penjelasan. Sedikit sahaja. Dalam sisa-sisa akhir Islam *Hadhari* ini, mungkin kehebatan undang-undang Islam itu mungkin dapat diserlahkan dengan menetapkan tarikh pendakwaan dalam kes itu supaya yang dapat dilihat ialah bagaimana keadilan undang-undang Islam itu dapat ditunjukkan. Mohon penjelasan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Balik Pulau. Itulah yang saya maksudkan, impian masyarakat Islam untuk melihat bagaimana institusi keadilan Islam itu dapat ditegakkan supaya ianya tidak jadi momokan. Kita hanya menurut sahaja sistem Mahkamah Sivil, konvensional dalam perkara yang hukumnya jelas di dalam Al-Quran dan jelas juga di dalam akta ini. Oleh kerana ianya di bawah bidang kuasa JAWI, sudah tentu Menteri di Jabatan Perdana Menteri saya mohon memberikan penjelasan tentang perkara ini. Terima kasih.

3.44 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih. Saya ingin menyentuh dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini iaitu maksud B.6 - Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin yang pertama menyentuh tentang peruntukan RM52 juta yang diperuntukkan untuk membiayai projek-projek khas di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingin penjelasan sebab daripada jawapan soalan Dewan dimaklumkan kepada saya bagaimana setiap kawasan Parlimen mendapat RM1 juta peruntukan. Jadi, saya ingin penjelasan di bawah Parlimen saya, Rantau Panjang, apakah butiran-butiran program untuk projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2008 dan begitu juga Parlimen-Parlimen yang lain. Kami semua Ahli Parlimen dari Pembangkang tidak mendapat sesen pun hak daripada peruntukan ini. Minta penjelasan.

Yang kedua, iaitu tentang kos sebanyak RM30 juta diperuntukkan untuk bantuan banjir. Untuk menaikkan taraf pusat-pusat pemindahan banjir. Kawasan Rantau Panjang adalah kawasan yang memang setiap tahun mengalami banjir. Kebanyakan pusat pemindahan adalah menggunakan madrasah, ada juga sekolah dan sebagainya. Di antara masalah yang paling besar ialah apabila tempat ini adalah tempat yang tidak selamat. Sebagai contohnya ialah madrasah-madrasah. Walaupun dari segi air dia tinggi tetapi dari segi bangunan itu agak uzur, contohnya madrasah yang ada di Kampung Lubok Stor, di kampung kaki bukit yang saya lihat madrasah itu dari segi jangka panjangnya amat tidak selamat sekiranya tidak ada peruntukan khas untuk pembaikan.

Jadi, saya ingin penjelasan sejauh mana prihatin pihak kerajaan untuk menaik taraf pusat-pusat pemindahan ini dan saya ingin tahu berapakah peruntukan untuk menaik taraf pusat-pusat pemindahan banjir ini dalam Parlimen saya dan juga Parlimen lain di seluruh negara yang terlibat dengan banjir.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Rantau Panjang, sikit sahaja, nak minta penjelasan sedikit sebab saya tidak berpeluang selepas ini untuk berhujah, sebab isu ini saya sudah bersedia.

Saya mohon penjelasan kerana saya melihat isu pembahagian dana, pusat dan juga negeri ini melibatkan satu prinsip asas dalam Perlembagaan yang mana negara ini ditubuhkan pada tahun 1957, Tunku Abdul Rahman telah di dalam perbahasannya mengatakan bahawa dia kata dengan izin, *"Sooner or later, the government of a State will be formed by a political party which is in the position to the party empowered in the Federal Parliament"*. Maksud dia adalah *safeguard* ataupun pertahanan rakyat hanyalah Perlembagaan.

Jadi saya melihat apabila dijanjikan kepada rakyat RM500 ribu tetapi tidak sampai ke negeri, bagi saya itu merupakan satu penderhakaan kepada sistem *federalism* yang meletakkan pusat dan negeri sama. Jadi saya rasa dia menafikan hak *the subject of the State* iaitu rakyat yang mana telah dizalimi oleh Kerajaan Pusat. Mohon penjelasan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Balik Pulau. Memang inilah yang sepatutnya kerajaan seharusnya memberi hak keadilan kepada rakyat sebab kita berada di Dewan ini membawa suara rakyat. Dewan ini adalah dewan rakyat dan duit negara adalah duit rakyat. Seharusnya hak ini dikembalikan kepada rakyat. Jadi kita amat sedih apabila ada satu pihak sebagaimana yang dijelaskan oleh Permatang Pauh tadi bagaimana jabatan kerajaan digunakan untuk kepentingan parti politik pihak pemerintah. Ini adalah satu perkara yang amat memalukan. Begitu juga dengan peruntukan-peruntukan yang seharusnya kami Ahli Parlimen dapat tetapi kerana kepentingan pihak tertentu kami semua dinafikan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta laluan sedikit. Tuan Pengerusi. RM6 juta untuk JAWI itu, adakah Yang Berhormat rasa sepatutnya ada lebih *detail* nya lagi, maknanya butiran-butiran yang lebih lanjut bila dia sebut membiayai penyusunan semula JAWI itu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Kita mengharapkan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan ini jadi tunggak seharusnya untuk memperkasakan berkaitan dengan agama Islam, tetapi apa yang kita lihat sebagaimana yang kita ketahui isu-isu ini yang sebelum ini banyak perkara yang kita tidak puas hati. Contohnya jika kita tengok dalam persoalan hukum hakam Islam itu sendiri pun seolah-olah kita melihat bagaimana perundangan Islam itu tidak diletakkan di tempat yang nombor satu di dalam aktiviti mereka.

Jadi kita mengharapkan supaya hak agama Islam ini dikembalikan, sebagai contoh yang disebut oleh Titiwangsa tadi iaitu masalah ahli jawatankuasa masjid dan sebagainya. Sepatutnya diberi hak kepada ahli qariah itu sendiri bukan ditentukan oleh pihak Jabatan Agama Islam Wilayah.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh iaitu peruntukan RM9 juta untuk membiayai penyusunan semula Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian apakah bentuk penyusunan semula yang dibuat sehingga melibatkan kos RM9 juta ini.

Minta perincian terhadap penyusunan yang dibuat. Begitu juga saya ingin penjelasan tentang peruntukan RM4.7 juta untuk membiayai kos kenaikan sewa pejabat dan penyelenggaraan pejabat baru bagi Jabatan Perangkaan. Saya ingin penjelasan dari segi angkanya. Berapakah kos sewa sebulan pejabat yang disewa di bawah pejabat ini, dan apakah program-program yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi dari segi keberkesanan pejabat itu sendiri?

Jadi kita minta supaya perkara ini diambil berat sebab kita ingin semua pejabat di bawah Jabatan Perdana Menteri ini berperanan untuk memberi kebaikan kepada rakyat dan bukan untuk kepentingan parti pemerintah yang ada. Jadi sekian dulu, terima kasih.

3.49 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menjawab tiga butiran-butiran yang diketengahkan dalam perbahasan petang ini. Pertama ialah butiran mengenai dengan perbelanjaan atau peruntukan RM52 juta iaitu peruntukan khas di bawah Unit Pelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

■1550

Projek-projek ataupun program-program yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri adalah berasaskan permohonan dari rakyat, NGO, pemimpin-pemimpin masyarakat dari semasa ke semasa. Projek ini sebelum diberi kelulusan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dikaji dahulu dari segi kesesuaiannya dan keperluannya oleh ICU. Setelah itu ia akan diperakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Projek ini adalah untuk meng *compliment* kan lagi Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dari segi butiran peruntukan-peruntukan RM52 juta ini, yang terbesar ialah untuk masjid, surau, sekolah agama iaitu sebanyak RM22.8 juta. Kemudiannya ialah infrastruktur-infrastruktur asas yang kecil-kecil seperti jambatan, titi, lampu, longkang, *culvert* sebegitu dalam RM9 juta. Bantuan dan sumbangan NGO – RM8.7 juta, yang lain adalah bantuan-bantuan yang agak kecil. Kedua ialah saya ingin memberi penerangan berkenaan dengan peruntukan RM30 juta untuk naik taraf pusat-pusat banjir. Ini ialah seperti dinyatakan bukannya perbelanjaan untuk mencegah banjir tetapi ialah peruntukan untuk mengaktifkan di pusat-pusat banjir bila ada kejadian-kejadian banjir yang tidak dijangkakan.

Oleh itu, kalau kita tahu kerana tempat-tempat, pusat-pusat banjir yang ada sekarang ini ialah dewan-dewan masyarakat, sekolah-sekolah dan juga pejabat-pejabat kerajaan. Oleh itu kalau kita untuk menampung beribu-ribu mangsa banjir, kita memerlukan untuk tujuan memberi keselesaan kepada mangsa-mangsa seperti pembesaran, menambahkan lagi tandas, menambahkan lagi tempat bilik air mandi dan juga penyediaan dapur-dapur untuk menyediakan makanan...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Saya belum bagi jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Peruntukan RM30 juta itu kita agihkan kepada tiap-tiap negeri. Itu terpulang kepada mana keperluan-keperluan yang mendesak. Seperti di Sarawak kita memperuntukkan RM5.1 juta, di Sabah RM9 juta, di Kelantan RM1 juta, di Pahang RM4 juta dan senarainya ada tiap-tiap sebelas negeri ada diberi peruntukan untuk menangani darurat dari segi kalau adanya banjir yang berbangkit nanti bagi keselesaan...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Penjelasan.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Itu daripada segi perbelanjaan untuk menaikkan taraf pusat-pusat banjir.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan. Dalam soalan bertulis saya, saya ada bertanyakan tentang peruntukan yang dikatakan daripada RM52 juta itu pada tahun lepas. Disebutkan tadi apakah projek-projeknya. Yang ingin saya tahu, siapakah yang memohon projek tersebut? Kepada siapakah yang diberikan peruntukan itu kerana kami wakil rakyat daripada Pembangkang tidak menerima satu sen pun. Jadi kita tidak tahu siapa yang memantau dan sebagainya.

Jadi kita mahu tahu secara *detail* tiap-tiap Parlimen ini, siapakah yang memohon dan kepada syarikat mana, kepada siapakah diluluskan projek-projek ini? Adakah projek ini telah pun berjalan dan sebagainya? Kemudiannya saya hendak bertanya, di Kuala Lumpur ini di manakah didirikan, di manakah pusat-pusat pemindahan banjir? Setakat ini saya tidak tahu kalau ada pusat-pusat pemindahan banjir khusus di Kuala Lumpur. Seperti yang baru-baru ini berlaku, banjir boleh dikatakan walaupun tidak ada pemindahan tapi kita khawatir kalau berlaku banjir lebih besar, akan berlakunya pemindahan. Harap mendapat maklumat. Terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Saya tidak dapat memberikan apa yang diminta oleh Yang Berhormat, jadi mungkin saya dapat memberikan *list* nya dengan terperinci secara bertulis. Saya akan teruskan soalan ketiga...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Dari segi soalan ketiga...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini berkenaan apa yang saya bangkitkan tadi, belum jawab. Sini Yang Berhormat, di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Saya akan..., ada satu lagi soalan yang telah dikemukakan, saya akan memberi jawapan. Tunggu dahulu, mungkin soalan ini akan terjawab.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini berkenaan..

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Yang ketiga adalah butiran berkenaan dengan perbelanjaan atau peruntukan sebanyak RM9.1 juta. Dari segi pelaksanaan ataupun *restructuring* ICU.

Seperti Yang Berhormat mengetahui, dahulunya kita menggunakan jentera-jentera kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan untuk menjalankan ataupun melaksanakan projek-projek kerajaan. Juga kita gunakan mekanisme yang ada di negeri-negeri. Dahulu tidak ada masalah kerana negeri-negeri dan juga di pihak Persekutuan adalah satu kerajaan. Akan tetapi oleh sebab adanya perbezaan antara kerajaan di negeri-negeri dan di Persekutuan, kita menghormati bahawa pegawai kerajaan yang di negeri seharusnya memberikan *loyalty* nya kepada kerajaan negeri. Oleh itu kita tubuhkan satu jawatankuasa ataupun..

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Penjelasan.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Saya akan beri jalan kemudian nanti. Kita adakan satu pegawai Persekutuan yang dapat melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan di tempat-tempat yang mereka berada. Jadi kita menghormati pegawai-pegawai kerajaan dan kita tidak mahu mereka menjadi masalah nanti, ke manakah dia punya *loyalty*. Oleh itu...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Penjelasan.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: ...Dari segi perbelanjaan RM9.1 *million* itu, RM2 *million* ataupun RM2 juta ialah dari segi emolumen pegawai-pegawai yang berkenaan dan selainnya ialah untuk sewaan pejabat dan juga ubahsuai yang dibuat sepanjang tahun 2008. Itu adalah perincian peruntukan RM9.1 juta.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Ya, saya bagi jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Pengerusi. Saya agak terkejut bila mendengar jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi mengatakan sebelum ini tidak ada masalah kerana kedua-dua kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat adalah daripada parti yang sama tetapi sekarang ada masalah.

Ini satu kenyataan yang bagi saya tidak bertanggungjawab Tuan Pengerusi sebab ia bercanggah dengan semangat dan prinsip *federalism*. Dalam semangat dan prinsip *federalism*, Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, kedaulatannya sama. Tolak ke tepi ideologi politik kerana itu adalah keputusan yang dibuat oleh rakyat. Dalam semangat dan prinsip *federalism* juga, sistem pembayaran cukai itu rakyat bayar kepada Kerajaan Pusat dan tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk mengagihkan cukai itu secara adil kepada seluruh rakyat tanpa mengira ideologi politik mereka. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Menteri mengambil pendekatan sebegini, inilah yang menyebabkan berpecahnya rakyat di peringkat negeri dan juga di peringkat Persekutuan. Mengapa dibebankan dengan pegawai kerajaan? *Loyalty* mereka bukan kepada parti. *Loyalty* mereka kepada kerajaan.

Kalau Kerajaan Persekutuan itu dipimpin oleh Barisan Nasional, Yang Berhormat Permatang Pauh telah menegaskan kita tidak ada masalah. Akan tetapi kalau kerajaan negeri di peringkat negeri Selangor, di Kedah, di Pulau Pinang dan di Kelantan itu adalah Kerajaan Pakatan Rakyat, maka mengapa dibebankan dan dihukum pegawai kerajaan untuk menyatakan kesetiaan mereka kepada kerajaan yang memerintah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Maka saya ingin mendapat penjelasan kerana kalau itulah pendekatan yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab soal ICU, ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pagi tadi yang ada hubungan secara langsung dengan saya sebagai ADUN di negeri Selangor juga di mana peruntukan ICU yang berjumlah ratusan juta ringgit bukan ditujukan dan dihalakan untuk membangunkan negeri Selangor melalui projek pembangunan tetapi digunakan ratusan juta ringgit ini untuk kepentingan UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini Menteri mesti jawab mengapa perkara ini berlaku. Terima kasih.

■1600

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, mohon penjelasan lanjut sikit sahaja.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Atas topik yang sama, Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Saya akan memberi sedikit penerangan. Seperti saya katakan tadi kita menghormati bahawa pegawai kerajaan memberi *loyalty* nya kepada kerajaan semata. Kalau pegawai kerajaan yang ada di Selangor *loyalty* nya ada kepada Kerajaan Selangor bukannya parti seperti yang saya katakan tadi. Oleh itu kita di Kerajaan Persekutuan harus menggunakan jenteranya sendiri untuk menjalankan atau melaksanakan program-program untuk membangunkan rakyat. Jadi, tidak ada bercanggah lagi nanti dari segi *conflict of interest* daripada segi pegawai kerajaan yang berkenaan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, pohon penjelasan sikit, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Saya tidak mahu beri jalan saya hendak habiskan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, sikit. Isu penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Bagi menjamin integriti Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri, matlamat yang tertera di dalam jawatankuasa ini jelas menjatuhkan kerajaan pembangkang Pakatan Rakyat di negeri Selangor... *[Menunjukkan sebuah dokumen]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Saya tidak bagi jalan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi jawapan Yang Berhormat Menteri tidak selari dengan apa yang dilaksanakan di peringkat bawah.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tuan Pengerusi...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Mengapa pegawai-pegawai ICU diheret dalam kempen politik UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Cukup.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Bukan soal tidak bagi jalan, Tuan Pengerusi tetapi dia tidak jawab perbahasan yang telah dibangkitkan oleh Permatang Pauh.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak. Ia dalam peringkat Jawatankuasa. Ya, Yang Berhormat.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Itu dalam peringkat Jawatankuasa, tidak relevan itu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Mengapa tidak relevan? Ini soal yang dibangkitkan oleh Permatang Pauh tadi di mana wang ratusan juta ringgit untuk pembangunan melalui ICU diguna untuk menjatuhkan Kerajaan Pakatan Rakyat. Apakah ini tidak relevan?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tuan Pengerusi, saya akan...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, untuk membantu Jabatan Perdana Menteri, pohon sikit sahaja. Membantu, membantu.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tuan Pengerusi, saya tidak bagi jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Duduklah.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tidak boleh, membantu pun tak boleh?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tidak bagi jalan. Isu keempat yang dibangkitkan ialah butiran berkenaan dengan pelaksanaan ataupun perbelanjaan RM4.7 *million* untuk menjalankan penstrukturan *Department of Statistic* ataupun Jabatan Perangkaan. Ini ialah satu keputusan yang telah dibuat pada tahun 2007 untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian *Department of Statistic*.

Oleh itu dari segi keputusan yang telah dibuat itu kita harus menambahkan lagi pejabat-pejabat dan juga buat ubahsuai untuk pejabat-pejabat, dan menambahkan juga penggunaan telekomunikasi dan utiliti. Butiran-butiran berkenaan dengan berapa bayaran untuk pejabat-pejabat itu kesemuanya kita telah melaksanakan sembilan pejabat yang baru. Dari segi perbelanjaan perhubungan dan utiliti, sewa dan penyelenggaraan untuk peruntukan tahun 2008 ialah RM3.6 juta. Selainnya ialah ubahsuai yang dibuat untuk ibu pejabat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Itu jawapan saya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak balik kepada isu Yang Berhormat Gombak timbulkan. Saya lihat bahawa Yang Berhormat Menteri tidak menafikan, maka ia merupakan satu pengakuan bahawa dokumen yang telah dibentangkan oleh Permatang Pauh itu merupakan memang satu dokumen yang sah.

Kedua, saya melihat bahawa Yang Berhormat Menteri tidak menzahirkan satu kekesalan ataupun ingin menarik balik apa arahan yang terkandung di dalam dokumen itu. Adakah ini bererti dalam keadaan seperti ini sekali pun usaha Barisan Nasional untuk menyalahgunakan kedudukan sebagai Kerajaan Persekutuan untuk kepentingan Barisan Nasional akan diteruskan?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tuan Pengerusi, saya berpandukan kepada garis panduan yang ada, Garis Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Komuniti di bawah ICU. Tuduhan-tuduhan yang berlainan ataupun tidak...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: ...Yang diberi itu berlainan daripada garis panduan itu saya tidak akan memberikan keterangan lebih...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, mohon penjelasan.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Ini bukan fitnah, Yang Berhormat Menteri. Ini dokumen yang dibentangkan oleh Parlimen sendiri, Kementerian Kewangan. Muka surat 2 - Perbelanjaan Bekalan Maksud B.6... *[Menunjukkan sebuah dokumen]* Pertama sebanyak RM52 juta adalah untuk membiayai projek-projek khas di bawah ICU Jabatan Perdana Menteri. Ini yang kami bangkitkan, Tuan Pengerusi, di mana wang yang begitu besar digunakan bukan untuk projek-projek khas pembangunan tetapi projek-projek khas UMNO dan Barisan Nasional. Kami kemukakan bukti, Yang Berhormat Menteri. Kalau tidak ada saya boleh serahkan sekarang melalui Bentara.

Jelas, matlamatnya dengan jelas menyatakan di sini untuk menjatuhkan Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Apakah ini peranan ICU? Manakala dalam jawatankuasa pembangunan yang dibentuk oleh Jabatan Perdana Menteri salah satu ahli komponen dalam jawatankuasa ini adalah Suruhanjaya Pilihanraya. Apa kaitan SPR hendak buat jambatan? Apa kaitan SPR untuk buat longkang? Majlis Keselamatan Negara, Tuan Pengerusi! Apakah hendak buat jambatan kena ada MKN untuk mendapatkan C4?

Oleh sebab itu Menteri datang dalam Parlimen jawab soalan yang telah dikemukakan dan kami beri bukti yang cukup sahih dan Menteri tidak nafikan penglibatan ICU menggunakan wang pembayar cukai untuk menaikkan imej UMNO dan Barisan Nasional, menafikan hak rakyat negeri Selangor. Mengapa Yang Berhormat Menteri yang baru menjadi Senator sanggup bersekongkol dengan kemungkaran UMNO dan Barisan Nasional... *[Tepuk]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Mohon penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi: Berganti-ganti, Yang Berhormat. Ini sudah dalam ruang lingkup sensitif di telinga saya. Silakan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Okey. Sikit sahaja. Yang Berhormat Menteri kalau boleh benarkan sikit. Sikit sahaja.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tuan Pengerusi, saya akan menghabiskan hujah saya ataupun jawapan saya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Soalan orang Balik Pulau sikit.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Seperti yang saya telah beritahu tadi perbelanjaan RM52 juta daripada peruntukan khas Jabatan Perdana Menteri pun telah saya berikan butirannya. Seperti yang saya tunjukkan tadi memang kesemuanya digunakan untuk keberkesanan masyarakat. Terutamanya, yang paling besar ialah untuk kegunaan dari segi keagamaan. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Mana satu, Batu Gajah, Machang ataupun Balik Pulau tadi? Mana satu, Yang Berhormat Menteri?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [*Balik ke tempat duduk semula*]

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih, baik. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Balik Pulau, tidak apalah. Kalau sudah keluar itu keluarlah terus... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*] Silakan, Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, oleh kerana hal yang kita bincangkan ini melibatkan soal prinsip ketelusan dan *good governance*. Sejumlah duit yang begitu besar dibelanjakan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan berkaitan dengan jabatan di bawah pengendalian dan pengawasan Yang Berhormat Menteri. Kita cuma mahu memanfaatkan Parlimen ini sebagai platform terbaik untuk Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan sejujur-jujurnya. Tidak sulit sebenarnya berlaku jujur. Fakta di hadapan kita yang telah kita timbulkan dalam perbahasan ialah beberapa siri mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri khusus untuk negeri Selangor dengan keanggotaan beberapa jabatan kerajaan yang sebahagiannya kita faham, kita terima, KEMAS, Penerangan sebab itu okey, tidak ada masalah. Akan tetapi hadirnya Suruhanjaya Pilihan raya itu, yang itu menimbulkan kecurigaan yang bersangatan.

Oleh sebab itu, Yang Berhormat Menteri, saya mohon. Yang Berhormat tidak bertanding apa-apa jawatan pun dalam UMNO hujung bulan ini, tidak risau. Itu tidak ada apa-apa masalah. Cuma kita perlu sedikit kejujuran bagi meningkatkan integriti Parlimen. Yang Berhormat Menteri, bersetujukah secara peribadi. SPR duduk dalam jawatankuasa ini untuk tujuan khusus menyempurnakan matlamat cita-cita politik UMNO Barisan Nasional di Selangor? Munasabah atau tidak agensi ini duduk dalam jawatankuasa ini?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Boleh untuk Balik Pulau sikit sebab dibenarkan.

Tuan Pengerusi: Isu yang sama atau tidak?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Isu yang sama.

Tuan Pengerusi: Isu yang sama. Selepas ini untuk *point* ini saya tidak benarkan lagi, beredar kepada isu lain. Sila jawab, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, boleh saya mencelah di sini?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau dulu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Nanti dulu!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, boleh saya mencelah di sini?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sikit.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ini Balik Pulau ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ini Balik Pulau dapat kebenaran ni!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan, kalau...

■1610

Tuan Pengerusi: Kalau tiga orang bercakap, berhujah sekali...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kalau Tuan Pengerusi beri...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta Yang Berhormat Menteri bagi laluan kepada saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Belum, belum, ini *point of order*.

Tuan Pengerusi: Mana satu, mana satu?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau hendak tanya sedikit.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang apa ini?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *Point of order*.

Tuan Pengerusi: Kalau begitu, dua Ahli Yang Berhormat duduk dahulu, *point of order* yang mana satu, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak minta bantuan daripada Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi beritahu selepas Machang dan Balik Pulau...

Tuan Pengerusi: Kita ada *point of order* yang minta bantuan kepada Tuan Pengerusi... [Ketawa]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Minta penjelasan, minta panduan supaya perjalanan lebih selesa. Tuan Pengerusi beritahu selepas Machang dan Balik Pulau, Menteri akan jawab, tidak boleh timbul lagi perkara ini. Saya minta bantuan Tuan Pengerusi, kalau dia tidak jawab macam mana? Kami bertanggungjawab untuk terus bangun mendesak jawapan yang jujur dan amanah dalam Dewan Rakyat ini. Itu sahaja yang saya pohon.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi kita tunggu dulu jawapan Menteri. Kalau tidak sempurna, kami hendak bangun lagi. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, Balik Pulau.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, boleh saya mencelah, Yang Berhormat Menteri?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sri Gading nanti dahulu, Balik Pulau duduk. Saya respons dahulu kepada *point of order* yang dibangkitkan oleh Gombak atau bagi penjelasan dahulu.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Baik, baik, Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa hendak *point of order*?

Tuan Pengerusi: Saya respons dahulu, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sebenarnya dalam sesi perbahasan seperti begini, tidak ada dalam mana-mana peraturan mesyuarat yang mengatakan, bahawa apabila sesuatu persoalan ditimbulkan dan perlu untuk dijawab, malahan Yang Berhormat Menteri sendiri tidak perlu untuk berdiri atau menjawab yang sedemikianya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu, Gombak, nanti dahulu, saya belum siap. Kerana apa yang ditimbulkan itu semuanya akan tercatat dalam *Hansard*. Mesej yang diketengahkan oleh setiap Ahli Yang Berhormat yang berucap itu akan diketahui ramai melalui *Hansard* ataupun liputan-liputan media. Saya perhatikan tadi bahawa Ahli Yang Berhormat telah menjawab sedaya mungkin. Ini bukan mahkamah, Ahli Yang Berhormat, yang kita sebagai peguam-peguam yang terpaksa mahu juga sama ada jawapan itu ya atau tidak. Parlimen tidak begitu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, boleh saya bercakap sedikit?

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya bukan peguam, Tuan Pengerusi. Saya datang sini...

Tuan Pengerusi: Maksud saya itu seperti di mahkamah. Cara berbahas di Dewan ini bukan macam mahkamah. Kalau kita ambil macam mahkamah, tidak adalah semua saya benarkan bercakap kerana semua yang disebut itu *hearsay* dan *irrelevant*.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, ada kalanya saya lihat kalau kita bangkitkan isu baru dikatakan, "Oh, isu ini tidak bangkit dalam perbahasan, tidak perlu jawab." Saya pernah daripada kerusi Speaker. Sekarang keluar pula satu fatwa baru, tidak semestinya Menteri jawab. Tuan Pengerusi, kalau Menteri tidak perlu jawab, tidak perlu kami bahas. Saya boleh *email* sahaja soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, dia jawab melalui *email* saya. Saya bukan hendak memperkecilkan kerusi Speaker, Tuan Pengerusi, tetapi saya rasa perkara ini kena diperbetulkan. Apabila perbahasan itu menjurus ke arah kepentingan rakyat, bukan sedikit, Tuan Pengerusi, RM52 juta digunakan untuk jatuhkan Kerajaan Pakatan Rakyat...

Tuan Pengerusi: Gombak, Gombak, Gombak, saya faham.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi dia tidak jawab.

Tuan Pengerusi: Gombak, saya faham.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Machang pun tanya, setuju atau tidak SPR duduk dalam jawatankuasa? Tidak jawab. Setuju atau tidak MKN duduk dalam jawatankuasa? Tidak jawab. Apakah adil namanya untuk menggunakan wang rakyat untuk menjatuhkan Kerajaan Pakatan Rakyat? Tidak jawab.

Tuan Pengerusi: Gombak, saya faham. Saya faham, Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi izinkan kami bangun, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya tahu, Gombak. Maka itulah saya izinkan berhujah. Saya faham itu. Duduk dulu, Gombak, duduk. Maksud saya, tidak ada dalam peraturan mesyuarat bahawa kerusi ini boleh memaksa macam mana cara menjawab.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, boleh?

Tuan Pengerusi: Apabila seseorang itu menjawab pun, semua orang dengar. Jadi bermakna daripada itu pun kadang-kadang Yang Berhormat, gambar itu tidak semestinya ditulis apa maksud gambar itu ataupun *body language* ataupun cara menjawab. Ada jawapan-jawapan tertentu daripada semua gelagat dalam Parlimen ini. Jadi tidak semestinya jawapan itu, "ya" atau "tidak". Satu lagi saya ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak semestinya juga apa dokumen yang dibawa itu bagi kami yang duduk di atas ini adalah sah, kerana mungkin dokumen itu adalah dokumen pendua.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi, boleh saya buat cadangan, Tuan Pengerusi?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu, saya belum habis lagi. Nanti dahulu. Dokumen yang dipaparkan ini belum saya nampak, saya tidak tahu apa yang disebut dan sedemikiannya. Jadi bagi saya, saya boleh menganggap itu sebagai satu alat untuk berhujah sahaja.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Boleh saya serah kepada Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Boleh serah kepada saya, tetapi kesahihan itu...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Boleh saya buat cadangan, Tuan Pengerusi?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, bagi saya laluan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, biar saya selesaikan Gombak dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Menteri pun berdiri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat bangun pun tidak membantu. Duduk! Nanti dahulu, belum selesai ini. Apa pun boleh diserahkan kepada saya tetapi saya tidak juga dapat menentukan apabila diserahkan kepada saya bahawa itu sah atau tidak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Itulah makanya apa sahaja hujah, saya benarkan tetapi apabila mendapat jawapan yang tidak memuaskan hati Ahli Yang Berhormat, jangan *pin down* seseorang oleh kerana tidak dapat jawapan yang dikehendaki.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi, Tuan Pengerusi, dia tidak jawab langsung. Bukan puas. Hendak puas macam mana, tidak dapat... [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Yang tidak menjawab langsung ini pun dalam peraturan mesyuarat adalah sebagai jawapan juga... [Ketawa] Fahamlah ini semua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Itu yang benar. Tidak menjawab pun satu jawapan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukuplah layan Gombak, Tuan Pengerusi, layanlah Sri Gading, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau, boleh?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagilah saya laluan. Cukuplah Gombak.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Jauh ini Balik Pulau, Tuan Pengerusi, Balik Pulau.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri, tolong bagi laluan kepada saya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, satu sahaja. Saya sudah hendak habis. Saya pun sebab apa tidak jawab pun...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat lain sila duduk, sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Oleh kerana dia tidak jawab pun merupakan satu jawapan, jadi saya hendak rumuskan beginilah, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, bukan senang hendak dapat menteri datang ke Dewan Rakyat, Tuan Pengerusi. Walaupun Perdana Menteri sanggup ubah Mesyuarat Kabinet dari hari Rabu ke hari Jumaat, tujuannya apa, supaya menteri datang ke Dewan Rakyat. Mana menteri datang, tengok. Hari ini hari Rabu, Mesyuarat kabinet ditangguhkan tetapi sampai sekarang tidak datang. Jadi bila ada menteri yang datang, berilah peluang kami berbahas, Tuan Pengerusi... *[Tepuk]* Dan menteri pun berilah jawapan. Puas atau tidak puas...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu saya sokong... *[Ketawa]*
[Tepuk]

Tuan Pengerusi: Terima kasih Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, saya bukan beremosi, Tuan Pengerusi, tetapi Perdana Menteri sendiri anjakkan Mesyuarat Kabinet daripada hari Rabu ke hari Jumaat. Tujuannya supaya Menteri datang ke Dewan Rakyat, tetapi tengok hari ini hari Rabu, mana Menteri yang datang? Ada dua Menteri sahaja yang baik hari ini datang.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih, terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi berilah jawapan yang munasabah. Puas atau tidak puas biar kami yang nilaikan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau kot.

Tuan Pengerusi: Sri Gading sama Balik Pulau, apabila Menteri berdiri, bermakna...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Dia kasi itu.

Tuan Pengerusi: Mana satu, mana satu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagi saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau, boleh?

Tuan Pengerusi: Nanti dulu, nanti dulu. Yang mana satu? Mahu kasi penjelasankah atau tidak? Itu sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Saya tanya Menteri mana satu mahu bagi laluan?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sri Gading?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau sudah lama berdiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Tuan Speaker...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Peruntukan pun tidak dapat, cakap pun tidak dapat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri bagi saya laluan. Tuan Pengerusi, dari tadi Permatang Pauh, Gombak, Machang dan beberapa rakan main bola, Tuan Pengerusi, untuk membuli Yang Berhormat Menteri yang baik ini... *[Ketawa]* Minta maaf, Tuan Pengerusi. Dewan yang mulia ini...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tarik balik, tarik balik. Mana boleh buli Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Sekadar untuk bermain politik semata-mata. Peluang yang diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat parti pembangkang ini...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, 36(6).

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Hanya untuk peluang mereka berpolitik hendak memburuk-burukkan UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *Point of order*, Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri tolong beri perhatian kepada saya. Mereka sebenarnya cuba mencari peluang hendak memburuk-burukkan UMNO dan Barisan Nasional yang tidak kena-mengena dengan apa-apa yang telah dibangkitkan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Peraturan mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini peluang mereka hendak bermain-main politik sebenarnya. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan...

Tuan Pengerusi: Terima kasih Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Jangan layan ini. Ini mungkin fitnah, ini mungkin benda yang tidak berasas.

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk] [Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Astaghfirullah.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih... *[Ketawa]* Terima kasih, Ahli Yang Berhormat, saya tekan di atas sini, Yang Berhormat. Saya tahu, saya tahu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Dia menjawab apa yang sebenarnya, tetapi nampaknya Yang Berhormat..

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Sri Gading, terima kasih... *[Ketawa]* Terima kasih, sudahlah, sudahlah.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Peraturan Mesyuarat 36(6), Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya menyebelahi kerajaan,

■ 1620

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, macam mana kita dapat penyelesaian kalau cara begini?... *[Dewan riuh]* Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, terima kasih. Ya, terima kasih, terima kasih, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Tidak ada mana-mana dalam peraturan mesyuarat yang mengatakan bahawa boleh berdiri selepas itu teriak-teriak. Tidak ada... *[Dewan riuh] [Ketawa]* Peraturan Mesyuarat 41, mengatakan kalau mengganggu mesti dengan cara sopan...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Peraturan mesyuarat, Tuan Pengerusi. Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Peraturan mesyuarat. Okey, saya dengar daripada Yang Berhormat Gombak peraturan mesyuarat. Yang lain duduk dulu. Sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36(6). Yang Berhormat Sri Gading telah mengeluarkan kenyataan. Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa Ahli yang lain. Yang Berhormat Sri Gading saya tahu dia sakit jantung, berbahaya sikit. Saya tidak mahu bergaduh dengan dia. Akan tetapi dia telah mengeluarkan mengatakan Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Gombak membuli Senator Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, kalau perkataan itu menyalahi, saya tarik balik. Saya minta maaf... *[Dewan riuh][Ketawa]* Akan tetapi maksud saya macam itulah, Tuan Pengerusi... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak boleh, tidak boleh!

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Dua kali Peraturan Mesyuarat 36(6). Peraturan Mesyuarat 36(6), darab dua...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau saya salah, saya minta maaf. Saya tarik balik.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36(6), darab dua. Dua kali.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Habislah. Tarik balik. Apa benda lagi, Yang Berhormat Gombak? Sudah tarik balik. Saya minta maaf. Saya tarik balik.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih, terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Sri Gading sudah tarik balik kalau itu menyalahkan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya belum habis dia sudah tarik balik.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Bermakna sudah tidak ada kes, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ada kes sebab bila dia kata dia tarik balik tapi maksudnya serupa, dia kata... *[Dewan riuh]* Tidak boleh main macam itu, Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah. Tarik baliklah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak. Tidak apalah, Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak, sudah... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat. Terima kasih, Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Tumpat, apa *point of order* Yang Berhormat Tumpat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Gombak, saya tarik baliklah.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, kalau menuduh Ahli Yang Berhormat membunuh digantung dua belas bulan, menuduh Ahli Yang Berhormat membuli sekurang-kurangnya satu bulan mesti digantung... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih. Sila, Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, ya sikit. Saya sebenarnya ingin membetulkan keadaan. Saya nampak Tuan Pengerusi, apa yang berlaku ialah satu perbahasan. Tidak ada satu pun saya rasa di pihak saya atau di pihak Ahli Parlimen lain. Kita dalam keadaan membantu Yang Berhormat Senator sebenarnya supaya pentadbirannya itu mengikut Perlembagaan. Yang dibangkitkan *federalism*, yang dibangkitkan Perlembagaan dan yang dibangkitkan hak rakyat...

Tuan Pengerusi: Yang memegang *point of order* ini, *point of order* mana satu?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Peraturan 36(6), Tuan Pengerusi. Apabila dikatakan membuli, apabila perbahasan yang dikatakan *democratic debate* itu tidak berlaku, mana boleh, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Sri Gading, saya kagumi kemampuan beliau berhujah. Namun dalam isu yang serius begini, Tuan Pengerusi kita tidak boleh dipesongkan dengan satu perkataan yang akan mengambil masa.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah tarik, sudah tarik.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Lagi satu, lagi satu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Gombak, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya buat sekarang ini keputusan. Sudah habis masa lebih kurang sepuluh minit fasal soal ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, penting sebab sudah tiga peraturan mesyuarat dibangkitkan. Tuan Pengerusi tidak buat *ruling* lagipun. Tadi Yang Berhormat Tumpat cadangkan supaya gantung Yang Berhormat Sri Gading enam bulan sebab menggunakan... [Dewan riuh]

Beberapa Ahli: Satu bulan!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Satu bulan. Okey, satu bulan sebab dia gunakan istilah yang cukup jahat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Gombak, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya nampak tadi Yang Berhormat Sri Gading berapa kali berdiri dan dia kata, "Kalau itu menyakitkan hati, saya tarik balik". Sudah banyak kali.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi dia kata maksudnya sama.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Terima kasihlah, Yang Berhormat Gombak. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Begini Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam perbahasan, kalau sesuatu persoalan itu ditimbulkan dan tidak mendapat jawapan, sebenarnya itu juga adalah jawapan. Jadi terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mentafsirkan jawapan itu dan sedemikianya. Begitu juga bagi masyarakat ataupun rakyat biasa yang akan baca *Hansard*. Semua itu ada makna. Jadi Yang Berhormat, secara ikhlas dan secara serius, itulah tafsiran saya. Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sudah beri semua jawapan yang dikehendaki... [Dewan riuh] Saya sudah habis penyelesaian saya. Terima kasih. Sekian.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sila, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, kalau tidak.

Tuan Pengerusi: Dia sudah duduk, Yang Berhormat.

4.24 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak. Satu saja. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak bagi jawapan, macam mana hendak masuk *Hansard*?

Tuan Pengerusi: Dalam *Hansard* adalah jawapannya... [Dewan riuh] [Ketawa] Begitulah. Yang Berhormat Gombak, sudahlah, Yang Berhormat Gombak. Sila, Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri... [Dewan riuh]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey, ambil sekarang.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu dokumen pegawai OSA. Macam mana boleh dapat? Kita siasat dulu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Menteri sekarang sedang menjawab... [Dewan riuh]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Parlimen dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini.

Jadi Tuan Pengerusi, saya hendak mula dengan Yang Berhormat Batu Gajah. Minta maaf. Kena pakai cermin mata. Gelap sikitlah... [*Beberapa Ahli ketawa*] Pertama...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Cermin mata hitam kah?

Tuan Pengerusi: Tidak apa. Kalau mata tua tidak apa. Yang lain saya nampak masih segar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Matang, matang.

Tuan Pengerusi: Matang. Sila... [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertama, Yang Berhormat Batu Gajah bertanya adakah dasar pemberian biasiswa bagi tahun 2009 diubah atau dikekalkan seperti tahun lepas. Jawapannya ialah memandangkan zaman kemelesetan ekonomi ini, dasar pemberian biasiswa JPA dikekalkan di mana tiada pertambahan biasiswa bagi tahun 2009. Program Ijazah Luar Negara iaitu PILN 2009 dikekalkan sebagai mana tahun sebelumnya iaitu 2,000 tempat manakala bagi Program Ijazah Dalam Negara dikekalkan sebanyak 10,000 tempat.

Yang Berhormat Batu Gajah juga bertanya adakah dasar pemberian biasiswa dari segi kuota dipinda. Dasar pemberian biasiswa bagi kuota bumiputera dan bukan bumiputera juga masih dikekalkan iaitu 55 bumiputera dan 45 bukan bumiputera. Tiga, walaupun kita sedang mengalami zaman kemelesetan ekonomi, kenapa kadar biasiswa dinaikkan? Kadar kenaikan elau biasiswa dinaikkan kerana terdapatnya kenaikan pada harga barangan secara global. Agar para pelajar tajaan kerajaan akan mendapat keselesaan ketika mengikuti pengajian...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kubang Kerian membangkitkan berkenaan dengan isu murtad di Pulau Pinang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjelasan. Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bagi Yang Berhormat Batu Gajah dulu. Dia soalan asal.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ingin tahu sama ada kuota yang dikekalkan 55:45 untuk biasiswa Program Ijazah Luar Negara juga untuk Program Ijazah Dalam Negara sebab sebelum ini saya mendapat jawapan kedua-dua kuota adalah berbeza. Saya hendak satu kepastian dalam aspek ini. Yang kedua, apakah pihak kerajaan ada sebarang rancangan untuk memansuhkan kuota ini memandangkan kita memasuki universiti kerajaan selalu kata menggunakan meritokrasi. Pemberian biasiswa ini apakah kerajaan ada rancangan juga berdasarkan meritokrasi? Kita ada banyak program untuk *brain gain*, untuk mendapatkan balik mereka yang profesional di luar negara untuk kembali ke sini. Apakah kerajaan ada rancangan untuk memastikan golongan cerdas ini diberi atau ditambah biasiswa agar mereka tidak ada *brain drain* ke luar negara?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kita tidak bercadang untuk meminda kuota ini. Ia akan tetap kekal sebagai 55 peratus kepada bumiputera dan 45 peratus kepada bukan bumiputera. Sama ada ia melibatkan juga Program Ijazah Dalam Negeri, saya akan mendapatkan kepastian daripada pihak JPA seperti Yang Berhormat bangkitkan supaya tidak memberikan jawapan yang tidak betul. Saya menunggu jawapan daripada pihak mereka.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setiap tahun semasa keputusan pemberian biasiswa dikeluarkan dan diumumkan, kita mendapati bahawa ramai lepasan SPM atau STPM yang mendapat keputusan yang cemerlang tetapi tidak diberi atau dipelawa biasiswa itu. Biasanya murid-murid yang skor 11A atau 12A pun tidak ditawarkan biasiswa itu. Saya ingin tahu kali ini iaitu beberapa hari lagi keputusan pemberian biasiswa akan diumumkan. Apakah jaminan atau mekanisme yang telah diambil oleh kerajaan supaya kejadian-kejadian ini tidak akan berlaku lagi? Ia telah berulang-ulang kali atau tiap-tiap tahun ada kejadian seperti itu. Minta penjelasan.

Datuk Wilfred Majilip Bumburing [Tuaran]: Penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

■1630

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa kita pada tahun *insya-Allah* daripada segi *top student, top scores* itu kita pastikan mereka mendapat biasiswa iaitu kalau macam kita tengok, kita putuskan. Kalau kita menganggap 10A1 dianggap sebagai *top scores*, maka mereka berhak untuk mendapat...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini yang kita pastikan supaya, kalau dahulu pelbagai cara, ada *interview* lah dan macam-macam lagi tetapi sekarang ini kita kira. Saya tidak tahu apakah *benchmark* nya tetapi *the top scores* itu kita akan beri mereka biasiswa berdasarkan *score good result* mereka. Yang lain-lain itu sudah tentulah maknanya kalau dikatakan 8A kah, 7A. Kalau setakat kata di luar negara 2,000 sudah tentu ada yang tidak akan dapat.

Mungkin yang bawah mungkin melebihi 2,000. Jadi, sebab itu yang di bawah kita tidak jamin bahawa automatik ia akan dapat tetapi *the top scores* itu akan ditentukan oleh JPA sendiri apakah *benchmark* nya. Itu kita akan bagi secara automatik biasiswa untuk mereka belajar. Akan tetapi tidak semestinya dalam bidang yang mereka minta. Pada hari ini sudah tentu orang hendak minta *medicine* kah, apa kah tetapi kita tidak boleh jamin. Akan tetapi, biasiswa kita akan beri kepada mereka.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tuaran.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih. Ini berkaitan dengan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara Yang Berhormat. Oleh kerana saya kira kebanyakan kursus-kursus yang dahulunya tidak terdapat di negara kita, kini sudah ditawarkan oleh universiti awam dan juga swasta.

Saya ingin bertanya sama ada kerajaan ada rancangan untuk me *review* balik kursus luar negara di mana kita hantar pelajar di masa akan datang supaya ia menjimatkan perbelanjaan. Mereka ini boleh mengikuti kursus di dalam negara iaitu *twinning* dan sebagainya. Sebaliknya Yang Berhormat, pagi tadi ada penjelasan daripada kerajaan bahawa Ijazah MBBS kini di MU dan juga semua universiti di Malaysia tidak lagi diiktiraf oleh *European Union*.

Kalau dahulu graduan daripada Taiwan umpamanya tidak diiktiraf oleh Malaysia. Sekarang ini pula kita punya MBBS tidak diiktiraf oleh negara Eropah. Jadi, adakah rancangan kerajaan untuk mengolah satu perancangan supaya Ijazah MBBS kita ini diiktiraf? Oleh kerana lambat laun ada juga rakyat Malaysia ini berhijrah ke luar negara untuk bekerja dan sebagainya. Kalau Ijazah MBBS ini tidak diiktiraf, maka skop kerja mereka akan terkongkong, tidak mempunyai peluang untuk bekerja di luar negara. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pagi tadi telah pun dijawab oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi iaitu bukan sahaja Malaysia punya kelulusan yang tidak diiktiraf. Termasuk juga Singapura, Hong Kong, Australia, New Zealand. Akan tetapi, bagi saya itu adalah baik kalau mereka tidak iktiraf. Saya tidak fikir kita hendak latih doktor-doktor kita dengan belanja wang yang begitu banyak, selepas itu hendak benarkan dia kerja di luar negeri. Pada saya, mereka tidak iktiraf itu lagi bagus. Itu akan menghalang orang-orang kita daripada berhijrah ke negara EU untuk bekerja di sana. Itu *brain train* bagi kita.

Kemudian, berkenaan dengan *review* kursus-kursus. Ini dilakukan dari semasa ke semasa...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah tentu kalau ada program *twinning* dan lain-lain lagi ini akan menyebabkan JPA akan *review*, kaji semula dasar berkenaan dengan kursus-kursus yang dianggap sebagai kritikal yang mendapat biasiswa daripada kerajaan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahun lalu ramai penuntut yang memang mencapai yang tinggi di antara yang terbaik. Pada awalnya mereka tidak dipertimbangkan untuk biasiswa atau pun matrikulasi yang mereka pohon. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut bahawa yang terbaik dengan izin mereka akan dipertimbangkan.

Adakah ini bermakna bahawa murid-murid yang mencapai pencapaian 10A dan ke atas dan sebagainya itu, sekiranya mereka memohon untuk matrikulasi dan mereka akan dipertimbangkan. Pada tahun lalu juga mereka yang tidak dipertimbangkan untuk biasiswa dan matrikulasi. Selepas mereka tidak dipertimbangkan dan apabila mereka membuat rayuan, ramai di antara mereka yang dipertimbangkan untuk diberi biasiswa pada peringkat Tingkatan 6.

Apa yang berlaku adalah biasiswa pada peringkat Tingkatan 6 tidak membawa makna kepada mereka. Ini pemikiran merekalah sebab perlu melalui dua tahun dan *they are left of for two years*, dengan izin. Jadi, adakah pada tahun ini perkara itu tidak akan berulang dan mereka yang terbaik itu secara automatik akan dipertimbangkan untuk matrikulasi dan biasiswa yang mereka pohon? Bukan seperti tahun lalu di mana mereka dipertimbangkan untuk Tingkatan 6.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat ini okey kah? Kalau matrikulasi tanya Kementerian Pelajaranlah. Saya bercakap tentang biasiswa JPA. Ada minum todi kah apa tadi?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta maaf Yang Berhormat Menteri. Mungkin kita sama-sama minum. Benar, ini kena tanya dengan kementerian tetapi di sini kita bicara tentang JPA. Saya berhadapan dengan Menteri Jabatan Perdana Menteri yang juga telah mengatakan ini pada tahun lalu. Sebab itu, mungkin ada kekurangan daripada saya dan itu terpulang daripada Yang Berhormat Menteri untuk menambah nilai apa yang saya cakap itu. Jangan bawa saya sampai ke kedai todi. Saya sudah tidak mahu. Yang Berhormat Menteri boleh teruskan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia bukan setakat minum todi, dia masuk lambat pun. Yang Berhormat Bandar Kuching pun saya sudah jawab.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita bercakap tentang biasiswa JPA. Saya kata yang itu *benchmark* nya akan ditentukan oleh JPA supaya untuk mengelak daripada apa yang telah berlaku tahun lepas. Orang yang mendapat keputusan yang cukup baik tidak dapat *scholarship* tanpa mengira kaum, yang *top student* yang dapat tanpa mengira kaum. Kita akan bagi kepada mereka biasiswa secara automatik. Kerana ini persepsi. Sebab katalah kalau dia dapat 13A1, dia tidak dapat sudah tentulah itu satu penganiayaan terhadapnya. Jadi, saya sudah buat keputusan yang *top scorer*, kita akan beri. Jangan tanya dua kali.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, Yang Berhormat Kuala Selangor. Ini kenapa angkat tangan ini? Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini bersabit dengan pemegang biasiswa JPA yang diberi peluang belajar tetapi tidak mahu pulang. Apa yang saya kesan ada 236 kalau tidak silap saya tahun lalu.

Dalam rangka itu, bagi memanfaatkan mereka yang tidak mahu pulang ini, apakah JPA perlu menyarankan kepada mereka ini supaya terus mengambil kursus-kursus *specialization* kerana rata-ratanya mereka perubatan. Itu satu perkara yang akan dapat kita manfaatkan mereka yang mahu terus bekerja dan belajar di sana. Keduanya sudah sampai masanya, saya kira tidak macam tahun 70-an. Angkatan kami 70-an yang belajar A-Level ketika itu saya kira memang universiti tempatan tidaklah ke taraf yang ada hari ini.

Akan tetapi, kalau kita sudah berada di tahap ini, apakah kita akan membelanjakan perbelanjaan yang terlalu besar bagi kursus-kursus ijazah pertama. Saya ingat perlu ada satu *review* untuk memberikan kepada *the best brain, post-graduate studies* pada ijazah-ijazah lanjutan sahaja Ijazah-ijazah pertama kita minta supaya dengan hadirnya mereka, *the best brain* ini dalam universiti-universiti tempatan akan dapat meningkatkan daya saing kita di universiti-universiti tempatan. Itu saya kira sementara ia mengurangkan perbelanjaan, *foreign exchange* atau pun *Forex*. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya ada juga pengalaman sewaktu yang menjadi Pengerusi MARA. Kita berbincang berkenaan dengan mereka yang ingkar dan tidak mahu balik. Kalau apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu diibaratkan sebagai satu signal iaitu kita *reward the delinquents* Lebih baik sekiranya mereka terlebih awal berunding dengan kita. Tidak ada masalah.

■1640

Ada ketika mereka mengambil kursus dan dalam keadaan gawat, kita tidak dapat memberikan kerja kepada mereka, kita benarkan supaya mereka mencari pengalaman. Akan tetapi sebagai satu dasar untuk *reward, delinquent*, saya ingat itu satu perkara yang tidak boleh kita terima melainkan dia berunding dengan kita terlebih dahulu mengatakan bahawa dia ingin terus tinggal, katakanlah satu tahun lagi dia tinggal, dia sudah awal-awal bagi tahu boleh kah tidak kita memberi kesempatan kepada dia untuk *specialize* kah atau apa. Akan tetapi dia kerja, dia tak balik, dia ingkar, dia kena bayar. Itu kita tidak boleh. Kedua Yang Berhormat, berkenaan dengan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, dia mengganggu saya. Saya hendak jawab.

Seorang Ahli: Jawab saja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti saya tidak habis. Hormatlah Yang Berhormat Kuala Selangor kerana dia bertanya soalan yang baik yang perlu saya jawab. Jangan potong macam itu, tidak bagus. Ini berkenaan dengan pelajar... [Ketawa]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: ...Bila pula baik ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, dia doktor itu. Dia tanya soalan dia, dia banyak memikir. Ini berkenaan dengan Yang Berhormat, Yang Berhormat kata kalau boleh *first degree*, kita tidak usah hantar. Sebenarnya Yang Berhormat, dia cuma 2,000 orang sahaja. Saya rasa, untuk mempelbagaikan dan memberikan peluang kepada anak-anak muda kita untuk *expend* dia punya pemikiran dan minda dia, ada baik. Ada baik untuk kita membenarkan supaya di peringkat ijazah pertama, kita benarkan untuk mereka pergi. Tidak ramai pun, 2,000 sahaja. Jadi saya ingat okeylah. Apa Orang Putih kata, *it's a good mix* lah, di antara belajar di luar negara dan juga di dalam negara. Itu saja kan soalnya Yang Berhormat kan, dua kan? Ha, sekarang sila duduk, eh sila berdiri, tanya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Padang Rengas itu memang pokok rengas. Dia memang macam itu... [Disampuk] Memang padanglah itulah... [Ketawa] Ini, saya berminat dengan jawapan mengenai Kesatuan Eropah yang tidak mengiktiraf ijazah dan sebagainya, benar juga.

Akan tetapi itu semenjak 1990 tapi yang tidak diiktiraf oleh GMC, *General Medical Council* di United Kingdom itu pada 1983, tahun 80-an itu. Waktu itu Hong Kong, Singapura dan Australia pun diiktiraf juga sampai 1990. Ini bermakna, di dalam tempoh itu apakah terjadi dengan Universiti Malaya atau UM? *Matter of* Yang Berhormat Padang Rengas juga kan, ya? Lupa!.. Dia pergi ke United Kingdom, pergi ke United Kingdomlah itu. Dia lupa dah, lupa dah dia.

Yang Berhormat, yang masalah waktu itu saya nak memperbetulkan keadaan di sini sebab saya ada bangun di sini tanya. Menteri Pelajaran waktu itu saya tanya mengapa 80an, mengapa Ijazah MBBS Universiti Malaya tidak diiktiraf? Jawapan dia ketika itu, tidak payah, tidak perlu. Kita ada program sendiri, rancangan sendiri. Itu jawapan dia. Ini bermakna, waktu itu ada masalah ramai pensyarah yang tinggal, profesor tinggal kerana ada cadangan, salah satunya nak jadikan bahasa Malaysia bahasa pengantar di perubatan dan sebagainya. Oleh sebab itulah GMC kata, "*Tak bolehlah macam itu. Orang ramai yang tinggal, profesor yang tidak ada. Macam mana?*" Itulah masalah dan sekarang termasuk Timbalan Menteri Pengajian Tinggi mengatakan, "*Oh itu kerana akta perubatan di Kesatuan Eropah.*"

Ini bukan masalah dan faktor yang sebenarnya. Itu dia memanglah mengambil kesempatan kerana itu Kesatuan Eropah sekarang tidak berminat dengan kawasan ini, itu betul juga. Saya pernah tanya lima tahun yang lepas, Naib Canselor Universiti Malaya mengapa kita tak boleh minta sekarang? Dia kata sekarang di Eropah tidak serupa dah. Keadaan sudah berubah kalau berbanding dengan keadaan yang dulu dan saya berharaplah Yang Berhormat Padang Rengas dapat memerhatikan apakah sebenarnya yang berlaku pada tahun 80-an lagi.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Padang Rengas tidur.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang, dia marah itu. Biasalah itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, dia silap kementerian ini. Yang dia bercakap itu Kementerian Pengajian Tinggi ataupun Kementerian Kesihatan tetapi saya biar sebab saya hendak tidur sekejap sebentar tadi. Yang Berhormat tolong halakan kepada kementerian ya...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, mohon penjelasan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penjelasan ringkas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita bincang tentang biasiswa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, biasiswa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, soalan akhir.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, saya Pontian.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Batu Gajah, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Rasah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya minat kepada Yang Berhormat Batu Gajah. Beri Yang Berhormat Batu Gajah dulu.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih. Kalau Yang Berhormat Menteri tiada jawapan, saya pohon secara bertulis. Saya nak tahu apakah prestasi pencapaian pelajar biasiswa luar negara ini. Saya nak tahu ada pemantauan atau apakah ada laporan sentiasa diadakan untuk memastikan pelajar yang dihantar ke luar negara ini sebenarnya mereka yang memang layak dihantar. Cemerlang, gagal, perlu dilanjutkan tempoh atau sebaliknya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat, saya akan jawab secara bertulis kerana itu satu soalan yang memerlukan kepada perkara yang *detail* ya.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pontian, boleh? Boleh sikit?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi Yang Berhormat Rasahlah...
[Ketawa]

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri.

Tuan Pengerusi: Kalau begini caranya, saya seronok pasal saya tidak sakit kepala.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya spesifik. Pemberian biasiswa ini secara lazimnya diberikan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan SPM yang cemerlang tetapi pada tahun-tahun kebelakangan ini, sentiasa ada masalah pelajar-pelajar STPM kerana dasarnya pelajar-pelajar STPM tidak diberikan biasiswa. Jadi saya hendak tanya, apakah ada perubahan dasar kepada pelajar-pelajar STPM juga yang cemerlang.

Adakah kerajaan bersedia untuk menimbangankan memberikan biasiswa kepada mereka kerana pelajar-pelajar STPM ini juga apabila mereka mendapat keputusan yang cemerlang, mereka layak untuk memohon universiti-universiti di luar negara khasnya universiti-universiti Ivy League Kalau pelajar STPM cemerlang ini dan mendapat tempat di Ivy League Universities, adakah kerajaan akan memberikan biasiswa secara automatik kepada pelajar-pelajar ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kalau keputusannya cemerlang dan dia mendapat tempat di universiti yang dianggap sebagai dalam kumpulan Ivy League, saya percaya dia berhak untuk memohon tetapi untuk saya nak kata secara automatik dia akan dapat ataupun tidak, itu saya perlu rujuk kembali kepada JPA. Sila Yang Berhormat Pontian.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini pelajar Nur Madihah anak nelayan mendapat 20A dan kita merasa syukur atas kejayaan itu dan apakah yang dibuat oleh JPA? Adakah JPA telah *offer scholarship* kepada beliau dan mengenai kuota 55:45 itu, saya kira ia pasti menggembarakan terutama pelajar-pelajar bukan bumiputera. Ini kerana kuota 45 itu melebihi daripada 33 peratus penduduk bukan bumiputera di negara ini dan kita juga berharap agar pelajar-pelajar bumiputera tidak terasa hati kerana kuota diturunkan kerana penduduk bumiputera Malaysia 66 peratus, dapat biasiswa 55 peratus. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya ingat Nur Madihah itu bukan setakat JPA saja, MARA pun saya dengar ada nak bagi dekat dia kalau baca dalam surat khabar. Saya kira dari segi pemberian kuota, sememangnya di masa-masa yang lepas pun kalau tengok dari segi tempat dalam universiti pun, ianya merupakan 55:45. Jadi kepada saya, saya rasa walaupun Yang Berhormat sebut itu adalah betul iaitu daripada segi komposisi sudah sekarang 60:40, namun saya rasa ini berkenaan dengan pendidikan anak-anak kita yang merupakan rakyat Malaysia. Dalam hal ini saya rasa 55:45 itu adalah satu pemberian, pembahagian yang adil kepada semua. Boleh saya pergi ke tempat lain tidak?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, nak cakap lagi?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya soalan mengenai pengedaran taklimat atau maklumat tentang permohonan biasiswa dan rayuan sekiranya pada *first round* tidak mereka dapati.

■1650

Saya nampak Kementerian JPA tidak menganjurkan apa-apa taklimat secara rasmi untuk memberi kemudahan atau bantuan kepada murid-murid yang ingin membuat permohonan atau lepasan tetapi sebaliknya parti-parti komponen Barisan Nasional umpamanya SUPP, MCA, GERAKAN yang diberi maklumat supaya mereka boleh mengedarkan maklumat itu kepada murid-murid. Bukankah ini satu, adakah ini satu polisi kerajaan supaya hendak beri satu gambaran kepada orang ramai seolah-olah Barisan Nasional yang memberi biasiswa itu. Takkan kerajaan tidak ada cukup kakitangan untuk menganjurkan taklimat-taklimat *in the name of* Kementerian, *not in the name of* parti-parti politik. Saya minta penjelasan daripada Menteri sama ada ini adalah polisi kerajaan supaya boleh..., *want to win some votes*, hendak memenangi undi daripada orang ramai.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya tidak fikir itu bahawa kalau sekiranya satu-satu parti politik atas kehendak dia sendiri menganjurkan atas dia punya inisiatif, dia nak buat, buatlah. Akan tetapi saya tidak fikir iaitu bahawa anak-anak muda kita begitu mudah dirasuaikan, bagi biasiswa, sokong kerajaan yang ada. Sebab yang kita lihat, kita tengok, banyak yang dapat menjadi doktor-doktor termasuk macam Ahli Parlimen Kuala Krai, dapat biasiswa, dia tidak sokong kerajaan, dia Pembangkang. Jadi maknanya, bukan soal *you serve*, maknanya adakah dengan memberi biasiswa itu, dia akan menyokong Barisan Nasional, tidak. Dia satu contoh yang jelas, yang nyata, yang hidup bermakna bahawa dapat biasiswa tidak semestinya menyokong Barisan Nasional dan sini pun ramai doktor-doktor di sini, itu jelas bukti.

Jadi saya kira Yang Berhormat, dalam hal ini saya tidak tahu.. sebenarnya satu daripada perkara yang dilakukan oleh JPA yang *online* ya, apa yang mereka nak maklumkan tentang biasiswa kah. Jadi saya kira mereka yang mendapat keputusan yang baik, sudah tentu mereka ini anak-anak muda yang cukup *savvy* dengan komputer. Sudah tentu dia akan rujuk kepada *online* JPA, dia ada inisiatif sendiri. Ini cara yang termoden untuk kita hendak memberitahu kepada orang ramai, automatik *you* tahu sahaja. Kalau sekiranya *result* sudah keluar, *online* JPA, tengok apa yang dia rasakan dia boleh *apply* dan semuanya dilakukan secara *online*.

Jadi Yang Berhormat, saya rasa kalau yang dilakukan oleh parti-parti politik itu, dia minta hendak buat, buat, biarlah tetapi sebenarnya JPA memang dia punya iklan kah apa semua *online*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, soalan saya adalah bolehkah Kementerian menganjurkan mungkin satu taklimat di samping mengiklankan di *website* nya kerana dari penelitian saya, ramai murid. Walaupun mereka pergi *website* dan mereka ada apa-apa soalan, mereka nak tanya, mereka tak tahu pergi mana untuk tanya. Nak buat rayuan tak tahu bagaimana cara nak buat rayuan. Walaupun ia ada dalam *website* tetapi maklumat dalam *website* tidak berapa *detail*.

Oleh itu saya menyeru supaya kerajaan boleh menganjurkan taklimat-taklimat tiap-tiap tahun supaya memberi kemudahan kepada ibu bapa dan murid-murid. Takkan biarkan tugasnya kepada parti-parti politik dan kita dari Pembangkang sini, kita nak tahu maklumat yang terperinci pun biasanya pegawai kerajaan tak mahu layan. Bagaimana kita boleh ambil maklumat lebih terperinci tentang bagaimana cara, apakah kriteria yang terperinci. Oleh itu saya menyerulah kerajaan supaya menganjurkan taklimat kepada ibu bapa dan murid-murid.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak fikir iaitu bahawa kita akan membuat taklimat kepada ibu bapa sebelum mereka berjaya untuk mendapat biasiswa ini kerana tujuan kita buat *online on the website* semua ialah untuk mengelak kecehan untuk panggil ibu bapa datang mendengar taklimat. Ini satu perkara yang leceh, sebab itu *in the first place* kita gantikan dengan *website*. Jadi sebab itu Yang Berhormat, saya kira yang paling baik sekali *go to the website* dan lihat. Kalau Yang Berhormat ada nama bagi pada saya, pegawai yang tidak layan Yang Berhormat, tolong bagi saya. Saya sebagai Menteri jaga Parlimen amat kecewa kalau ada pegawai yang sedemikian.

Baik, ada jawapan yang datang sebentar tadi berkenaan dengan perkara tambahan yang ditanya. Yang Berhormat Batu Gajah bertanya adakah kuota bumi dan *non* bumi dikekalkan untuk program ijazah dalam negara. Dalam negara tiada sebarang kuota untuk program ijazah, tiada ya.

Kemudian, Yang Berhormat Bandar Kuching tanya ramai dapat keputusan cemerlang SPM dan STPM tetapi tidak menerima biasiswa. Apakah jaminan kejadian seperti ini tidak akan berlaku pada tahun ini. Untuk tahun 2009, biasiswa program ijazah luar negara hanya untuk dua ribu tempat dan memandangkan mengikut keputusan SPM 2008, terdapat 1,676 pelajar 1A dalam semua mata pelajaran yang diambil. Oleh itu mustahil untuk memberikan semua biasiswa kepada yang cemerlang terutamanya kerana kebanyakan memohon bidang pengajian perubatan, pergigian dan farmasi, bidang-bidang kritikal di mana terdapat kuota di luar negara untuk bidang-bidang ini. Pelajar Malaysia terpaksa bertanding dengan pelajar-pelajar asing lain. Ini masalah praktikal yang kita hadapi iaitu oleh sebab juga kuota di luar negara, universiti mungkin tidak dapat.

Jadi tidaklah boleh kita kata automatik semua akan dapat biasiswa dalam bidang yang dia hendak. Mungkin dalam bidang yang lain, itu mungkin. Jadi kita tidak boleh jamin semua hendak doktor, semua boleh dapat. Belum tentu sebab di luar negara tempat juga terhad dan kita bersaing dengan pelajar-pelajar daripada negara lain.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Batu Gajah, adakah terdapat pemantauan terhadap prestasi pencapaian biasiswa di luar negara. Jawapannya ya, pemantauan sentiasa dilakukan oleh Pejabat Penasihat Latihan di luar negara. Sekiranya tidak mencapai prestasi yang ditetapkan, penajaan akan ditamatkan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat juga ada meminta secara *detail*, saya juga akan minta kepada mereka untuk beritahu dalam masa lima tahun yang ke belakang ini, berapa yang kita hantar, berapa yang gagal, berapa yang lari tengah malam. Ini semua saya akan minta mereka bagi pada Yang Berhormat ya.

Yang Berhormat Kubang Kerian, isu murtad di Pulau Pinang. Minggu lepas sebagaimana JAKIM berperanan memperkasa peranan pegawai dalam menghadapi cabaran baru. Isu ini adalah di bawah JAKIM Yang Berhormat dan tidak berkaitan dengan peruntukan tambahan yang diminta oleh JAWI. Peruntukan tambahan yang dipohon oleh JAWI adalah untuk membiayai penyusunan semula JAWI. Jadi saya tidak boleh nak jawab di sini kerana di luar daripada butiran. Walau bagaimanapun maklumat Yang Berhormat itu kita terima baiklah.

Yang Berhormat Lembah Pantai, isu pembelian saham Gardenia Berhad oleh Lembaga Tabung Haji sebanyak RM140 juta, harga sahamnya kemudian. Jadi kita di sini tidak memohon peruntukan tambahan untuk perkara sedemikian. Jadi saya nak jawab pun tidak boleh, keluar daripada butiran.

Yang Berhormat Shah Alam, isu-isu penderaan khususnya kes Kugan. Kes ini seperti sedia maklum dalam penyiasatan pihak berkuasa. Walau bagaimanapun JAKIM sentiasa memberi perhatian terhadap isu-isu penderaan khususnya berkaitan dengan kekeluargaan dalam program-program yang dilaksanakan khususnya melalui mimbar Jumaat kepada orang ramai.

Yang Berhormat Machang ...

■1700

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tanya tadi sebenarnya kes Kugan itu hanya sebagai satu contoh. Pentingnya ialah bagi JAKIM untuk memainkan satu peranan yang lebih menyeluruh. Dalam erti kata untuk menentukan bahawa keadilan itu akan tertegak dan jangan hanya sekadar soal halal haram makanan dan sebagainya tetapi isu kezaliman yang berlaku di mana orang-orang yang terlibat pegawai-pegawai polis dan sebagainya. Dahulu ada pegawai-pegawai polis diberikan buku karangan Dato' Harun Din berhubung manusia dan Islam dan ianya menjadi sebagai di antara panduan.

Apakah usaha-usaha untuk menentukan bahawa kakitangan kerajaan, pegawai-pegawai keselamatan dan sebagainya akan menghayati dasar-dasar keadilan yang dituntut oleh Islam termasuklah soal layanan terhadap orang yang dalam tahanan, termasuklah dalam soal campur tangan pihak eksekutif dengan kehakiman dan sebagainya. Lalu nampak bahawa soal peranan Islam itu adalah lebih daripada hanya sekadar untuk kepentingan orang-orang Islam semata-mata tetapi adalah untuk menjamin keadilan itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat tidak ada masalah. Yang Berhormat cadanglah buat masa bulan puasa kah, ada tazkirah kah. Masa itu bolehlah ditanamkan dengan semangat-semangat macam ini. Saya ingat itu boleh diteruskan Yang Berhormat. Tak ada masalah Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada, tak ada masalah. Cadangkanlah. Segala apa Yang Berhormat cadangkan saya rasa JAKIM tidak akan menolak kalau ianya boleh menaikkan juga imej agama Islam kita dalam soal keadilan ini. Tak ada masalah. Okey?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, saya rasa bukan sekadar bulan puasa. Ini soal wawasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, tak saya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Wawasan untuk pegawai yang menjaga hal-hal agama dan sebagainya di mana persoalan orang Islam ini banyak terlibat. Dalam penderaan Kugan itu kata sebelas orang pegawai polis mungkin ada orang Islam. Mungkin dia rasa benda ini tak apa kerana tak ada apa-apa larangan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tahulah, saya tahulah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ianya merupakan satu kesalahan dari sudut undang-undang sivil dan juga undang-undang agama dan kita hendak Majlis Fatwa mengeluarkan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, bagilah cadangan...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Satu pandangan yang jelas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi cadangan apa yang mungkin yang difikirkan belum dilakukan oleh JAKIM. Satu cadangan Yang Berhormat kata satu...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Wawasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Wawasan. Bagi cadanganlah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maknanya sekarang ini memang tak adalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan tak ada. Kita tambah nilailah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu yang kita hendak tahu. Wawasan yang ada itu apa dia?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Wawasan yang ada kita tanya JAKIM. Saya bagi tahu JAKIM...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau boleh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Yang Berhormat boleh terus jumpa dengan JAKIM. Tidak ada masalah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sama ada soal itu terlibat termasuk dalam wawasan JAKIM dan Menteri yang menjaga soal hal-hal ehwal agama dan sebagainya di dalam Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak apa Yang Berhormat kerana dia tak ada di sini.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya lah, hendak sampaikan pada dia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, kalau orang itu tak ada di sini tak usahlah. Cakap pada saya sudahlah ya. Jadi saya ingat apa-apa cadangan saya rasa kalau kita sama-sama mahu meningkatkan Islam tiada masalah. Beri cadangan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Machang minta penjelasan berhubung status kesihatan kes tuduhan Saiful Bahari ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim. JAWI telah menyiapkan siasatan awal. Laporan siasatan tersebut telah diserahkan kepada Ketua Pendakwa Syarie JAWI. Namun setelah disemak dan di perinci, Ketua Pendakwa Syarie mengarahkan supaya siasatan yang lebih lanjut dijalankan. Itulah statusnya.

Yang Berhormat Rantau Panjang, isu berhubung pelantikan AJK masjid dan surau jemaah. Pelantikan AJK masjid dan surau tidak dilaksanakan melalui mesyuarat agung atas faktor:

- (i) sudah tentu untuk menyegerakan pelantikan AJK; dan
- (ii) mengelakkan perpecahan di kalangan anak-anak kariah di dalam kawasan.

Pemilihan diserahkan kepada anak kariah untuk mengemukakan calon yang bersesuaian untuk dilantik oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Jadi Tuan Pengerusi, habis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Pencelahan, penerangan. Duduk sudah?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri sudah selesai.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:Cepat benar Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM154,137,650 untuk Maksud B.6 dan RM312,383,000 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM154,137,650 untuk Maksud B.6 dan RM312,383,000 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM70 untuk Maksud P.6 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM70 untuk Maksud P.6 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

**Maksud B.11, B.12 [Jadual] -
Maksud P.10 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] –**

Tuan Pengerusi: Kementerian Kewangan. Kepala Bekalan B.11 dan B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: B.11?

Tuan Pengerusi: B.11 ya. B.11, B.12 dan Kepala Pembangunan P.10.

5.06 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak banyak untuk menyinggung perkara-perkara terbitan perbelanjaan ini cumanya untuk saya tanya bagaimana dalam Maksud B.11 Perkhidmatan dan Perbendaharaan dalam tambahan sebanyak RM772 juta sebagai menampung pembayaran subsidi barangan petroleum tahun 2008 yang merupakan tahun yang cukup gawat setelah dinaikkan lonjakan sebanyak 26 peratus harga bahan api petrol dan diesel.

Maka yang perlu ditanya di Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi adalah untuk kerajaan mencerakinkan bagaimana perbelanjaan sebanyak itu dibuat khususnya dalam meneliti sebanyak mana yang telah diberikan khususnya bagi perkara yang menyinggung persoalan pemberian *foregone tax* dan juga bagaimana juga subsidi-subsidi yang diberikan supaya dapat diperjelaskan perbelanjaan yang sebanyak itu yang telah diperuntukkan ataupun tambahan perbelanjaan.

Kemudiannya..., saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

5.08 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berhubung dengan B.11 ini tambahan sebanyak RM772 juta bayaran sebagai subsidi barangan petroleum tahun 2008. Saya hendak tahu sama ada ianya merupakan subsidi yang dibayar untuk pihak IPP ataupun subsidi yang dibayar untuk mengekalkan harga minyak yang di stesen pam. Kalau tidak silap ingatan saya sebenarnya harga minyak mentah telah mula turun pada masa itu dan mungkin soal subsidi sudah tidak relevan pada hujung tahun mungkin pada bulan 11 ataupun pada bulan 12 oleh kerana harga minyak di pasaran antarabangsa sudah turun.

Lalu saya perlu memahami mengapa masih ada satu jumlah subsidi yang begitu tinggi dan sama ada ianya adalah untuk IPP ataupun untuk kegunaan ramai. Terima kasih.

5.09 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi itu saya hendak mengetahui bagaimana wang subsidi ini dibayar kepada sesiapa sama ada untuk petrol ataupun untuk diesel atau untuk bahan-bahan petroleum yang lain. Di sini saya nampak pihak kerajaan mempunyai dasar yang berbeza sebab tahun 2008 itu kita nampak harga petroleum naik turun. Kalau tidak silap saya empat lima kali naik turun.

■1710

Di sini pun kita ada kurangkan harga petroleum beberapa kali, empat kali kalau tidak silap saya. Adakah subsidi ini akan ditambahkan lagi ataupun akan dikurangkan memandangkan harga petroleum sekarang turun dengan banyak? Ini memang penting kerana yang pertama kita tidak boleh bergantung kepada subsidi untuk selama-lamanya. Kalau itulah dasar kerajaan dia hendak kurangkan subsidi bagaimana subsidi ini dapat dikurangkan. Sekian, terima kasih.

5.11 ptg.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan tentang perkara subsidi gas cecair diesel dan petrol ini. Adakah kerajaan bercadang untuk memaklumkan tentang jumlah subsidi utama dari segi gas memasak supaya dimaklumkan, bahawa satu tong gas itu harga sebenarnya RM45, tetapi dijual di pasaran cuma RM25 dan kalau kita berbuat demikian, maka barulah rakyat mengetahui bahawa hampir separuh daripada tong gas memasak yang kita gunakan setiap hari itu adalah merupakan subsidi daripada kerajaan. Pada pandangan saya subsidi ini terlalu besar. Pada tahun 2008 - RM34.1 bilion. Banyak, RM18 bilion subsidi minyak, RM6 bilion bantuan pelajar Orang Kurang Upaya, keluarga miskin RM3 bilion, makanan RM 7 bilion dan lain-lain bantuan. Pada tahun 2009 ini subsidi bertambah juga pada RM27.9 bilion dan dia merupakan satu lambang dan juga merupakan satu bukti bahawa kerajaan amat prihatin kepada rakyat dan ini patutlah dijelaskan sejelas-jelasnya kepada rakyat. Terima kasih.

5.12 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh mengenai perkara yang sama. Kita ucapkan terima kasihlah kepada rakyat yang mana wang rakyat digunakan untuk membayar subsidi ini bukan wang Barisan Nasional. Jadi kerajaan itu mengendalikan, tetapi tidak menjadi masalah.

Soalan saya pada akhir-akhir tahun lepas, harga minyak petrol yang kita bayar di pam dikatakan adalah lebih tinggi daripada harga yang sepatutnya. Kalau kita bayar RM1.80 sen, katakan bahawa harga sebenarnya RM1.36 sen. Jadi sebenarnya dikatakan kita sendiri telah memberikan subsidi pula kepada kerajaan kerana kita terpaksa membayar lebih. Jadi di mana keperluan RM772 juta kalau sebenarnya kita sudah membayar tambahan subsidi kepada kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

5.13 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini iaitu Maksud B.12 peruntukan untuk Kumpulan Wang Terkanun yang mana lebih daripada RM6 bilion yang diperuntukkan merupakan jumlah lebihan akaun hasil yang disatukan dan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan dicaj sebagai perbelanjaan di bawah Maksud B.12.

Saya ingin penjelasan, apakah kerajaan dari segi hasil untuk dimasukkan ke dalam akaun wang disatukan ini hasil-hasil cukai ini diasingkan daripada cukai hasil yang haram dan hasil yang halal. Sebab kita tahu daripada sumber pendapatan Kerajaan Persekutuan, ada cukai-cukai daripada judi dan sebagainya. Jadi perkara ini tidak seharusnya dicampur aduk dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan kerana ini adalah penting untuk keberkatan, sebab wang ini akan digunakan untuk membayar perbelanjaan dan gaji kakitangan seluruh negara.

Sekiranya wang ini tidak jelas, sudah tentulah akibatnya sangat besar, lebih daripada 20 juta rakyat akan menerima kesan. Jadi sebagai sebuah negara Islam seharusnya perkara ini dititikberatkan. Saya ingin penjelasan dari pihak kerajaan sejauh mana diasingkan pendapatan daripada sumber judi ini diasingkan daripada sumber-sumber yang lain di bawah wang yang disatukan. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin menyentuh juga mengenai dengan P.10 iaitu Perbendaharaan, Butiran 12000 - Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. Jadi saya ingin penjelasan bagaimanakah status yang ada sekarang ini selepas kerajaan bercadang untuk menjualnya dan ditangguhkan. Jadi sejauh mana kedudukan yang ada sekarang dan apa jaminan supaya perkara ini tidak diswastakan, minta penjelasan.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada enam orang Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa di bawah Kementerian Kewangan iaitu Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Rantau Panjang. Sebenarnya saya boleh jawab dengan keseluruhan.

Sebenarnya pada tahun 2008, oleh kerana kenaikan harga minyak mentah itu begitu mendadak, jadi pada Bajet 2008 kerajaan telah pun memperuntukkan pada mulanya subsidi bahan bakar iaitu diesel, petrol, gas cecair dan sebagainya sebanyak RM6.1 bilion. Akan tetapi kebenarannya adalah perbelanjaan subsidi untuk tahun 2008, mencatat angka RM16,871.41 juta dan pada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama kita pun telah tambah RM10 juta untuk membiayai subsidi bahan bakar ini dan kekurangan pada masa sekarang masih ada RM772.29 juta. Itulah wang yang kita terlebih belanja untuk subsidi minyak dan bahan bakar yang berjumlah RM16,871.41 juta ini.

Ini adalah *shortfall* kepada peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan dan subsidi ini bukan untuk IPP - tidak. Subsidi ini semuanya adalah untuk bahan bakar seperti RON97 untuk subsidi kepada stesen pam *fleet card* nelayan, RON 92, subsidi diesel, *fleet card* lori, bas dan juga subsidi diesel di stesen pam dan subsidi minyak diesel untuk nelayan, bot sungai dan sebagainya. Termasuk juga subsidi LPG. Subsidi LPG ini adalah untuk NGV iaitu untuk gas, untuk kenderaan dan juga gas untuk memasak. Yang Berhormat Kepong bertanyakan duit itu dibayarkan kepada siapa? Jadi bila kita pergi isi minyak di stesen minyak, kerajaan perlu beri subsidilah kepada semua orang yang menggunakan minyak dan sebagainya.

5.20 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh? Terima kasih atas jawapan yang jelas itu. Hanya saya ada sedikit kecurigaan kerana bila kita luluskan tambahan sebanyak RM10 bilion itu kita tidak menjangkakan bahawa dalam tempoh masa tiga bulan harga minyak akan turun. Mungkin saya tersilap kerana daripada ingatan, bila dinaikkan harga minyak kepada bulan enam. Harga minyak naik lagi tetapi selepas itu pada bulan sepuluh ia sudah mula turun. Bila kita luluskan bajet yang RM10 bilion yang pertama itu kita menjangka bahawa ianya tidak akan turun tetapi ianya turun.

Lalu bagaimana dalam keadaan di mana kita jangka ianya tidak turun dan kita punya bajet yang RM10 bilion itu adalah anggaran sehingga hujung tahun. Akan tetapi bila harga minyak itu turun itu kita masih perlukan tambahan. Patutnya bagi saya kira-kira, congak-congak bodoh ini saya menganggap bahawa kita akan ada penjimatan. RM10 bilion itu tidak habis kerana tiba-tiba harga minyak turun. Akan tetapi sebaliknya bila saya datang hari ini saya dengar bahawa tidak, kita hendak tambah lagi. Lalu *it just doesn't make a sense* dengan Tuan Pengerusi.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Sebenarnya kalau tidak silap ingatan saya harga minyak naik empat kali tetapi turun tujuh kali. Memang kiraan ini untuk satu tahun bukan untuk bulan sebelas atau bulan dua belas. Akan tetapi mula dari bulan Januari hingga ke bulan Disember. Jadi ini adalah angka keseluruhan untuk tahun 2008. Bukan diasingkan untuk bulan yang mana.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Maksud saya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kong Cho Ha: Saya faham, saya faham.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: RM10 bilion itu ianya kita jangka mencukupi sehingga hujung 2008 di mana kita jangka harga minyak tidak turun. Akan tetapi harga minyak turun. Macam mana yang RM10 bilion itu tidak mencukupi? Adakah kira-kira kita, anggaran kita asalnya tidak tepat?

Dato' Kong Cho Ha: Itu sebenarnya untuk Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang pertama jadi kita buat satu anggaran bahawa mungkin *shortfall* itu lebih kurang RM10 bilion. Akan tetapi malangnya itu tidak mencukupi. Jadi yang hari ini adalah *balances* kepada angka yang tidak cukup. Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang sebenarnya B.12 ini sepatutnya tidak dibahaskan kerana ini hanya dia memindahkan kumpulan wang disatukan kepada kumpulan wang pembangunan. Akan tetapi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang bagaimana kita memisahkan wang dari sumber dari mana semua, kita tidak memisahkan wang dari mana-mana sumber pun. Ini kerana cukai yang dikutip melalui LHDN ataupun melalui Jabatan Kastam dan sebagainya semua disatukan dan dimasukkan kepada satu tabung yang dipanggil Kumpulan Wang Disatukan.

Tuan Ahmad bin Maslan [Pontian]: Timbalan Menteri, mohon penjelasan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon penjelasan sikit.

Tuan Pengerusi: Yang mana satu?

Dato' Kong Cho Ha: Yang Berhormat Rantau Panjang soalan asal.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih. Jadi jelaslah di sini maknanya pihak kerajaan mengakui bahawa semua hasil-hasil judi ini dimasukkan ke dalam kumpulan wang yang disatukan. Jadi saya ingin penjelasan apakah perkara ini tidak dibincangkan sedangkan perkara ini adalah satu perkara yang besar. Saya ingin tahu berapakah jumlah hasil daripada sumber-sumber judi ini setiap tahun di masukkan ke dalam kumpulan yang disatukan dan ini sangat penting demi masa depan rakyat.

Tuan Ahmad bin Maslan [Pontian]: Perkara yang sama Timbalan Menteri. Pada dua minggu sudah saya secara peribadi ada bertemu dengan Menteri Kewangan II dan pegawai tinggi Kementerian Kewangan dan mencadangkan perkara disebut oleh Yang Berhormat Rantau Panjang supaya diasingkan perolehan daripada arak dan judi khasnya dalam satu akaun. Kemudian wang itu akan digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu dan tidak dicampurkan. Kita mencadangkan agar Timbalan Menteri menyatakan perkara ini kepada Menteri.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ini adalah diperuntukkan di bawah Perlembagaan negara kita iaitu semua sumber wang itu dimasukkan ke dalam kumpulan wang disatukan. Jadi pada masa sekarang itulah kaedah yang kita guna pakai dan tidak ada kaedah yang lain. Berkenaan dengan angka itu, saya mohon maaf bahawa pada masa sekarang saya tidak ada angka terperinci. Jadi berapakah, dari sumber manakah dan sebagainya. Berkenaan dengan B.10 iaitu berkenaan dengan IJN. Jadi sebenarnya *token sump* RM10 kita pun tidak membahasakan kepala itu. Akan tetapi penswastan IJN ini untuk makluman Yang Berhormat kerajaan pada masa sekarang tidak ada rancangan hendak menswastakan pada masa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM772,185,500 untuk Maksud B.11 dan RM6,294,501,146 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM772,185,500 untuk Maksud B.11 dan RM6,294,501,146 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM40 untuk Maksud P.10 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM40 untuk Maksud P.10 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

Maksud B.13 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri Terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM66,985,200 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM66,985,200 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P. 20 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] -

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan Komoditi. Oleh sebab P.20 hanyalah token sahaja ia tidak perlu dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] -

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asa Tani terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM100,000,010 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM100,000,010 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] -

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan B.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM196,090,087 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM196,090,087 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

■1730

Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] -

Tuan pengerusi: Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya ada maklumat mutakhir mengenai dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang dijadualkan di nombor lapan dibelakangkan ke nombor terakhir dalam susunan giliran kementerian-kementerian menjawab ke atas perbahasan di peringkat di Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009.

Maksud B.27 [Jadual] -

Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] -

Tuan Pengerusi: Kementerian Kerja Raya. Kepala Bekalan B.27 dan kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya dibuka untuk dibahas. Sila Kota Melaka.

5.33 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada bangkitkan tentang pembinaan Lebu Raya Pesisiran Pantai di Melaka ini, dalam gulungan dasar tidak nampak dijawab. Saya ingin menyentuh tentang P.27 Kementerian Kerja Raya iaitu 00700 Pembinaan Lain-lain Jalan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah peruntukan tambahan ini termasuk dengan pembinaan Lebu Raya Pesisiran Pantai di negeri Melaka, terutama bahagian yang menyambung Taman Melaka Raya dengan Padang Temu. Ini kerana amat penting untuk negeri Melaka, untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di tapak warisan Melaka iaitu di Taman Melaka Raya dan Jalan Taman.

Projek ini memang telah diluluskan oleh Persekutuan, tetapi dibina sebahagian demi sebahagian. Satu bahagian yang tidak siap bina beberapa tahun yang lepas ini dan sudah digunakan iaitu dari Taman Kota Laksamana menyambung Taman Melaka Raya. Satu lagi dari Kelebang Kecil iaitu Limbungan menyambung dengan Taman Kota Laksamana pun sudah siap dibina dan saya dapati akan dapat digunakan pada bulan Mei.

Akan tetapi kedua-dua bahagian ini tidak dapat mengatasi masalah besar iaitu masalah kesesakan lalu lintas di Tapak Warisan, terutama di Jalan Taman atau Dataran Pahlawan di Taman Melaka Raya. Hanya jika bahagian yang menyambung Taman Melaka Raya dengan Padang Temu, sekali gus dapat mengalihkan semua kenderaan dari utara ke selatan, melalui lebu raya ini tanpa masuk ke dalam bandar Melaka. Mungkin dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah projek pembinaan jalan ini termasuk dengan pembinaan Lebu Raya Pesisiran Pantai? Saya difahamkan oleh Kerajaan Negeri Melaka sudah lama memohon dan masih belum dapat kelulusan, terima kasih.

5.36 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.27, tambahan sebanyak RM60 juta diperlukan untuk membiayai kerja pembaikan pelbagai kerosakan jalan, jambatan dan cerun akibat banjir. Kira-kira dua minggu yang lepas, hujan lebat di Seremban khasnya Bukit Putus di Kuala Pilah, Jalan Seremban-Kuala Pilah. Saya hendak tahu sebahagian daripada jalan itu yang menghubungkan antara Seremban dan Kuala Pilah. Khasnya jalan penghubung ke arah pantai timur di Kuantan dan sebagainya, adalah satu jalan yang utama cerun-cerun bukit telah runtuh dan sebagainya.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian sama ada peruntukan kecemasan telah diturunkan atau diluluskan dan diturunkan kepada JKR negeri untuk membaiki jalan di Bukit Putus ini. Kalau ada saya harap boleh diberikan penjelasan dan juga butir-butir tentang peruntukan kecemasan tersebut.

Saya juga merujuk kepada P.27 Butiran projek 61000 - Naik Taraf Jalan-jalan Projek Baru iaitu peruntukan tambahan sebanyak RM220,461,000 untuk membiayai bayaran kemajuan bagi kerja-kerja menaik taraf jalan-jalan, mungkin yang dimaksudkan ialah projek-projek baru. Saya harap satu senarai projek-projek naik taraf jalan-jalan baru ini, boleh diberikan kepada Dewan yang mulia ini, terima kasih.

5.37 ptg.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada dua benda sahaja, pertama mengenai P.27 Perkara 71000 - Memperelok dan Membaik pulih Jalan. Di kawasan saya iaitu di Parlimen Sik ada dua jambatan yang terlampau sempit dan menimbulkan banyak masalah serta beberapa kali berlaku *accident* di atas jambatan tersebut. Jambatan sempit daripada Charok Tenang ke Gulau, dan keduanya jambatan sempit dari Jeneri ke Gajah Putih. Saya ingat perkara ini telah dipohon oleh pihak JKR sejak beberapa tahun yang lalu. Perkara kedua 61000 - Naik Taraf Jalan dan Projek Baru. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri, adakah tambahan yang dibuat ini melibatkan pembinaan Jalan Teloi Timur ke Padang Toi dan Batu Lima, terima kasih.

5.39 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, ini mengenai pembaikan pelbagai kerosakan jalan, jambatan dan cerun akibat banjir. Ini kerana pada tempoh hari banjir berlaku dekat sini di PWTC dekat sini saja, dan banyak kereta sudah tenggelam. Masalahnya banjir itu daripada Sungai Klang.

Saya hendak bertanya bagaimana dan setakat mana pihak kementerian dapat memperbaiki kerosakan parit, kerosakan jalan di kawasan ini? Bukan sahaja di sini, malah di banyak tempat di Wilayah Persekutuan juga yang mengalami banjir. Inilah sama ada RM60 juta ini termasuk di dalam kerja untuk memperbaiki kerosakan akibat banjir di Wilayah Persekutuan pada akhir ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Habis dah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gombak.

■1740

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada P.27 Kementerian Kerja Raya. Baru-baru ini kementerian ada mengumumkan satu peruntukan tambahan sebanyak RM60 juta untuk menyelenggara kerja-kerja membaik pulih cerun dan kawasan lereng bukit di Bukit Antarabangsa ekoran tragedi tanah runtuh pada 6 Disember 2008 yang lalu. Akan tetapi saya tidak nampak butiran tersebut disenaraikan di dalam Kementerian Kerja Raya dalam perbahasan pada petang ini. Yang keduanya dalam konteks yang sama Kepala P.27 – Kementerian Kerja Raya. Ekoran tragedi tanah runtuh, saya telah bangkitkan beberapa hari yang lalu di mana kementerian telah menjanjikan supaya satu laporan yang komprehensif akan dikemukakan kepada penduduk-penduduk dan pemilik hartanah di Bukit Antarabangsa.

Oleh kerana mereka agak bimbang tentang keselamatan penduduk-penduduk dan pemilik di kawasan yang berkenaan khususnya berkenaan dengan struktur tanah yang telah mengalami tragedi tanah runtuh baru-baru ini. Dalam jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri dua hari yang lepas, dikatakan Yang Berhormat Menteri akan dimaklumkan akan perkara ini. Akan tetapi saya masih belum menerima jawapan daripada kementerian. Ini satu perkara yang cukup mendesak kerana tempoh yang diberikan selama tiga bulan telah pun luput pada awal Mac yang lalu. Akan tetapi pemilik hartanah di Bukit Antarabangsa masih belum menerima jawapan yang dapat memberikan jaminan kepada mereka tentang masa depan keselamatan penduduk dan pemilik hartanah yang berkenaan.

Yang keduanya, sekiranya laporan ini tidak diberikan dengan segera dalam keadaan kegawatan ekonomi pada hari ini harga hartanah di kawasan tersebut terus merudum dengan lebih teruk lagi. Justeru itu saya berharap kementerian dapat menggunakan kesempatan ini untuk memperincikan di manakah butiran RM60 juta yang telah dijanjikan untuk membaik pulih cerun-cerun dan lereng bukit di Bukit Antarabangsa. Apakah kedudukan laporan yang telah dijanjikan oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

5.43 ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, P.27 – Pembinaan Lain-lain Jalan. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berhubung dengan satu projek jalan di dalam kawasan saya yang melibatkan satu jalan yang merentasi Kampung Tersusun Air Kuning di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Kampung Gajah. Masalah jalan ini telah pun dialami oleh penduduk di kawasan tersebut terutamanya di kalangan pelajar-pelajar yang pergi ke sekolah. Begitu juga oleh pekebun-pekebun kecil dalam pengeluaran hasil-hasil kebun, *small holders*. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, projek ini telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak pada tahun 2007 lagi.

Akan tetapi nampaknya ianya tidak dijalankan mengikut sebagaimana yang dijadualkan. Jadi saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberikan perhatian segera dalam hal ini kerana pada saya berasa amat simpati kepada anak-anak, pelajar-pelajar dan juga pekebun-pekebun kecil. Terima kasih.

5.44 ptg.

Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.27 - Kementerian Kerja Raya ini ada dua. Satunya ialah lebuh raya antara Pasir Puteh ke Tok Bali yang saya nampak macam lambat untuk disiapkan. Kawasan ini ialah kawasan banjir, jadi kalau terlalu lambat menyebabkan banyak lagi kerosakan yang berlaku. Ada apa-apa masalah kah yang menyebabkan kelambatan projek ini untuk disiapkan. Yang keduanya ialah jambatan di antara Pasir Puteh ke Semerak di Kampung Puyu yang telah lama terbengkalai. Jadi saya ingin tahu bilakah projek ini dapat disiapkan kerana ia melibatkan jalan yang besar dan juga penduduk yang terlalu ramai. Terima kasih.

5.45 ptg.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada berhubung kepada 07000 dan 07100 - Pelebaran Jalan Antara Pendang ke Sungai Tiang iaitu mengikut tender yang dikeluarkan pada 12 Julai 2005 dan ditutup pada 4 Ogos 2005, dan sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Menteri Kerja Raya pada ketika itu iaitu Dato' Seri S. Samy Vellu dan dinyatakan di dalam surat khabar Berita Harian pada 21 Mei 2005. Projek itu akan dijalankan pada penghujung tahun 2005 tetapi saya ingin bertanya sampai sekarang masih belum lagi dijalankan di mana mengikut warta kerajaan negeri, pengambilan tanah telah pun dijalankan iaitu mengikut Akta 431. Jadi saya harap mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

5.46 ptg.

Dr. Lo' Lo' Mohamad binti Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 71000 - Memperelok dan Membaik Pulih Jalan. Ini antara Jalan Tun Razak iaitu berhampiran dengan Bulatan Jalan Pahang sebelah dengan hentian Bas Jalan Pekeliling. Semua orang tahu *bottle neck* di situ daripada Jalan Tun Razak, daripada Sungai Besi pun kenderaan-kenderaan semua akan tersangkut di situ. Jadi saya ingin bertanya sangat ini, sudah banyak sangat sudah rakyat saya bertanya. Apakah perancangan dan tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini yang saya ingat begitu kronik. Terima kasih.

5.47 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyoentuh Maksud B.27 - Kementerian Kerja Raya ini iaitu berkaitan dengan pembesaran jalan di kawasan sempadan iaitu bagaimana Parlimen saya merupakan kawasan yang bersempadan dengan Thailand dan dia merupakan pintu masuk utama. Akan tetapi kita lihat jalan yang membawa pintu masuk ke negara kita ini amat sempit berbanding dengan jalan yang di sebelah Golok, Thailand. Tambahan pula, apabila musim perayaan dan sebagainya, jalan ini sangat sesak. Jadi saya mengharapkan supaya dipertimbangkan peruntukan untuk membesarkan jalan di pintu masuk ini. Begitu juga jalan-jalan menuju ke *border* ini dan begitu juga lampu-lampu jalan yang kita kira sangat tidak mencukupi. Terutama di sekitar pekan yang tidak sepatutnya kita sebagai pekan yang berada di sempadan menjadi tumpuan pelancong tetapi pekannya sangat gelap.

Jadi saya minta supaya jalan-jalan persekutuan ini diletakkan lampu-lampu jalan. Begitu juga saya minta supaya jalan menuju ke Pantai Timur ini iaitu banyak jalan-jalan lebuhraya ke Pantai Timur ini tidak rata supaya pihak Kementerian Kerja Raya memberi perhatian supaya diperelok lagi jalan ini. Begitu juga selekoh-selekoh yang begitu banyak yang sangat bahaya kepada keselamatan awam. Jadi apa perancangan pihak kementerian supaya mengurangkan selekoh yang boleh membawa bahaya ini. Terima kasih.

5.49 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak terima kasih kepada 10 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyoentuh perkara-perkara dalam Kementerian Kerja Raya untuk peruntukan tambahan. Sebenarnya kali ini *supplementary budget* telah pun dibelanjakan dan untuk projek-projek seperti yang dalam RM60 juta ini adalah untuk memperbaiki kerosakan dalam tahun 2008, di mana kita memperuntukkan RM27.46 juta untuk Sarawak dan RM30.54 juta untuk Sabah dan RM2 juta untuk Labuan supaya kita memperbaiki kerosakan-kerosakan akibat banjir pada awal-awal tahun 2008. Kita tahu di Sarawak, Sabah telah pun dilanda banjir. Bukan sekali tetapi tahun 2008 dua kali, tahun ini pun dua kali.

■1750

Peruntukan kita pohon kali ini ialah kelulusan untuk membayar apa yang telah pun dibelanjakan. Kesepuluh-sepuluh Yang Berhormat kita yang telah pun memohon mendaftar, *register request* mereka, saya akan ambil perhatian sebab khususnya kepada Gombak, baru dua hari kita telah pun dengar fasal laporan ini, saya sampai hari ini belum jumpa Yang Berhormat Menteri. Saya sendiri tiap-tiap hari di Parlimen sampai pukul 10 malam. Tidak bolehlah, belum dapat jumpa.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan boleh Yang Berhormat Menteri? Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi ini wang yang telah dibelanjakan. Kenapa tidak belanja projek yang telah diluluskan? Kalau projek yang baru hendak mohon tidak mengapalah. Ini projek yang telah diluluskan dan telah dilancarkan pun dengan meriahnya, dengan gendangnya, dengan itunya, dengan khemahnya, makan-minumnya. Nasib baiklah pilihan raya di situ menang. Kalau tidak? Bukankah rugi sahaja semua itu. Tolong jelas kenapa tidak belanja kepada projek yang telah diluluskan? Terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Pengerusi, ini adalah projek-projek yang di luar dari jangkaan kita. Dalam banjir, jalan-jalan jambatan telah dirosakkan dan kita perlu memperbaikinya dan kita bayar, minta kelulusan untuk membayar dan telah pun dibuat sedemikian. Begitu juga bagi Yang Berhormat Pasir Salak, saya tidak tahulah bagaimana hendak jawablah... [*Dewan riu*][*Ketawa*] Itu memang yang kita buat projek yang telah siap, kita bayarlah. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tahu dari penjelasan Yang Berhormat tadi, maknanya peruntukan ini untuk memperbaiki kerosakan jalan akibat banjir dan di sini Yang Berhormat nyatakan bahawa untuk di Sabah, Sarawak dan Labuan kerana mengalami banjir dua kali. Kawasan saya mengalami banjir tahun lepas tiga kali. Kenapa tidak dimasukkan dalam peruntukan ini? Minta penjelasan.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, sebenarnya kita ada pergi ke seluruh negara di mana tempat, jalan-jalan, jambatan yang telah dirosakkan akan juga kita perbaikinya. Kali ini kita buat untuk Sabah, Sarawak, Labuan. Ada juga akan dibaiki susulannya lain kali secepat mungkin. Pasal...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada buat rujukan kepada Gombak. Saya juga membuat siasatan. Saya dimaklumkan Yang Berhormat Menteri baru pulang dari Thailand, 16 hari bulan yang lalu iaitu dua hari yang lepas. Tempoh dua hari itu panjang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab tragedi ini berlaku pada 6 Disember 2008. Yang Berhormat Menteri menjanjikan dalam tempoh tiga bulan laporan ini akan diumumkan. Tiga bulan sudah luput. Ini bukan satu perkara yang baru saya bangkitkan.

Saya peringatkan tiga hari yang lalu tetapi tarikh luputnya sudah lama. Sepatutnya kementerian sekiranya telah pun menyelesaikan siasatan dan laporan ini bersama IKRAM dan cawangan cerun JKR dan agensi yang lain dapat segerakan kerana ini masalah keselamatan penduduk dan pemilik hartanah di kawasan yang berkenaan. Mereka saban hari tidak dapat tidur nyenyak Tuan Pengerusi, memikirkan struktur tanah khususnya di musim hujan ini, apakah kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku. Mereka meletakkan sandaran kepada pihak kementerian, IKRAM, cawangan cerun, berdasarkan janji yang dibuat oleh kementerian.

Kalaupun Yang Berhormat Menteri berada di Thailand, saya yakin dengan kemampuan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengambil perkara ini secara serius memastikan laporan ini dapat dibentangkan secara terbuka untuk keselamatan penduduk dan pemilik hartanah di Bukit Antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, terima kasihlah Yang Berhormat Gombak. Jawapan saya sama. Saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri... [Ketawa] Sebab saya tidak... [Disampuk] Jawapan yang samalah. Apa yang telah dibangkitkan oleh sepuluh orang Ahli Yang Berhormat tadi seperti Yang Berhormat Kota Melaka adalah hendak tahu kemajuan jalan pesisir pantai dan seterusnya Yang Berhormat Rasah juga mengenai jalan di Seremban ke Kuala Pilah. Ini semua kita akan ambil catatan oleh pegawai.

Yang Berhormat Sik juga mengenai jambatan yang sempit dan banyak kemalangan. Yang Berhormat Pasir Salak juga tadi tentang masalah jalan dan Yang Berhormat Rantau Panjang, saya faham sebab ini adalah sempadan dengan negara jiran di sana. Sebelah sana jalannya baik, sebelah sini jalannya kecil. Kita akan ambil perhatian serius kepada ini untuk menggalakkan pelancongan. Apa yang saya tidak dapat jawab, kita ambil catatan.

Sebenarnya betul sebab ini bukan dalam butiran dasar. Sebenarnya kita akan timbulkan ini dan dalam Butiran RM60 juta untuk Sarawak, Sabah dan Labuan, dan RM20 juta lebih itu adalah untuk membayar kemajuan fizikal kerja-kerja dalam projek yang telah pun siap lebih awal atau *progress payment* yang telah pun dibuat oleh sebab kerjanya cepat dan kita perlu bayar wang. Tuan Pengerusi, ini sahaja saya boleh jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM60,000,000 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM60,000,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM34,541,083 untuk maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM34,541,083 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

**Maksud B.28 [Jadual] –
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan(tamb.)(Bil.1)2008]-**

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Rasah.

5.59 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membangkitkan satu persoalan di bawah P.28, Butiran Projek 00900 - Meningkatkan Keupayaan KTM yang memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM500,000,000 untuk bayaran-bayaran kemajuan kerja bagi projek-projek landasan kereta api berkembar. Saya hendak merujuk khusus kepada projek landasan kereta api berkembar Seremban-Gemas yang saya pernah bangkitkan dua hari lepas berkenaan dengan pampasan atau bayaran ehsan kepada setinggan-setinggan yang terlibat yang perlu dipindahkan dan sebagainya. Saya difahamkan bahawa pada hari Sabtu lepas satu majlis pembayaran wang ehsan telah dijalankan di Seremban khususnya kepada setinggan-setinggan yang duduk di kawasan Sungai Gadut iaitu satu kawasan yang terlibat dalam projek landasan kereta api berkembar ini.

■1800

Akan tetapi di bahagian Negeri Sembilan jajaran itu agak panjang dan ada melibatkan banyak kawasan setinggan dan ramai penduduk yang terlibat. Saya tidak pasti dalam majlis minggu lepas sama ada bayaran ihsan itu hanya kepada penduduk-penduduk di Sungai Gadut ataupun di seluruh jajaran di Seremban. Saya ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri apakah status terkini pelaksanaan projek ini dan khususnya status pembayaran pampasan dan wang ihsan ini kepada mereka yang terlibat. Saya harap satu jawapan yang lebih terperinci dapat diberikan. Terima kasih.

6.01 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, sungguhpun saya tidak mahu terikat dengan butiran yang diberikan kerana semasa perbincangan dalam dasar saya ada minta satu pertanyaan iaitu tentang permohonan oleh Kerajaan Negeri Melaka tentang satu projek monorel dan satu trem di Bandar Melaka. Adakah permohonan ini telah disampaikan ke kementerian? Kalau boleh minta penjelasan dan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

6.02 ptg.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya pendek sahaja, Tuan Pengerusi. Saya hendak tuju kepada Maksud B.28 ini yang berjumlah RM203 bilion. Saya hendak bertanya yang pertamanya sebanyak RM136 juta itu adalah untuk membiayai bayaran akhir subsidi kepada Fly Asian Express Sdn. Bhd. Saya ingin tahu kenapa kita kena memberi subsidi kepada syarikat ini dan apa keuntungannya kepada rakyat dan negara ini? Saya juga hendak bertanya yang kedua itu iaitu sebanyak RM67 bilion itu, kenapa geran disalurkan kepada ini dan kenapa tidak diberikan pinjaman. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

6.03 ptg.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Ong Tee Keat]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat jawatankuasa bagi perbahasan perbekalan tambahan ini. Sesungguhnya Yang Berhormat Rasah pernah membangkitkan soalan yang sama tempoh hari dan saya terlupa hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat tempoh hari walaupun apa yang dibangkitkan itu adalah terkeluar daripada butiran yang dibahaskan. Sesungguhnya pampasan ataupun *exgratia payment* lebih tepat dalam pengertiannya, untuk setingan-setingan yang dimaksudkan itu iaitu yang terbabit dalam projek *double tracking* antara Seremban dengan Gemas juga tidak terangkum dalam perbekalan tambahan ini.

Walaupun demikian suka saya hendak memaklumkan bahawa majlis penyerahan wang *exgratia* ataupun pampasan yang berlangsung pada hari Sabtu yang lalu sesungguhnya adalah berteraskan kepada banciaan yang pernah dibuat sebelum ini mengikut perjanjian yang dibuat ataupun persetujuan yang telah pun tercapai di antara pihak kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Sekiranya masih terdapat lagi setingan-setingan yang tercicir maka saya boleh memaklumkan Yang Berhormat bahawa pasti sesiapa yang tertinggal itu pihak kementerian dan juga pihak KTMB akan bertindak dengan sewajarnya agar mereka ini tidak terkilan. Itu memang cukup jelas saya cakap di sini asalkan kes yang berbangkit itu adalah *genuine*, dengan izin.

Yang Berhormat Kota Melaka juga membangkitkan sesuatu yang tiada dalam butiran perbekalan tambahan kali ini iaitu monorel. Sebenarnya rancangan ataupun *proposal* dengan izin, yang berkaitan dengan monorel di Kota Melaka pernah di bawa kepada kementerian saya dan satu taklimat telah pun diberi. Pada masa yang sama saya difahamkan bahawa projek ini sekiranya dapat dibuat ia akan dibuat secara PFI dan pihak kementerian saya telah pun memberikan projek ini tiada halangan ataupun kelulusan, pada dasarnya.

Yang Berhormat Sekijang bangkitkan dua soalan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, tentang trem, bagaimana?

Dato' Sri Ong Tee Keat: Trem tidak termasuk cuma monorel sahaja. Yang Berhormat Sekijang membangkitkan kedua-dua soalan yang ada kaitan dengan butiran perbekalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih. Sesungguhnya penerbangan yang dikendalikan oleh Fly Asian Express Sdn. Bhd. (FAX) sebelum tamat perkhidmatannya adalah khas untuk penerbangan di kawasan pedalaman dan juga kawasan desa khasnya di negeri Sabah dan Sarawak. Ia diistilahkan sebagai *rural air service* (RAS) dalam bahasa Inggeris, dengan izin. Ini adalah satu-satunya obligasi sosial yang perlu dipikul oleh pihak kerajaan yang melalui pengendalinya agar dapat memberikan khidmat penerbangan awam kepada penduduk-penduduk di kawasan pedalaman.

Walaupun kita sedia maklum bahawa...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Dato' Sri Ong Tee Keat: Nanti sekejap. Walaupun kita sedia maklum bahawa biasanya sektor-sektor laluan di kawasan pedalaman ataupun kawasan desa seperti yang disebutkan itu adalah sektor-sektor yang tidak membawa keuntungan kewangan. Walaupun demikian pihak kerajaan tetap mengekalkannya dengan memberikan syarikat pengendali apa yang digelar sebagai bayaran subsidi. Itulah sebabnya bila Yang Berhormat nampak terdapat perkataan "subsidi" yang diberikan kepada FAX ini sesungguhnya adalah kuantum kerugian yang ditanggung oleh pihak pengendali.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan bahawa *Fly Asian Express* ini telah pun memberhentikan perkhidmatannya hanya enam bulan sahaja dan selepas itu diserahkan kepada MAS.

Jadi, kalau enam bulan, kosnya yang lebih kurang RM136 juta ini saya rasa agak tinggi juga ditanggung oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, saya ingat Sekijang ini kena pakai *spec* tebal sikit... *[Ketawa]* Saya cuma hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri untuk Maksud B.28 perenggan (i) ini ada di bawah ini disebut bahawa jumlah ini telah diluluskan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka, sebarang penjimatan belum lagi dapat dikenal pasti pada masa itu. Memandangkan sekarang ini harga minyak telah pun turun dan saya difahamkan RM136 juta adalah subsidi berbentuk untuk minyak. Adakah sebarang penjimatan yang telah kita kenal pasti akan dapat kita kira setakat ini. Sekiranya ada berapa dan bagaimanakah kita hendak mengembalikan dalam jumlah kepada pinjaman yang telah didahulukan oleh Kumpulan Wang Luar Jangka ini? Terima kasih.

Dato' Sri Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sesungguhnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi iaitu soal subsidi minyak tidak timbul pada ketika itu. Yang saya maksudkan itu ataupun jumlah sebanyak RM136 juta subsidi itu adalah untuk menampung kerugiannya dalam tempoh 1 Ogos 2006 hingga ke...

■1810

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Menteri, subsidi ini untuk minyak...

Dato' Sri Ong Tee Keat: Nanti dulu, jangan menyampuk. Hingga bulan Mac 2007. Soal subsidi minyak akibat meningkatnya harga minyak itu sesungguhnya belum lagi berlaku dalam tempoh yang saya maksudkan. Janganlah Yang Berhormat campur aduk ataupun hubung kaitkannya sebab jumlah RM136 juta itu seperti mana yang saya sebutkan tadi adalah kerugian yang ditanggung oleh Fly Asian Xpress Sdn. Bhd. dalam usaha memberikan khidmat *rural air service* di Sabah dan Sarawak.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey, terima kasih. Kalau kerugian, kita sepatutnya menamakan *title* sebagai pampasan. Sekarang ini disebut sebagai membiayai bayaran akhir subsidi. Bermakna ada satu strata jumlah subsidi yang kita berikan kepada Fly Asian Xpress Sdn. Bhd. ini. Sebab itu saya tanyakan tadi, kalau bentuk subsidi, bermakna subsidi yang paling munasabah sekali ialah untuk menampung kenaikan harga minyak untuk pengendalian penerbangan tersebut.

Yang saya berminat hendak bertanya berkenaan dengan penjimatan sebagaimana yang disebut, sekiranya ada penjimatan, kita hendak tahu berapa jumlahnya. Kalau tidak ada, maksudnya jumlah ini terpaksa kita luluskan dan memang pun telah diluluskan barangkali untuk dianggap sebagai subsidi kepada Fly Asian Xpress. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, rupa-rupanya Yang Berhormat Indera Mahkota masih kurang faham tentang apa yang saya jelaskan tadi. Yang saya maksudkan itu kalaulah mengikut pecahan yang ada pada saya di sini, iaitu kerugian yang ditanggung oleh FAX Sdn. Bhd. dalam tempoh 1 Ogos 2006 hingga 30 Jun 2007 adalah sebanyak RM72.345 juta, sedangkan kerugian dalam tempoh 1 Julai 2007 hingga 30 November 2007 adalah RM62.79 juta. Yang Berhormat membangkitkan kembali soal subsidi minyak dan itu pun...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Dato' Sri Ong Tee Keat: Saya hendak jelaskan, Yang Berhormat, sabar. Ianya tidak berbangkit seperti mana yang saya jelaskan tadi, sebab kerugian yang saya maksudkan itu...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Dato' Sri Ong Tee Keat: Nanti dulu, sila duduk. Kerugian yang saya maksudkan itu sesungguhnya membabitkan elemen *revenue*, dengan izin, *net revenue* ditolak *cost of sales*, dengan izin, dan ditolak pula *operating expenses* ataupun perbelanjaan operasinya. Pada masa itu sesungguhnya soal harga minyak melambung naik belum lagi berlaku.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Jadi Yang Berhormat Menteri maksudkan memang ada *in advanced*, dengan izin, perjanjian yang mana kerajaan akan bertanggungjawab untuk membuat pampasan ataupun menggantikan sebarang kerugian yang akan ditanggung oleh Fly Asian Xpress Sdn. Bhd. ini dibuat terlebih dahulu. Maksudnya kita janjikan ataupun kita *guaranteed* sekiranya berlaku kerugian, kerajaan akan menggantikan kerugian tersebut.

Dato' Sri Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, ya sebenarnya sampai hari ini pun sebarang penerbangan awam ke kawasan pedalaman dan kawasan desa di bawah RAS (*rural air service*) sememangnya disubsidikan oleh kerajaan. Dahulu FAX Sdn. Bhd. yang menanggung kerugian dan diberi subsidi seperti yang tertera di sini dan sekarang pula bilanya diambil alih oleh MASwings, iaitu anak syarikat kepada MAS pun sama juga keadaannya.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang tadi, iaitu RM67 juta kepada syarikat Spirit Aero Systems Incorporated. Suka saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa RM67.6 juta itu sesungguhnya adalah satu jumlah tambahan yang diberi sebagai insentif kepada pelabur asing, agar dapat menarik syarikat yang berkenaan melabur dalam industri yang berupa *aero nautical* ini di Subang Airport kita.

Ini pun tidak boleh kita campur aduk dengan apa yang disifatkan tadi oleh Yang Berhormat, iaitu kenapa tidak kita bagi dia dalam bentuk yang lain sebab ini bukan satu pinjaman, tetapi sebaliknya ia adalah satu insentif yang dikhususkan kepada pelabur, khususnya mereka yang berupa *pioneer*, dengan izin, ataupun perintis dalam sesuatu bidang.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jasin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Sri Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, setakat ini sahaja saya dapat jawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM203,600,000 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM203,600,000 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM500,000,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM500,000,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Gombak.

6.18 ptg.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud P.29, Butiran 09100 berhubung Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor.

Tuan Pengerusi, pada 10 Mac yang lalu dalam titah Tuanku Sultan Selangor ketika merasmikan Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor telah bertitah supaya rundingan di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dapat disegerakan.

Ini supaya masalah bekalan air bersih kepada rakyat negeri Selangor ini dapat diselesaikan dengan segera dan tidak dibebankan kepada rakyat negeri Selangor.

Seperti kita sedia maklum pada 31 Mac 2009 ini, sekiranya rundingan di atas Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri tidak dapat diselesaikan, tarif kadar air di negeri Selangor akan dinaikkan kepada 37 peratus sehingga mencecah harga RM1.90 sen satu liter padu di negeri Selangor. Lebih mahal daripada harga petrol, Tuan Pengerusi. Sebab itu Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil ketetapan bahawa rundingan ini perlulah disegerakan dalam semangat prinsip *federalism* yang telah saya nyatakan pada pagi ini.

Malangnya pada 4 Mac 2009, Yang Berhormat Menteri telah tampil dalam Dewan Rakyat dan mengatakan pada muka surat 49 Hansard yang telah diedarkan, bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor telah menulis surat kepada beliau dan menyerahkan rundingan ini kepada pihak SPAN ataupun Syarikat...

■ 1820

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Minta penjelasan. Saya mahu buat sedikit pembetulan, Yang Berhormat Gombak. Satu liter dan satu meter kubik padu ini tidak sama. So, minta pembetulan ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat PJS.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gombak, ada tercatat bahawa peruntukan hanya RM10 dan kebiasaannya token kita tidak bahas, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak boleh bahas?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh dibahaskan, Yang Berhormat. Untuk perbahasan kali ini, ia tidak boleh dibahas kerana ia RM10 dan RM10 adalah token. Yang Berhormat boleh membahaskan Perkara 10(2) dan 10(3).

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Bahas yang mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jabatan Panggilan Kecemasan dan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi, boleh.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini tidak ada kena mengena dengan air Selangor, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tetapi Selangor RM10, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya, tetapi ini satu isu yang besar yang belum diselesaikan dan kita hanya mempunyai tempoh dua minggu sahaja lagi sebelum kadar tarif air dinaikkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau saya izinkan pun Yang Berhormat Menteri tidak akan menjawab kerana ia adalah token, Yang Berhormat. Ia untuk keperluan peraturan mesyuarat. Ia tidak perlu dibahas kerana cuma diperuntukkan RM10 sebagai token.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kalau tidak dapat dibahaskan Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hadir dapat menyampaikan kepada Menteri yang berkenaan supaya rundingan ini dapat diselesaikan dalam masa yang singkat dan harga yang telah ditawarkan oleh kerajaan negeri kepada keempat-empat konsesi itu adalah harga yang cukup berpatutan sebanyak RM5.7 bilion sedangkan Kerajaan Pusat cuba mengasak kerajaan negeri supaya membayar RM9 bilion. Yang ini tidak dapat kita terima kerana ia akan membebankan rakyat negeri Selangor dengan satu tarif yang cukup tinggi dan sudah tentulah rakyat Selangor tidak dapat membayarnya.

Oleh itu Tuan Pengerusi, saya akur dengan arahan Tuan Pengerusi. Walau bagaimanapun, saya berharap kementerian dapat mengambil inisiatif atas semangat *federalism* yang telah kita bahaskan supaya perkara ini memberikan manfaat kepada rakyat negeri Selangor keseluruhannya tanpa memikirkan pertimbangan politik yang sering dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

6.22 ptg.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh kementerian agar Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi atau HHBB ini sampai jangkauannya ke kawasan-kawasan pekan dan juga desa-desa dan bukan hanya dinikmati oleh mereka yang berada di kota. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada P.29, Butiran 70022 - Projek Perkhidmatan Panggilan Kecemasan atau PPK yang memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta untuk membiayai projek ini. Saya ingin mendapatkan sedikit maklumat daripada pihak kementerian mengapa projek ini memerlukan satu perbelanjaan yang begitu besar sekali kerana dia kata peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta. Maksudnya sebelum ini sudah ada peruntukan yang lebih dan sekarang tambah pula RM100 juta. Maksudnya projek ini memerlukan lebih daripada RM100 juta.

Saya harap pihak kementerian boleh memberikan penjelasan mengapa satu projek yang mengintegrasikan nombor-nombor kecemasan ini memerlukan satu perbelanjaan yang begitu besar sekali. Yang kedua saya juga hendak mendapatkan penjelasan bagaimana perkhidmatan panggilan kecemasan ini berfungsi. Sama ada pusat panggilan itu berpusat di Kuala Lumpur atau di tiap-tiap negeri dia ada pusat panggilan dia. Saya bagi contoh masalah yang akan timbul. Katakan kalau ada kecemasan di kawasan saya di Seremban. Kalau pusat panggilan itu berada di Kuala Lumpur, apabila pemanggil itu memberikan butir-butir berkenaan dengan tempat kecemasan itu, mungkin yang menerima panggilan itu di Kuala Lumpur. Dia tidak faham kedudukan geografi di kawasan saya di Seremban ataupun di tempat-tempat lain.

Jadi apabila mereka memberikan maklumat itu kepada pusat panggilan itu, mungkin maklumat yang diberikan itu tidak boleh disampaikan dengan tepat kepada jabatan-jabatan ataupun badan-badan yang sepatutnya mengambil tindakan. Setakat ini, saya bagi contoh umpamanya untuk TNB. Panggilan 15454 untuk aduan kerosakan lampu jalan. Kadang-kadang kita menelefon kepada panggilan TNB ini, 15454, apabila aduan diterima tetapi kadang-kadang maklumat yang diterima itu tidak sampai dan mereka tidak dapat mengambil tindakan kerana apabila mereka memberikan alamat taman perumahan, mungkin kadang-kadang nama taman perumahan itu ada beberapa taman yang mempunyai nama yang sama di negeri lain.

Jadi apabila kita membuat aduan itu, mungkin penerima aduan itu tidak mendapat maklumat yang tepat. Jadi saya harap pihak kementerian boleh memberikan sedikit penjelasan bagaimana perkhidmatan panggilan kecemasan ini berfungsi dan sama ada setiap ibu negeri ada pusat panggilan kecemasannya supaya setiap panggilan kecemasan itu dapat disalurkan kepada badan yang sepatutnya bertanggungjawab untuk mengambil tindakan untuk mengambil tindakan secepat mungkin dan setepatnya.

Yang kedua saya juga ingin mendapatkan sedikit penjelasan mengenai Butiran 70023 - Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi atau SHBB yang memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta. Apakah status terkini projek ini dan bilakah ia akan dapat disiapkan dan dapat di beri perkhidmatannya kepada pengguna-pengguna di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh, ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh lagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tadi tidak kira.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah kira. Sudah masuk.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Sudah masuk?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh dua kali bangun.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tadi tidak boleh bahas. Sekarang boleh bahas tetapi tidak boleh bahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, Yang Berhormat sudah bangun. Sudah selesai. Tidak boleh bangun lagi.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Boleh, boleh. Yang Berhormat Kepong kata boleh, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya bagi Yang Berhormat Pendang, ya. Yang Berhormat Pendang.

6.26 ptg.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan yang ingin saya timbulkan lebih kurang sama dengan Yang Berhormat Rasah iaitu daripada pengalaman saya sendiri berhubung dengan Butiran 70022 - Perkhidmatan Panggilan Kecemasan. Kita tahu bomba dia ada 994, polis 999 dan juga ambulans ada nombornya. Masalahnya apabila kita menghubungi nombor ini, mungkin seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Rasah dia pergi ke pusat. Bila pergi pusat hendak sampai ke tempat berlakunya kecemasan itu lambat. Pengalaman saya, kebakaran berlaku dan saya buat *report*. Ia sampai ke Kuala Lumpur, Kuala Lumpur pergi ke Penang dan Penang balik ke Alor Star. Kemudian Penang telefon Alor Star...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sejam selepas kebakaran berlaku baru bomba sampai. Jadi saya harap perkara ini perlu diberi perhatian dan saya ingin....

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Pendang, bagi saya mencelah. Kalau tidak saya tidak dapat sekejap lagi.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Boleh.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sambut cadangan Yang Berhormat Rasah dan Pendang sebentar tadi. Ini yang ada saya bangkitkan pagi tadi Tuan Pengerusi di mana saya ingin mencadangkan kalau boleh Kerajaan Pusat dapat membentuk pusat perkhidmatan panggilan bersepadu di mana ia melibatkan PBT, pihak polis, 999 dan juga agensi-agensi yang lain kerana kalau kita terima sebagai contoh di MPSJ Tuan Pengerusi, ada *command centre* yang hanya melibatkan PBT dan PDRM. Maka setiap kali kita menerima panggilan tersebut, *local council* dan juga pihak polis dengan kemudahan GIS, GID, CCTV dan *command centre* yang bersepadu ini, kita dapat *locate* ataupun *identify the nearest* kereta-kereta peronda polis untuk bergegas ke tempat kejadian tersebut kalau berlaku sama ada pergaduhan ataupun kecurian dan jenayah yang lain.

Maka ia lebih cepat, pantas dan dengan kalau kita dapat membentuk satu pusat perkhidmatan panggilan yang bersepadu ini, kita boleh *reduce response time* untuk bergegas ke tempat kejadian. Maka kita dapat menyelamatkan nyawa, kita dapat menyelamatkan kes jenayah yang mungkin berlaku dengan kepantasan pihak yang berwajib untuk bergegas ke tempat kejadian.

Malangnya sehingga hari ini, Kerajaan Pusat belum lagi memberikan kerjasama yang baik untuk peruntukan *command centre* yang bersepadu dan melibatkan agensi-agensi tempatan termasuk PBT, PDRM, bomba, ambulans dan 999.

Kalau ini dapat kita laksanakan, saya percaya masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang dan juga Yang Berhormat Rasah tadi dapat kita selesaikan. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi kerana saya dapat memberikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tanya apa pendapat Yang Berhormat Pendang.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Apa pandangan Yang Berhormat Pendang dalam perkara ini? Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Kepong.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Saya belum habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pendang, teruskan Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Pendang belum selesai. Minta maaf, ya.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Penjelasan. Belum habis. Saya minta apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak tadi dimasukkan ke dalam perbahasan saya tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah selesaikah? Yang Berhormat Kepong.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: [Bangun] [Menyampuk]

6.29 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, tunggu sekejap, Yang Berhormat Sekijang.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Pandang depan, pandang depan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, kena pandang Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ya. Kena pandang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Memang macam itu. Saya sentiasa buat macam itu. Kadangkala kita mempelbagaikan pandangan saja.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

■1830

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mengenai Projek Jalur Lebar memang RM200 juta diperuntukkan dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini. Saya berharap jawapan itu tepat kerana kadang kala Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak menjawab langsung. Ini tepat kepada pembangunan IT kita. Kita tidak mahulah berlaku seperti *e-Village* yang tidak ada *village* langsung. Ini kita hendak melihat kerana jalur lebar yang maju. Kita ini sudah lambat. Jalur lebar lambat wujud di Malaysia. Yang kita hendak tahu macam mana kelajuannya berbanding dengan Singapura, berbanding dengan Korea dan berbanding dengan Jepun.

Saya diberitahu bahawa kementerian itu hendak dijadikan 40 peratus sahaja. Walhal di Singapura dan di Korea Selatan lebih 90 peratus yang sudah menggunakan jalur lebar yang laju. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan syarikat-syarikat yang terlibat yang telah melaksanakan projek ini. Ini kerana dibelanjakan RM200 juta, sekarang dia minta kita meluluskannya. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu keadaan syarikat yang terlibat dan bagaimana mereka dapat menjayakan projek ini? Sekian, terima kasih.

6.32 ptg.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh maksud P.29 Butiran 722. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah berusaha untuk membuat integrasi kepada nombor 999, 994 dan 911 ini. Walaupun saya tengok kosnya RM100 juta, saya tidak tahu sama ada sepadan atau pun tidak dengan harga yang ditetapkan ini atau satu peruntukan yang dibuat secara *lump sum*. Saya ingin tahu daripada kementerian secara *detail* nya berapa sebenarnya keperluan untuk...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh mencelah.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: ...Mengintegrasikan nombor ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh celah.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tiap-tiap kali hendak mencelah?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak ada.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Berilah saya cakap habis dahulu. Nanti dahulu. Ini kerana saya melihat untuk tiga nombor ini memakan RM100 juta agak tinggi jugalah. Sama ada kita telah melantik konsultan yang benar-benar bertauliah atau pun berkebolehan di dalam kita untuk mengintegrasikan nombor-nombor ini.

Saya juga ingin bertanya bila agaknya ada integrasi panggilan iaitu di antara polis, JPJ dan LPKP ini boleh dilaksanakan juga kerana ia adalah amat penting kepada orang ramai. Ini kerana pada ketika ini saya lihat hanya LPKP sahaja yang ada nombor aduan tetapi kebanyakan kesalahan-kesalahannya terdapat pada JPJ dan mungkin juga kepada polis. Kalau ada nombor yang serupa ini, ada integrasi di antara ketiga-tiga jabatan ini iaitu Jabatan Penguatkuasa ini. Ini akan memudahkan orang ramai untuk membuat aduan kepada pihak-pihak yang terbabit kerana misalnya diadakan kepada LPKP, LPKP kata ini bukan di bawah bidang dia. Ini di bawah bidang JPJ. Apabila diadu kepada JPJ, mungkin katanya di bawah polis dan sebagainya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Bagi kah tidak ini?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Jadi, pengadu tidak mendapat jawapan yang sesuai dan baik. Ini juga menimbulkan juga kemarahan kepada pihak-pihak yang tertentu. Jadi, saya sangat berharap semoga selain daripada nombor 999, 994 dan 991 ini diintegrasikan. Jabatan-jabatan yang saya sebutkan tadi juga perlu ada dibuat integrasikan nombor-nombor panggilannya supaya memudahkan aduan-aduan dan sebagainya. Sekejap, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi jalan. Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat sama ada sedar kah tidak pada tahun lepas soalan sama juga telah ditanya kepada Yang Berhormat Menteri. Berkenaan ketiga-tiga nombor ini, terdapat satu caj perkhidmatan. Setiap satu panggilan di caj RM1. Bulan Ogos tahun lepas semasa kita dekat untuk membincangkan berkenaan bajet atau Belanjawan 2009, perkara yang sama ditimbulkan. Yang Berhormat Menteri kata dia akan semak perkara ini. Saya rasa sampai sekarang pun masih terdapat lagi caj RM1 atau tidak silap saya RM1.04 untuk setiap panggilan ke nombor-nombor tiga ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Sebab itu saya bertanya tadi. Kalau sudah ada nombor integrasi yang dibuat di antara ketiga-tiga jabatan atau kementerian ini tadi, maka nombor yang di caj RM1 itu sudah tidak ada lagi. Sebab yang di caj RM1 ini mungkin di buat secara *private* atau sebagainya. Mungkin ini tetapi kalau kita telah memperuntukkan sebagaimana peruntukan yang diberikan kepada nombor 999, 994, 991 mungkin yang RM1 itu sudah tidak ada lagi dah Yang Berhormat Indera Mahkota. Jadi...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak betul, tidak betul. Ada lagi.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tidak betul? Itu terpulang lah. Itu Menteri nanti jawablah. Itu jawapan daripada saya. Saya ingin beralih kepada Butiran 700203 iaitu Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi ini. Jadi, kita selalu menyebut jalur lebar berkelajuan tinggi dan sebagainya yang mana penggunaannya di kawasan-kawasan luar bandar adalah amat berkurangan sekali. Di mana walaupun di sini disediakan tambahan sebanyak RM200 juta, mungkin sebelum itu ditambah lagi berapa banyak. Saya pun tidak tahu tetapi penduduk-penduduk di dalam kawasan luar bandar seperti mana tempat saya di Sekijang sana, mereka masih lagi tidak dapat menikmati projek-projek ini.

Saya minta kepada kementerian yang terbabit mengambil perhatian. Saya juga ingin bertanya bagaimana dengan ada satu cadangan dahulu di bawah kementerian di mana untuk menggunakan kabel elektrik untuk digunakan dalam projek jalur lebar ini. Jadi, adakah ia sesuai digunakan dalam negara kita atau sebaliknya? Terima kasih.

6.38 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk Butiran 70023 - Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu liputan kawasan jalur lebar yang terdapat di negeri Sabah. Adakah ia merangkumi sehingga ke kawasan saya di Parlimen Silam? Jika ia tidak termasuk, saya mohon supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memasukkan liputan ini. Dari segi pelaksanaan Projek Jalur Lebar ini, saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri untuk negeri Sabah terutamanya. Dijangka tahun bila ia akan dapat bekalan jalur lebar secara menyeluruh terutamanya di kawasan luar bandar? Terima kasih Tuan Pengerusi.

6.38 ptg.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh tentang Perkara P.29 - Kementerian Tenaga Air dan komunikasi. Tuan Pengerusi, sebenarnya kerajaan baru-baru ini ada membuat satu perancangan untuk menubuhkan *broadband for general public*. Saya hendak tahu kerana program ini sebenarnya baik semata-mata untuk kelangsungan *high speed broadband* yang sebenarnya bermula pada tahun 2009 hingga tahun 2011.

Saya hendak tahu macam mana program ini berjalan? Ini kerana *broadband* untuk *general public* ini adakah ianya bermula selari dengan *high speed broadband* atau pun selepas *high speed broadband* ini siap?

■1840

Keduanya, kedua-dua program *high speed broadband* dan juga *broadband for general public* ini adalah sama dengan satu tujuan untuk merapatkan jurang digital kepada orang ramai. Akan tetapi kita hendak tahu juga bagaimana penyambungan ataupun *connectivity* kedua-dua sistem ini. Kita belum tahu macam mana pelaksanaannya dan kita hendak tahu cara yang paling efektif dan pengurusannya. Adakah ianya dilaksanakan oleh *provider* yang sama ataupun *provider* yang lain kerana ini perlu. *High speed broadband* kita tahu dilaksanakan oleh TM. Macam yang *broadband* untuk *general public* ini siapa dan kalau ianya sama *service provider*, mudah tetapi kalau *provider* yang lain, ianya akan menyulitkan penyambungannya. Ketiganya, kesemua program yang dilaksanakan di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dilaksanakan oleh banyak syarikat.

Kita telah menubuhkan satu suruhanjaya iaitu Suruhanjaya Multimedia bagi memantau dan membuat pemantauan bagi memastikan supaya semua *service provider* ataupun syarikat pelaksana ini mematuhi apa juga peraturan-peraturan yang diperlukan oleh kerajaan. Akan tetapi nampaknya macam suruhanjaya kita ini kurang membuat penyeragaman kerana kita takut kalau tidak ada keseragaman, syarikat-syarikat *service provider* ini tidak mematuhi kehendak-kehendak yang mementingkan rakyat. Itu soalan saya. Jadi kita berharap semoga apa juga perancangan yang dibuat oleh kementerian bagi memastikan supaya kita dapat menghapuskan ataupun kita hendak kalau boleh jurang ini kita rapatkan dapat benar-benar memenuhi inspirasi kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Batu Gajah. Saya tidak nampak Yang Berhormat Batu Gajah tadi kerana biasanya Yang Berhormat Batu Gajah batuk-batuk baru saya perasan. Sila.

6.42 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 70023 - Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi. Saya hendak tahu setakat ini apakah perbelanjaannya untuk keseluruhan projek jalur lebar ini. Kementerian ini mempunyai sasaran untuk mencapai 50 peratus penggunaan jalur lebar menjelang 2010. Setakat mana pencapaiannya sebab kita ada tinggal setahun lagi untuk menggalakkan lebih orang ramai menggunakan jalur lebar.

Saya juga ingin mengambil kesempatan bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila siap projek jalur lebar ini, apakah boleh memastikan *end use*mya berkemampuan dan tidak dibebankan dengan caj-caj dan kos-kos yang tinggi. Saya juga ingin merayu, sekarang Telekom memonopoli talian telefon tetap. Jadi, kos-kos yang dikenakan pada pendapat saya, pada masa inilah Telekom yang sepanjang masa ini diberi monopoli boleh menjalankan tanggungjawab sosialnya. Sebagai contoh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tengok sewa telefon. Kalau *residential* ialah RM25 sebulan sewanya dan perniagaan adalah RM45. Jadi mungkin dalam aspek ini kementerian boleh di mana dalam masa kemelesetan ekonomi, orang ramai mengalami beban kehidupan, pengangguran, meminta Telekom menurunkan kosnya.

Kalau kerajaan mahu menggalakkan lebih usahawan pada masa ini, ada pakar ekonomi yang berkata inilah masanya untuk membuka perniagaan di mana dalam keadaan yang penuh cabaran ini tetapi saya rasa kita tengok kos talian telefon sahaja, pemasangan RM75, untuk deposit dia, untuk *installation charge* RM50, *wiring charge* RM50, ini adalah *residential*. Kalau untuk perniagaan, *sold provider deposit* RM200, *then, fees* dan pelbagai lagi seperti *installation fees*. Kalau di kedai hendak memasang *Streamyx* atau di rumah, kosnya juga tinggi. Jadi pada masa yang sama, Telekom diberi hak mutlak, monopoli mutlak talian tetap. Saya rasa pihak kementerian mesti memantau dan memastikan segala objektif kementerian dapat dicapai dalam jangka yang telah ditetapkan.

Jika sentiasa dibebankan dengan kos-kos begitu tinggi, orang ramai tidak mampu atau tidak akan menjadikan ia keutamaan untuk memasang talian *Streamyx*, talian perniagaan atau membuka perniagaan kerana ada beban-beban kos sedemikian. *Consumer* juga kerajaan kata nak bantu. Rendahkan, kurangkan sewa talian telefon. Jadi, itulah yang saya pohon. Hari yang lalu saya minta kementerian tangguhkan Indah Water, hari ini saya minta Telekom kurangkan caj sewanya. Terima kasih.

6.46 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak tanya, saya difahamkan bahawa projek jalur lebar ini telah pun diberikan kepada TM yang nilainya lebih daripada RM10 bilion. Saya nak tahu, adakah RM200 juta yang dinyatakan ini merupakan sebahagian daripada RM10 bilion itu ataupun dia berasingan daripada RM10 bilion yang diberikan kepada TM ini. Terima kasih.

6.46 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kebelakangan ini saya telah terima beberapa aduan terhadap *service* TMNet. Masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna TMNet itu adalah mereka sering mengalami masalah kehilangan paket data, *data packet loss* dalam proses transmisi dan masalah kedua yang dihadapi oleh mereka adalah bahawa *Streamyx* terdapat kelompok keluarga alamat-alamat IP yang inferior dan superior. Alamat IP yang inferior ini memberikan kelajuan internet yang sangat lambat dan kebanyakan pelanggan TMNet hanya dapat sambung ke *Streamyx* pada kelompok alamat IP yang inferior kecuali mereka cuba beberapa kali selama satu jam atau dua jam baru mereka dapat sambung ke kelompok alamat IP yang superior yang lebih cepat.

Pelanggan TMNet, mereka buat aduan terhadap *service* mengenai *data packet loss* dan kelompok alamat IP yang inferior itu terhadap TMNet tetapi aduan mereka tidak dilayani. Sikap TMNet serupa *take it or leave it*. Langsung tidak peduli apa-apa hak pengguna. Oleh itu, saya fikir kenapa ini boleh berlaku dan apakah kerajaan akan bertindak atas *service* TMNet yang begitu buruk sekali. Rakyat Malaysia terpaksa menerima *service* yang buruk ini kerana mereka tiada pilihan yang lain dan rakyat Malaysia di luar bandar-bandar utama tidak mempunyai pilihan kerana polisi Kerajaan Barisan Nasional yang memuja amalan dan budaya monopoli walaupun polisi monopoli memudaratkan dan membantutkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Satu contohnya adalah pemberian projek *High speed Broadband* yang bernilai RM11.3 bilion kepada Telekom tanpa tender. Saya ingin nak tanya juga, apakah peranan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia di dalam pemantauan kualiti perkhidmatan internet yang diberikan oleh TMNet dan syarikat lain seperti Maxis Broadband dan Celcom 3G. Saya berpendapat bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia perlulah lebih proaktif dan bukan reaktif di dalam pemantauan kualiti perkhidmatan internet Malaysia untuk menjadi suatu badan yang relevan kepada rakyat Malaysia.

■1850

Tuan Pengerusi, perkhidmatan internet menjana ekonomi negara. Dalam keadaan kegawatan ekonomi dunia yang telah pun melanda Malaysia, perkhidmatan internet yang begitu corot oleh TMNet perlu diperbetulkan dengan membenarkan persaingan yang sah, adil dan terbuka. Oleh itu saya ingin mendapat satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri atas apa-apa langkah yang boleh diambil, yang akan diambil oleh kerajaan atas aduan-aduan yang saya telah sebut tadi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, kalau tidak ada lagi yang, Yang Berhormat Kepong mahu juga? Kawasan Kepong tidak ada masalah jalur lebar. Sudah-sudah, okey. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.51 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada sebelas orang Ahli Yang Berhormat yang telah bertanya dan meminta penjelasan berkenaan dengan butiran-butiran yang ada dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan tahun 2008 bagi Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Tuan Pengerusi, kebanyakan pertanyaan berkisar kepada projek jalur lebar dan kebanyakannya juga secara am dan tidak khusus kepada apa yang diminta di dalam Maksud P.29 yang dibincangkan pada petang ini. Namun demikian, sedikit sebanyak saya akan cuba memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang dibangkitkan dan berkenaan dengan air Selangor iaitu diperuntukkan hanya RM10.

Walaupun saya sepatutnya tidak payah menjawab ataupun memberi penjelasan kepada butiran tersebut tetapi saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan juga sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak berkenaan dengan keinginan Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan juga ingin menyelesaikan masalah berkenaan dengan pengambilalihan aset-aset air di negeri Selangor. Diharapkan permintaan pemberi perkhidmatan atau pembekal perkhidmatan bahawa tarif akan dinaikkan 37 peratus itu tidak akan menjadi kenyataan sekiranya dapat diselesaikan di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan atas perkara tersebut.

Berkenaan dengan HSBB, saya fikir ramai Yang Berhormat menyebut tentang HSBB iaitu Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kepong begitu juga Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Tenggara dan Yang Berhormat Bandar Kuching. Terlebih dahulu saya ingin menjawab sedikit sebanyak berkenaan dengan aduan yang disebut oleh Yang Berhormat Bandar Kuching.

Yang Berhormat Bandar Kuching, forum ini adalah untuk meminta, membolehkan Kementerian membelanjakan RM200 juta daripada perbelanjaan yang telah diluluskan oleh kita iaitu RM2.4 bilion daripada Kerajaan Persekutuan untuk menampung projek HSBB di mana kesemua kos akan menelan belanja RM11.3 bilion, ini secara tidak langsung menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Tenggara iaitu RM200 juta ini adalah sebahagian dari RM2.4 bilion yang telah kita luluskan.

Yang Berhormat Pontian dan lain-lain...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tadi Yang Berhormat kata mengenai aduan yang telah saya bangkit tetapi tidak ada apa-apa jawapan atau langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan aduan ini. Kini Kementerian minta dari Dewan ini untuk peruntukan diberikan supaya membiayai *high speed broadband project* tetapi servis yang diberi oleh TMNet amat mengecewakan. Bagaimana kita boleh luluskan satu peruntukan yang begitu besar sekiranya konsumer-konsumer di luar tidak dapat menikmati servis yang sepadan dengan jumlah yang diperuntukkan.

Oleh itu, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan masalah ini akan berlaku lagi.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Pengerusi, oleh sebab saya tidak ada menjemput dan memberi kebenaran kepada Yang Berhormat Bandar Kuching untuk mencelah dan saya masih berdiri, jadi tidak payah saya menjawab apa yang dia tanya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan, apa ini sikap?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Ikutlah peraturan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa yang saya tadi, ini bangkit dalam perbahasan saya, aduan ini bangkit dalam perbahasan saya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sentuh, apakah langkah yang akan diambil.

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk Yang Berhormat, ini lewat malam sudah. Sila Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan, lewat malam, Menteri pun harus bersikap bertanggungjawab, tidak boleh macam ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, arahkan Menteri, dia tidak ...

Tuan Pengerusi: Saya faham itu Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk dulu. Kalau masih lagi bercakap, macam mana dia menjawab. Duduk dulu. Sila Menteri.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah saya katakan perkhidmatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tidak ada kena-mengena dengan butiran yang kita bincangkan pada petang ini, iaitu perkhidmatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching adalah diberi oleh Telekom Malaysia Berhad dan tidak ada kena-mengena dengan butiran yang RM200 juta yang kita minta untuk HSBB. Diharapkan Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa selepas HSBB ini dapat dilancarkan dan selepas pelaksanaannya dijalankan, rungutan Yang Berhormat Bandar Kuching sebut tadi akan tidak berlaku lagi, oleh sebab kapasiti dan kelajuan perkhidmatan tersebut akan terjamin, lebih terjamin dari apa yang ada pada masa ini. Pada masa ini, perkhidmatan ini, kerajaan tidak ada tanggungjawab untuk memutuskan bahawa Telekom Malaysia hendaklah menyediakan *speed* yang lebih pantas.

■1900

Sebagaimana Yang Berhormat tahu bahawa SKMM adalah kawal selia yang memantau semua standard dan standard yang dipantau oleh SKMM adalah mengikut standard yang telah diputuskan dan sekiranya pembekal perkhidmatan tersebut tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan maka SKMM boleh mengambil tindakan tetapi pada masa ini SKMM mendapati sekiranya pelanggan melangani pakej yang kurang harganya maka perkhidmatan yang didapati pun setanding dengan harga pakej yang dilangani oleh pelanggan-pelanggan tersebut...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Jadi berkenaan dengan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Belum habis, belum habis. Penjelasan.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Kalau tanya, tanya baik-baik.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjelasan.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tunggu saya duduk *then you* bercakap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, sila duduk.

Tuan Pengerusi: Mana satu, dua yang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat Jasin sama Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching lah, memang Bandar Kuching. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya kata TM Net membekalkan perkhidmatan yang buruk dan nampaknya kementerian tidak sudi layan aduan-aduan yang saya telah sebut dan sebaliknya *despite the poor service*. HSBB satu projek yang begitu besar RM11.3 bilion telah diberi kepada Telekom. Telekom ini adalah operator TM Net. Bagaimana boleh *justify* pemberian projek HSBB yang begitu besar kepada Telekom tanpa tender dan apakah jaminan yang kita dapat sebagai rakyat Malaysia bahawa selepas pembayaran RM11.3 bilion ini kita dapat *network provider* yang lebih berkesan.

Saya balik kepada aduan yang telah saya timbulkan tadi. Apakah langkah yang akan diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia di dalam perkara ini?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Pengerusi, saya jemput Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya bercakap tentang butiran yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja. Saya tak nak sebut perkara-perkara di luar daripada bidang yang kita bincangkan sekarang iaitu apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang SKMM.

Sebenarnya SKMM membuat satu penyeragaman kepada semua syarikat sebagai *service provider* iaitu kementerian mempunyai banyak program yang dijalankan oleh berbagai-bagai syarikat. Seharusnya syarikat ini ataupun SKMM membuat satu pemantauan supaya kita dapat pastikan syarikat-syarikat ini mematuhi apa juga peraturan-peraturan perlu yang digariskan oleh SKMM tetapi ia sebaliknya berlaku.

Contohnya Yang Berhormat Timbalan Menteri macam pemasangan *tower*. Kita berikan kepada *state back company* misalnya SEDC. Macam di Melaka diberikan kepada MITCH iaitu *state back company* tetapi semasa pemasangan menara-menara pemancar ini kita dapat lihat bahawa diikut kesesuaian daripada telco. Ia tidak dapatkan nasihat daripada SKMM. Kita tengok di masjid ada, di kedai ada, di pejabat ada. Jadi tak ada penyeragaman. Jadi seharusnya SKMM membuat pemantauan tentang apa juga yang dilakukan oleh *service provider* ini. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa SKMM ada mandatori standard yang patut dipatuhi oleh semua telco yang beroperasi di Malaysia. Berkenaan dengan menara-menara dan alat-alat yang lain kadangkala syarikat komunikasi pun ada permintaannya sendiri dan ada juga berkenaan dengan kemudahan yang dia sudah ada dan berkenaan dengan menara-menara yang dipasang ataupun antena yang dipasang di bangunan, di masjid itu pun mengikut peraturan dan PBT hendaklah memberi kebenaran kepada semua menara-menara yang akan dibangunkan di mana-mana tempat di sesebuah bandar, pekan ataupun di negeri-negeri mana mengikut peraturan yang ada di tempat di mana menara itu dibangunkan.

Tuan Pengerusi, ingin saya teruskan berkenaan bantahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat Bandar Kuching, suka saya terangkan sekali lagi walaupun saya telah beberapa kali dan Yang Berhormat Menteri sendiri beberapa kali telah menerangkan bahawa tiada kontrak sebanyak RM11.3 bilion diberikan kepada mana-mana syarikat. Kesemua kos ataupun ongkos perbelanjaan untuk HSBB di Malaysia adalah melebihi RM15 bilion dan Telekom sendiri telah membelanjakan lebih RM4 bilion sebelum Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menampung RM2.4 bilion bagi perbelanjaan mana yang telah kita luluskan dalam kajian separuh penggal RMK-9.

Jadi yang RM8.9 bilion lagi iaitu juga dari kewangan Telekom sendiri. Jadi kerajaan hanya akan mengeluarkan RM2.4 bilion. Jadi jangan ingat kerajaan memberi satu kontrak yang besar kepada satu syarikat, oleh kerana tak ada kontrak yang bernilai RM11.3 bilion diagihkan kepada Telekom Malaysia Berhad. Begitu juga berkenaan dengan projek HSBB ini. HSBB ini bukan Telekom menjadi kontraktor tetapi Telekom menjadi salah satu pemilik selain dari Kerajaan Malaysia.

Jadi kontraktor-kontraktor yang akan mengendalikan dan memasang peralatan berkenaan dengan projek HSBB ini adalah diperolehi dari tender-tender *exercise* dengan izin yang akan dijalankan. Jadi jangan lagi mengatakan projek ini diberikan kepada Telekom Malaysia Berhad. Telekom Malaysia Berhad hanya mengurus projek ini dan kontrak-kontraknya akan di tender secara terbuka.

Yang Berhormat Jasin tadi bertanya berkenaan adakah *broadband for general public* akan dibangunkan selari dengan HSBB atau selepas HSBB siap. Ianya dibangunkan selari dengan HSBB. Bagaimanakah ianya akan diberi ataupun disediakan kepada *general public*.

■1910

Kebanyakan perkhidmatan ini adalah hanya *broadband* bukan HSBB, bukan *high speed broadband* iaitu melalui bermacam-macam teknologi termasuklah WiMax, dan sebagaimana yang kita semua tahu bahawa projek-projek Wimax sekarang sedang berjalan lancar di *roll-out*, dikendalikan ataupun dilaksanakan di merata tempat di negara kita dan diharapkan *roll-out* ini akan dapat mempercepatkan penebusan jalur lebar ke *general public*.

Yang Berhormat Batu Gajah bertanya, adakah Telekom ataupun kerajaan akan mengurangkan *charge* kepada pengguna perkhidmatan Telekom Malaysia Berhad. Sebagaimana Yang Berhormat tahu bahawa pada masa ini tidak ramai lagi orang awam menggunakan *fixed line* ataupun telefon rumah, walaupun ada telefon di rumah pun jarang dipakai. Kebanyakan orang menggunakan telefon bimbit dan sekiranya dikurangkan *charge* juga pun tidak ramai yang hendak memakai *fixed line*. Adakah monopoli iaitu monopoli *fixed line* ini akan dikekalkan di Telekom Malaysia? Ini adalah dasar dan saya tidak akan menjawab di sini dan kemungkinan pada masa hadapan apabila ada perbincangan dasar dan masa itu kita bertanya kembali dan kementerian akan memberi jawapan yang tepat berkenaan dengan perkara dasar.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat kata salah satu sebab enggan untuk menurunkan *charge* sewa *fixed line* kerana *residential* rumah kurang menggunakannya.

Bagaimana dengan perniagaan? Perniagaan perlu gunakan faks, betul tidak? RM45 sebulan sewa talian dan kalau kita gunakan Streamyx, kita kena ada talian di mana pakej yang ada pada pendapat saya sangat mahal RM88. Bagaimana pula dengan aspek yang itu? Kalau hendak galakan orang menggunakan jalur lebar ini. Perniagaan RM45 tidak boleh lari, mohon penjelasan. Jadi jangan bagi alasan ini kurang orang guna, kalau lebih orang guna macam PLUS ada turunkan harga? Tidak ada. Indah Water dipaksa bayar, semua kebanyakannya ada yang bayar, ada turun harga? Tidak ada.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Pengerusi, nampaknya Yang Berhormat Batu Gajah meminta semua perkhidmatan diberi percuma dan sekiranya percuma, siapakah yang akan mengendalikan perkhidmatan sekiranya ia tidak menguntungkan sesuatu syarikat, dan begitu juga sekiranya perkhidmatan yang dikendalikan oleh Telekom Malaysia Berhad, semua kos diturunkan, jadi besok kita tidak ada Telekom Malaysia Berhad lagi, oleh kerana ianya sudah lingkup kerana rugi dan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita adakan saingan, bukakan untuk saingan. Kita tengok Celcom, kita tengok Maxis...

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, jangan berdialog Ahli-ahli Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf ya Tuan Pengerusi, maaf. Akan tetapi tadi dia kata saya minta percuma, saya tidak minta percuma, saya minta baik-baik untuk orang ramai itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Sila Menteri jawab.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Yang Berhormat Rasah tadi bertanyakan berkenaan dengan MERS 999 iaitu perkhidmatan panggilan kecemasan di mana satu negara akan hanya ada satu nombor, iaitu di mana nombor 944, 911 dan 999 semuanya disatukan. Berkenaan dengan perkhidmatan tersebut begitu juga pada pertanyaan dari Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Sekijang, RM100 juta dipohon di sini adalah sebahagian dari kos kesemuanya RM334 juta untuk menyediakan perkhidmatan tersebut dan ini adalah untuk kerja-kerja yang telah siap dan sepatutnya dibayar pada tahun lepas. Sebenarnya ini adalah untuk kerja-kerja yang telah siap dan kesemua kos projek ini akan menelan belanja RM334 million dan dengan adanya perkhidmatan ini jadi rungutan dan *complaints* yang sering didengar diharapkan akan dapat berkurangan. Ya, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa, saya rasakan soalan itu belum dijawab. Apakah justifikasi projek ini yang memakan belanja RM334 juta ini untuk *integrate* ketiga-tiga nombor ini. Setahu saya ini adalah *programming* dan juga ada *soft ware* dan *hard ware* yang terlibat, tetapi kita mahukan apakah jawapan dari pihak kementerian dan apakah justifikasi untuk menelan belanja yang begitu besar dan syarikat manakah yang mendapat projek ini, dan sama ada projek ini telah dianugerahkan melalui projek tender terbuka dan tadi saya telah menimbulkan persoalan sama ada di setiap negeri itu ada ditubuhkan pusat panggilan. Saya harap itu boleh diberikan jawapan. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah cepat bangun. Sebelum saya menjawab Yang Berhormat sudah bangun dan sebenarnya berkenaan dengan justifikasi memang ada justifikasinya. Kos yang diminta oleh kementerian dahulu adalah RM600 juta dan yang mengendalikan projek ini ialah Telekom Malaysia Berhad dan sebenarnya Telekom Malaysia Berhad meminta lebih RM1 bilion untuk meng *integrate* kan tiga perkhidmatan yang telah saya sebutkan tadi dan bagaimanakah kos ini sebegitu tinggi? Ianya bukan semudah Yang Berhormat katakan tadi, oleh kerana banyak kerja yang hendak dibuat ataupun dikendalikan oleh Telekom Malaysia Berhad untuk mengintegrasikan tiga sistem tersebut.

Sebagaimana yang telah saya katakan pagi tadi di Dewan yang mulia ini, sistem yang ada telah berjalan dan beroperasi penuh pada esoknya iaitu ada tiga *center* panggilan. Pusat panggilan adalah di Kuala Lumpur, di Melaka dan di Bandar Kuching.

Tiga-tiga pusat ini boleh menerima panggilan dari mana-mana pun di Malaysia. Misalnya pusat di Bandar Kuching, panggilan dari Sabah dan Sarawak semua akan diteruskan ke pusat di Kuching dan sekiranya tidak terjawab dalam 10 saat ataupun empat kali deringan, jadi panggilan itu terpaksa dilencongkan ke Kuala Lumpur dan sekiranya Kuala Lumpur pun sibuk, jadi pusat di Melaka akan menerima panggilan tersebut.

■1920

Semua ini akan dapat diuruskan dalam masa tidak melebihi 40 *seconds* iaitu setelah pertanyaan dibuat kepada si pemanggil berkenaan dengan di mana, siapa, apakah kejadian. Di Klang Valley ataupun Lembah Klang ianya menggunakan *digital map*. Sekiranya orang yang memanggil memakai telefon biasa iaitu telefon rumah *fixed line*, lokasinya pun diketahui serta merta. Begitu juga sekiranya kecemasan itu berkenaan dengan kebakaran dan di manakah lokasi bomba yang terdekat pun kita nampak dalam *digital map* yang ada pada skrin di hadapan operator-operator panggil ini.

Di kawasan-kawasan lain oleh kerana *geocoding* ini belum dibuat dan *digital map*nya belum disediakan kepada semua *area-area* lain atau kawasan-kawasan lain selain dari Lembah Klang. Maka, operator-operator hanya berpandukan kepada semua data-data yang sedia ada di dalam komputer. So sebagaimana Yang Berhormat katakan ini adalah tidak semata-matanya memakai *software* dan *hardware* yang sedia ada oleh Telekom Malaysia Berhad. Sekiranya cukup peruntukan kewangan, jadi *digital map* di seluruh negara pun boleh dipakai dan begitu juga panggilan dari telefon bimbit.

Pada masa ini Telekom Malaysia yang mengendalikan perkhidmatan MERS 999 ini sedang membuat *geocoding* kepada semua menara-menara telekomunikasi yang ada di Malaysia supaya apabila dibuat menara terdekat akan ternampak dalam skrin dan lokasi dari mana panggilan itu dibuat akan dapat dikesan serta-merta. Sekiranya diadakan *digital map* ataupun peta digital pada masa hadapan.

Yang Berhormat Indera Mahkota, manakah dia sudah balik? Yang Berhormat bertanya adakah caj panggilan menerusi 999 ini terpaksa di bayar. Ianya percuma Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya bertanya itu kerana ada dalam bil Yang Berhormat. Tahun lepas bulan lapan masih lagi ada dalam bil.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Ini sebagaimana yang telah saya katakan Tuan Pengerusi bahawa perkhidmatan ini hanyalah dilancarkan pada Oktober 2008. Kesemua fasa ini termasuk pusat panggilan di Sarawak mula berjalan pada 12 malam ini, bermakna fasa dan dua projek projek ini akan siap semua. Kita pada masa hadapan akan meminta lagi perbelanjaan sebanyak RM200 lebih juta untuk membayar semua kos yang dikehendaki untuk mengendalikan projek tersebut.

Sekian sahajalah Tuan Pengerusi yang dapat saya jawab pada pertanyaan-pertanyaan dari Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM300,000,010 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM300,000,010 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] -

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Oleh kerana P.30 hanya token sahaja ia tidaklah perlu dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah terima dan membenarkan permohonan Kementerian Pelancongan yang dijadualkan di nombor 13 dibelakangkan ke nombor terakhir selepas Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam susunan giliran kementerian-kementerian menjawab ke atas perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009

Maksud B.41 [Jadual] –

Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Rasah.

7.27 mlm.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada maksud B.41 dan saya rujuk khusus kepada satu kepala sahaja Butiran - 00201 Menengah Akademik. Pada penghujung yang lepas semasa kerajaan membentangi pakej rangsangan yang pertama telah diperuntukkan RM200 juta untuk membantu sekolah-sekolah SJK(C), SJK(T) dan sebagainya.

Saya difahamkan bahawa pakej rangsangan ini juga memperuntukkan untuk memberikan peruntukan terus kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan peruntukan itu diberikan terus kepada Lembaga Pengarah Sekolah (LPS). Saya hendak membangkitkan satu persoalan ataupun isu yang khusus di Seremban iaitu SJMK(C) Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (China) Chung Hwa di Jalan Temiang. Baru-baru ini dalam media tempatan di Negeri Sembilan telah melaporkan bahawa seorang pemimpin daripada parti MCA telah mengumumkan bahawa peruntukan daripada kementerian ini untuk Sekolah Chung Hwa ini telah dibekukan kerana ada masalah dalaman dalam Lembaga Pengarah Sekolah ini.

Saya hendak mendapatkan kepastian dan juga penjelasan daripada pihak kementerian kerana sepatutnya isu-isu seperti ini perlu diperjelaskan oleh pihak kementerian. Akan tetapi ia telah diumumkan oleh pemimpin parti MCA iaitu Pengerusi MCA Negeri Sembilan, Datuk Dr Yeow Chai Thiam. Saya hendak membangkitkan perkara ini kerana saya berharap pihak kementerian jangan menganaktirikan oleh kerana hanya Lembaga Pengarah ini menghadapi masalah. Ini kerana saya rasa peruntukan yang telah diluluskan diperuntukkan kepada sekolah itu perlu diteruskan dan perlu disalurkan kepada pihak sekolah.

Oleh kerana ada masalah dalaman dalam lembaga pengarah itu, ada pertelingkahan di antara pemimpin-pemimpin dalam lembaga pengarah ini maka peruntukan itu tidak sampai ke sekolah. Saya harap satu penjelasan yang lebih terperinci diberikan oleh pihak kementerian dan saya harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan perhatian yang khusus kepada sekolah ini iaitu SMJK Chung Hwa. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

7.30 mlm

Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak merujuk kepada Kepala 04600 - Sistem Pengkomputeran Sekolah. Peruntukkan tambahan sebanyak RM150 juta untuk membiayai program pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu dalam program PPSMI ini, kerajaan telah membuat satu perjanjian dengan *time system* untuk menyediakan program dan juga peralatan untuk projek ini.

Pertama saya nak tahu berapa lama perjanjian itu dibuat, kedua ialah bajet sebenar diberikan kepada *time system* ini. Ketiga pula bahawa, adakah dengan perjanjian ini menjadikan kerajaan terlalu susah untuk membatalkan ataupun untuk menarik balik program ini, iaitu program Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini.

Untuk pengetahuan Dewan bahawa kesan daripada program ini, pelajar-pelajar kita telah pun tidak lagi menitikberatkan bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan kita, bahkan dalam pergerakan dia ataupun majalah-majalah yang dibacanya tidak lagi dalam bahasa Melayu yang dalam masa yang panjang, dia akan memberi kesan kepada bahasa Melayu itu sendiri, jadi saya ingin mendapatkan penjelasan. Terima kasih.

7.32 mlm.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada 00102, apakah termasuk juga dalam pembinaan sekolah rendah Tamil yang mana pihak kerajaan negeri telah meluluskan sebidang tanah untuk pembinaan sekolah rendah Tamil di Toh Pawang di Bidong, kawasan Jerai. Kemudian saya merujuk kepada 00700 iaitu Maktab Perguruan. Apakah termasuk di sana juga berkaitan dengan memastikan guru berperanan penting dalam soal disiplin pelajar ini, supaya ditekankan supaya guru-guru juga bersama merasai tanggungjawab bersama untuk memastikan sekolah, ataupun anak-anak remaja sekalian, tidak diabaikan dari sudut disiplin.

Kemudian saya merujuk 00800 - Rumah-rumah Guru, yang mana didapati di Kedah ataupun di kawasan Jerai, terdapat begitu banyak rumah kuarters guru yang seolah-olah tidak diminati oleh pihak guru. Mungkin ia tidak bersesuaian di peringkat di pedalaman, tetapi lebih kepada peringkat bandar. Jadi saya pohonlah kementerian supaya ambil perhatian bagaimana sikap kementerian? Saya dapati hanya dua blok sahaja yang digunakan oleh guru-guru, ada pun selebihnya adalah kosong. Ini juga timbul persoalan daripada kalangan rakyat, seolah-olah menjadi projek gajah putih seumpama dan sebagainya. Terima kasih.

7.34 mlm.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana bagi peluang sama saya ambil dalam perbahasan dalam ini Jawatankuasa. P.41 Butiran 03501, Butiran 03502, Butiran 03503, Butiran 03504. Tuan Pengerusi, saya di sini ingin soal mengenai isu hari itu, kata kita mengeluarkan bantuan untuk SJK(C) dan *mission school* dengan izin, untuk lembaga pengarah sekolah itu.

Menjalankan tugas untuk membaik pulih sekolah-sekolah yang mana kena beri peruntukan-peruntukan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia ini. Akan tetapi Tuan Pengerusi, saya cukup sedih, tak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak. Saya difahamkan sekarang ada peruntukan yang tidak diturunkan ke bawah, tidak serahkan kepada Lembaga Pengarah sekolah, ataupun LPS, *the school board*. Pengarah mengurus, lembaga pengurus, minta maaf, tidak diturunkan. Saya dengar dia punya cara sekarang ada buat kriteria, dia mampu kah tak mampu. Tuan Pengerusi, tetapi saya cukup sedih, ada punya tempat dia persoalkan sama ada dia tidak mampu ataupun tidak layak, tetapi kita pergi siasat, dia faham.

Ini lembaga dia, semua orang daripada profesional, ada akauntan, ada *engineer* dan lain-lain, kenapa dia tidak layak? Dia kalau boleh bina, lagi murah daripada Kementerian Pelajaran, kenapa minat sangat Kementerian Pelajaran sendiri mahu isu *work order*, biar kepada kontraktor-kontraktor ia ditentukan, kenapa kita tidak boleh bagi peluang?

Saya di sini tidak faham, saya tidak tahu ini pegawai-pegawai, siapa-siapa dari kementerian ada terlibat keputusan ini ataupun tidak. Kenapa kita tidak ikut keputusan daripada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan sudah umum beritahu seluruh negara, kita akan turunkan peruntukan kepada sekolah-sekolah tertentu.

Kenapa ini tidak mengikuti keputusan yang dibuat, kalau perlulah kita minta SPRM masuk siasat. Siapa salah guna kuasa? Peruntukan pergi mana? Siapa bagi kelulusan, dia lantik kontraktor terus. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta jawab ikhlas. Jangan pusing sini, pusing sana, ini nanti sekejap saya mahu balik sebab saya demam. Esok saya akan baca *Hansard*. Sekian, terima kasih.

7.37 mlm.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk terus berbahas di peringkat Jawatankuasa, bagi Maksud P.41 Kementerian Pelajaran. Saya ingin menarik perhatian, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana masih dalam Dewan, mendengar hujah-hujah bagi Maksud 03700 - Program Pembangunan Luar Bandar Sabah Sarawak, dan keduanya 03900 - Pembelian Tanah, iaitu maksud pendidikan pelbagai negeri.

Tuan Pengerusi, bagi negeri Sabah khasnya Sabah dan Sarawaklah. Kebanyakan projek yang kecil-kecilan ini, sukar sekali untuk bagi kontraktor-kontraktor tempatan Kelas F mendapat kerja, kenapa? Ini kerana semua ini diurus di Putrajaya.

Jadi walaupun pembinaan pagar, pembinaan parit dan sebagainya, sukar sekali kontraktor-kontraktor yang kecil mendapat. Ini adalah kompelin-kompelin, keluhan-keluhan daripada peringkat-peringkat kontraktor yang kecil-kecilan ini, terutama sekali kontraktor bumiputera. Jadi saya mahu minta penjelasan dari pihak kementerian, adakah wakil kementerian ini diberi kuasa untuk memberi kontraktor-kontraktor yang kecil.

Walaupun saya difahamkan pengarah negeri Sabah, ada juga yang projek-projek yang dilaksanakan di peringkat jabatan, tetapi kebanyakan projek seperti penyediaan jana kuasa solar ini, telah pun di *award* kan, ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor yang tidak dikenal oleh orang-orang dari negeri Sabah.

Saya bukanlah parokial, tetapi ini kalau membantu rakyat terutama sekali di golongan peniaga di Sabah Sarawak ini, kerajaan harus timbang dan melihat ini dengan serius. Seterusnya saya, kalau ada pun saya ingin bertanya, berapa kontraktor-kontraktor yang telah diberi kerja di bawah kementerian ini, di negeri Sabah, ya Yang Berhormat Menteri? Berapa jumlah projek yang diberi dan apa jenis projek yang diberi?

Keduanya iaitu Butiran 03900 iaitu Pembelian Tanah. Saya difahamkan projek SMK Petagas ini, tidak dapat dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kesembilan, oleh kerana ketiadaan tanah, kononnya ketiadaan tanah.

■1940

Jadi ini saya tidak bersetuju Yang Berhormat Menteri kerana tanah sudah pun disediakan. Sebab kenapa ini tidak dapat dilaksanakan kerana projek ini menelan belanja yang besar kerana mengakibatkan penimbunan tanah yang dalam. Tanah tersebut yang dicadangkan itu Tuan Pengerusi, adalah tanah padi yang berair bukan bergambut tetapi berair dan memerlukan penimbunan yang tinggi. Jadi apa yang diperuntukkan saya difahamkan dalam RMK-8 dahulu tidak mencukupi. Dahulu PMC yang dilantik itu tidak bersetuju untuk membina tapak sekolah itu di tapak yang dicadangkan. Saya harap peruntukan yang dikhaskan untuk SMK Petagas ini tidak lagi dibawa ke kawasan yang lain.

saya juga harap projek sekolah ini dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat kerana apabila saya melihat peruntukan yang ada di sini ini saya rasa bolehlah menampung pemberian tanah. Ini kerana kami telah pun bawa perkara yang sama, topik yang sama di peringkat tindakan daerah. Saya hadir dalam mesyuarat itu dan semua sebulat suara bersetuju supaya dikaji semula jalan *access* dan sebagainya serta memohon peruntukan dapat ditambah untuk merealisasikan projek SMK Petagas ini. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

7.42 mlm.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh Butiran Maksud B.41- Kementerian Pelajaran yang mana membelanjakan sebanyak RM1 bilion.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa saya rasa buat ketika ini sudah tiba masa untuk Kementerian merancang satu pelan tindakan panjang yang sejajar dengan Perlembagaan Artikel 8, Kandungan 1 di atas Hak Kesamarataan Rakyat Malaysia, agar wanita yang mengandungi tidak didiskriminasikan dalam penawaran jawatan guru yang mana terjadi kebelakangan ini pada seorang wanita yang telah ditolak tawaran sebagai seorang guru kerana beliau mengandungi.

Jadi sudah tiba masanya Kementerian Pelajaran mengambil kira dalam pelan tindakan panjang agar keadaan ini tidak menjadi satu diskriminasi kepada seorang wanita yang hamil yang ingin bertugas di satu bidang mulia ini. Yang keduanya tajuk P. 03501, P.03502 yang mana banyak wang telah digunakan untuk ubah suai naik taraf rendah dan menengah. Saya cuma musykil dan rasa hairan kenapa kita ada ubah suai naik taraf sedangkan keadaan sekolah-sekolah kita masih lagi daif. Perkakas sekolah, perabot sekolah masih lagi dalam keadaan yang menyedihkan. Apa lagi yang menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, Tuan Pengerusi..., Tuan Yang di-Pertua kah, Tuan Pengerusi ini?

Tuan Pengerusi: Tuan Pengerusi.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sekolah-sekolah melalui PIBG meminta wang bantuan dan sumbangan daripada kami Ahli Parlimen dari Pakatan Rakyat yang mana tidak ada peruntukan. Jadi kami sangat sedih dengan sekolah-sekolah mereka ini yang mana minta bantuan daripada kami, kami tidak dapat bantu dan kami disekat daripada masuk ke sekolah-sekolah di kawasan kami di Ampang dan juga di seluruh Selangor dan sekolah-sekolah ini dalam keadaan kedaifan. Saya minta Menteri agar lebih sensitif, lebih prihatin tentang keadaan sekolah ini.

Kemudahan asas ini harus dipertingkatkan barulah kita hendak cerita tentang hal-hal yang lain. Ini kerana mutu pelajaran Malaysia sebagai sebuah negara yang maju harus dilengkapi dengan kemudahan, perkakas, peralatan yang moden dan yang terkini. Terima kasih.

7.44 mlm.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bagi B.41 ini saya hendak membicarakan tentang kajian harus dibuat. Sebenarnya sebelum sesuatu penstrukturan semula terutama Pejabat Pelajaran Daerah dibuat secara mendalam. Penstrukturan semula itu, kajian itu mestilah dibuat secara mendalam kerana kadang-kadang apabila saya lihat penstrukturan yang ada sekarang ini, ada jawatan-jawatan yang dirasakan penting oleh pejabat itu sendiri. Kita sendiri pun atau saya sendiri apabila pergi ke pejabat melihat jawatan-jawatan penting, contohnya jawatan Penolong Pegawai Pelajaran Daerah, tiba-tiba jawatan itu dijumpukan dan digantikan dengan penyelia sahaja.

Jadi kadang-kadang bila buat sesuatu penstrukturan secara sewenang-wenangnya, ini yang jadi kadang-kadang tidak betul, dia *mismatch* dari segi ini dan keperluan sesuatu tempat juga harus diambil kira. Itu yang B.41. Butiran seterusnya adalah tentang 00201 - Menengah Akademik. Jadi ini dari segi projek pun kita mesti tengok juga tempat-tempat yang kita hendak buat. Sebagai contohnya di kawasan saya ada satu dewan sekolah yang dibuat betul-betul dalam tapak. Asalnya itu memang tapak sawah. Setiap kali banjir berlaku, tempat itu yang mula-mula banjir tetapi di situ dibuatnya dewan. Saya pun pelik setiap kali saya pandang dewan itu saya bertanya kenapalah dewan itu dibuat di situ?

Apakah lantai nanti itu kalau dibunuhnya yang kayu itu jawabnya setiap kali banjir, kayu itu rosak dan setiap kali kita kena mengganti. Jadi janganlah kerana kita hendak buat dewan itu kita tidak memikir tapaknya. Jadi saya berharap Kementerian dapat melihat perkara ini lagi sekali. Yang sudah buat itu apa hendak buat kita tidak boleh hendak buat apa-apa, fasal sudah dibina. Akan tetapi akan datang ini fikirlah betul-betul tentang kesesuaian sesuatu tapak untuk kita bina. Kalau tanya penduduk kampung dia tahulah tempat itu banjir apa buat bangunan, dia akan bercakap begitu. Jadi ini menampakkan bahawa kita tidak peka dengan keadaan yang itu.

Yang berikutnya ialah P.00800 - Rumah Guru. Saya percaya di Lipis banyak lagi rumah guru yang kita perlu buat. Ada satu tapak tanah pendidikan rasa saya di Batu 13 di Lipis itu sampai sekarang belum lagi dibuat.

Cadangannya hendak buat sekolah tetapi tidak jadi rasa saya, sekolah asrama penuh agama rasa saya, sampai sekarang tidak jadi. Saya mencadangkan tempat itu didirikan kompleks perumahan guru kerana dengan cara ini sekolah kebangsaan yang satu masa dahulu dibina kerana ada satu kem PPS pada masa itu, sekarang PGA yang telah ditutup. Kesannya sekolah itu daripada muridnya ramai telah menjadi sekolah kurang murid.

Saya percaya kalau dibuat kompleks perumahan guru untuk guru-guru di daerah Lipis ini di kawasan tersebut sekolah itu boleh menjadi meriah semula. Sekian. Saya mohon menyokong.

7.48 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi B.41, tambahan sebanyak lebih RM1.0 bilion untuk bayaran emolumen kerana penambahan jawatan, kenaikan pangkat dan pembayaran imbuhan tahunan 2008. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada Dewan yang mulia ini berapa jawatan yang terlibat di sini. Dengan kenaikan pangkat itu dan sebagainya apakah tahap pencapaian ataupun kualiti guru-guru yang disebutkan dalam Maksud B.41 ini. Tuan Pengerusi, saya sebutkan hal ini kerana ada setengah-setengah guru itu tahap dia tinggi tetapi ada setengah-setengah guru kurang. Walaupun kita mempunyai 27 institusi perguruan sekarang, kadangkala guru yang lepasan institusi ini tidak mencapai tahap yang tinggi seperti Yang Berhormat Padang Rengas.

Tidak mencapai tahap yang tinggi dan kita mahu guru-guru ini mempunyai tahap yang lebih. Seperti PPSMI sekarang kita ada pertikaian kerana salah satu faktornya guru-guru yang tidak pandai. Ada yang pandai itu tidak tergolong dalam masalah ini tapi yang penting sekali kita hendak menyaksikan guru-guru yang benar-benar berkaliber di Malaysia ini untuk memajukan bidang pelajaran di Malaysia.

■1950

Tuan Pengerusi, kita di Malaysia buat yang betul kerana tiap-tiap kali kita ada bajet, peruntukannya 24 peratus atau 25 peratus untuk pelajaran dan pengajian tinggi. Ini merupakan salah satu negara yang baik dari segi pelajaran berbandingkan negara-negara lain. Saya berharap ini dapat diteruskan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna wang yang banyak ini tiap-tiap kali digunakan dengan baik, dengan berkesan, dengan tepat persis dan jitu, tidak.

Saya berharap dapat dijawab mengenai P.41 00102 Projek Beg Sekolah Rendah di seluruh negara. Di sini sudah dibelanjakan RM295 juta dan saya gembira bahawa kita dapat terima bayaran-bayaran untuk kemajuan, untuk projek-projek sekolah rendah tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan lebih terperinci apakah projek-projek yang dimaksudkan. Bilangan projek yang dijayakan dan bilangan yang terbengkalai.

Bukan semua projek itu berjaya kerana ada kalanya pelantikan kontraktor tidak begitu bijak dan kadangkala kita ada kontraktor yang tidak tulen, kontraktor palsu. Yang hendak dapat wang sahaja tapi bukan kontraktor. Saya tidak tahu masalah seumpama ini ada atau tidak di kawasan Yang Berhormat Padang Rengas, mungkin ada. Kontraktor-kontraktor dilantik bukan kerana dia benar-benar hendak bekerja kerana dia kontraktor-kontraktor palsu. Saya berharap 00102, Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab, memberi gambaran sebenar yang wujud di kawasan-kawasannya begitu juga dengan 00201 untuk projek-projek sekolah menengah di seluruh negara.

Untuk 00203 - Sekolah Berasrama Penuh Integrasi. Di sini ada sebanyak RM30.5 juta untuk lima buah projek sekolah berasrama penuh di Negeri Sembilan, Perak dan Terengganu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan lima buah sekolah ini. Apakah namanya dan bagaimana prestasinya. Kita nampak integrasi penuh. Apa maksud sebenarnya integrasi?

Mengenai pendidikan guru maktab perguruan. Saya di sini memang bingung kerana sekarang kita tidak ada maktab lagi, kita ada institusi perguruan, sebab apa kita masih ada maktab. Adakah itu yang dimaksudkan kita ada maktab baru untuk perguruan. 27 buah maktab sudah ditukar kepada institusi. Dengan itu kita berharap institusi yang lebih baik daripada maktab. *Attitude* kah? Institut bukan institusi. Institut. Hari ini dia baik....
[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Hari ini pun saya baik juga kerana saya benarkan walaupun secara berdialog begitu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya melanggar peraturan sedikit sahaja. Sedikit sahaja... [Ketawa] [Dewan Riu] Putaran, putaran. Saya sebutkan di sini pun termasuk di Sabah juga. Di Sabah lebih teruk lagi. Projek-projek bukan sahaja terbengkalai, hilang sama sekali. Lebih teruk di Sabah kerana ada Putatan di situ, memang dia teruk sekali lah.

Di sini mengenai 01800 - Bahagian Teknologi Pendidikan dan di sini saya tidak begitu faham RM58 juta untuk membiayai bayaran sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran secara interaktif. Kalau hendak adakan pengajaran dan pembelajaran interaktif, kita mesti mempunyai sistem perkomputeran yang baik dan setakat ini walaupun kita sudah mengkomputerkan lebih satu dekad tetapi di setengah-setengah sekolah, komputer tidak begitu baik, tidak beroperasi dengan baik kerana komputer ini maklumlah, dua tiga tahun sudah rosak. Kita tidak ada komputer yang baru dan kadangkala di sekolah-sekolah ini komputer tidak berfungsi dengan baik.

Apakah kaedah atau mekanisma untuk memastikan, menentukan semua komputer yang digunakan di sekolah-sekolah ini adalah *up-to-date*. Tidak ketinggalan zaman kerana komputer ini memang mudah, dua tiga tahun dia habis dah. Dengan itu sahaja sampai dah.. Ada tiga minit lagi... [Dewan riu] Mana ada.. begitu banyak butiran lagi ini. Tiga minit pun tidak cukup. Tiga minit tidak cukup...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak pernah merapu. Saya tidak boleh nak bincangkan tanpa kebenaran, izin Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak teruskan. Jangan kacau ya, jangan kacau. Di sini saya hendak..., ada 03700 sebab saya hendak sebutkan mengenai dua bandar, Sabah dan Sarawak kerana banyak daripada Putatan dan orang daripada Sabah...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan. Ada penjelasan.

Tuan Pengerusi: Belum pun dia berhujah mengenai dengan Sabah..

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dia sebutkan Putatan. Saya minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagaimana Yang Berhormat Kepong tahu masalah di Sabah sebab Kepong pun dia tidak boleh jaga. Hendak pergi ke Sabah lagi mahu jaga. Kawasan luar bandar di Sabah? Saya minta penjelasan sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berada di Kepong 32 tahun sudah. Apa masalah Putatan tanya. Kita memperuntukkan di sini, digunakan RM210 juta untuk membiayai bayaran kemajuan projek-projek luar bandar di Sabah dan Sarawak. Di Putatan pun ada projek-projek juga dan saya hendak tahu, di Putatan sahaja, apakah projek itu. Mesti nak tanya kerana Putatan tidak tahu. Kita bagi dia tahu. Projek-projek yang wujud di kawasan Putatan.

Bolehkan Yang Berhormat menerangkan dengan secara lebih terperinci mengenai projek-projek luar bandar di Sabah dan Sarawak kerana saya pun ada pergi dengan PAC - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara pernah pergi ke Sabah dan saya nampak kebanyakan projek di Sabah sama ada jumlah wang yang digunakan terlalu banyak

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pukul lapan, berhentilah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Pukul lapan sudah. Saya boleh teruskan esok? Tidak lama. Saya janji tidak akan lama.

Tuan Pengerusi: Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis, 19 Mac 2009. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.